

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

**Bil. 29****Rabu****29 Jun 2005**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):</b>	
• <b>Kemerosotan Kualiti Udara Akibat Jerebu</b> - <i>Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)</i>	(Halaman 26)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005	(Halaman 28)
<b>USUL:</b>	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 142)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
<b>Projek Mesra Alam dan Taman Pendidikan Di Padang     Meha Parklands, Kulim, Kedah</b> - <i>Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)</i>	(Halaman 142)
<b>Isu Pendidikan dan Perkhidmatan Perguruan</b> - <i>Y.B. Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)</i>	(Halaman 144)

---

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 29 Jun 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh bank tempatan dan orang ramai akibat dari pemalsuan kad kredit sejak 5 tahun kebelakangan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Sekijang bersama-sama Yang Berhormat bagi Setiu, yang dijadualkan pada hari ini juga dan juga Yang Berhormat bagi Jasin yang akan dijadualkan pada 4 Julai 2005 kerana soalan-soalan ini menyentuh perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kad kredit menawarkan beberapa faedah jika digunakan dengan berhemah. Faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh pengguna termasuk ia selamat dan mudah digunakan berbanding dengan wang tunai yakni pengguna tidak perlu membawa jumlah wang tunai yang banyak untuk melakukan pembelian. Sebagai contoh membuat bayaran bil hospital atau hotel dan sekiranya kad kredit didapati hilang atau dicuri pengguna boleh melakukan kehilangan tersebut untuk memberhentikan penggunaannya, pembelian tanpa faedah di dalam tempoh selama sekurang-kurangnya 20 hari, membantu membuat pembayaran ketika kecemasan, sebagai contoh kemasukan wad atau membaiki kenderaan yang rosak. Sesetengah kad kredit menawarkan perlindungan insurans terhadap pembelian melalui kad kredit yang mana barangan tersebut boleh diganti atau pengguna dibayar pampasan sekiranya barangan tersebut hilang atau rosak.

Pengguna kad kredit yang berhemah akan membentuk dan memperkukuhkan sejarah kredit pengguna tersebut secara positif, yang mana boleh membantu pengguna berkenaan mendapat pinjaman yang lain. Walau bagaimanapun, kejadian keterhutangan yang berlebihan atau mufliis boleh berlaku sekiranya pengeluaran atau penggunaan kad kredit tidak dilakukan secara berhemah. Berdasarkan laporan yang diterima daripada institusi perbankan jumlah kes yang disiarkan mufliis kerana gagal membayar hutang kad kredit pada tahun 2004 adalah sebanyak 1,397 kes berbanding sebanyak 1,152 kes pada tahun 2003. Namun demikian, sekiranya dibandingkan dengan jumlah keseluruhan kes individu yang mufliis, iaitu masing-masing sebanyak 12,351 kes dan 16,551 kes dalam tahun 2003 dan 2004. Jumlah kes mufliis melalui penggunaan kad kredit telah menurun daripada 9.3% dalam tahun 2003 kepada 8.6% pada tahun 2004.

Namun begitu, berhubung dengan dakwaan bahawa akhir-akhir ini ramai golongan muda yang disenaraikan mufliis, perkara ini harus terdahulu diselidiki kesahihannya. Sehubungan dengan itu Bank Negara telah meminta Jabatan Insolvensi untuk memberi perincian mengenai umur mereka yang telah diisytiharkan mufliis melalui penggunaan kad kredit. Ini adalah kerana buat masa ini hanya mereka yang berumur 21 tahun ke atas sahaja yang layak menggunakan kad kredit. Dengan jumlah gaji purata yang rendah kerana baru bekerja, golongan ini dianggarkan tidak berkemungkinan mendapat tahap penggunaan kad kredit yang tinggi yang boleh menjerumuskan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kehilangan yang dialami oleh bank kesan daripada klon, jawapannya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Kehilangan yang dialami oleh pihak bank kerana klon.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ada jawapannya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada? Sila jawab.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya tidak habis lagi. Saya ada 3 soalan sekali gus jadi panjang sikittlah. Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah gaji yang rendah kerana baru bekerja, golongan ini dianggarkan tidak berkemungkinan mendapat tahap penggunaan kad kredit yang tinggi yang boleh menjerumuskan mereka kepada bebanan

hutang melebihi RM30 ribu yakni jumlah yang layak diisytiharkan mufliis. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia dan pihak-pihak yang terbabit sedang mengkaji secara mendalam mengenai langkah untuk mengurangkan keterhutangan berlebihan dan mufliis melalui penggunaan kad kredit.

Secara amnya, Bank Negara Malaysia menggalakkan penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran secara elektronik dan bukannya sebagai sumber kredit yang mudah. Oleh yang demikian, pendekatan kepada memperkenalkan syarat-syarat baru harus dihalusi secara seimbang memandangkan ramai pengguna yang bijak juga memerlukannya untuk kemudahan membuat pembayaran secara elektronik dan faedah-faedah sampingan yang disediakan. Walaupun penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran semakin meningkat, hutang melalui kad kredit masih terkawal dan tidak di peringkat kritikal.

Jumlah hutang kad kredit hanya merangkumi 2.7% daripada jumlah keseluruhan baki tertunggak bagi semua jenis pinjaman pada akhir tahun 2004. Secara purata bagi jangka masa 5 tahun yang lalu sebanyak 56% daripada jumlah transaksi kad kredit telah dibayar sepenuhnya. Jumlah pinjaman tidak berbayar kad kredit juga hanya merangkumi 4.5% daripada jumlah baki tertunggak kad kredit pada tahun 2004 berbanding dengan 4.4% pada tahun 2003. Buat masa ini walaupun kad kredit yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 6.9 juta kad, jumlah pemegang kad utama ataupun *principal card holders* adalah dianggarkan seramai 2 juta orang sahaja kerana hanya mereka yang layak sahaja boleh diberikan kad kredit. Justeru itu Bank Negara akan sentiasa memantau kegiatan dan perkembangan kad kredit serta mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan penggunaan kad kredit adalah secara berhemah dan tidak menjurus kepada masalah keterhutangan yang berlebihan dan mufliis.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik mengenai kerugian penipuan kad kredit, jumlah kerugian yang dialami sejak 5 tahun kebelakangan ini ialah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah kerugian (RM)</b>
2000	36.1 juta
2001	43.5 juta

---

2002	29.7 juta
2003	60.6 juta
2004	69.9 juta

Hampir kesemua jumlah kerugian kad kredit adalah ditanggung oleh pihak institusi pengusaha kad kredit melainkan kerugian yang berpunca daripada kelalaian pemegang kad kredit itu sendiri. Kerugian yang dialami adalah kecil berbanding dengan urus niaga yang dijalankan melalui kad kredit ini. Sebagai contoh kerugian bagi tahun 2004 adalah RM69.9 juta iaitu merangkumi sebanyak 0.2% daripada jumlah transaksi menerusi kad kredit yang bernilai RM34.9 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, 94.75% daripada jumlah kerugian ini adalah akibat pengklonan kad kredit. Sebagai langkah untuk membanteras pengklonan mulai Januari 2005, industri kad kredit secara keseluruhannya telah mengambil inisiatif untuk menukar kad kredit berjalur magnetik kepada kad bercip berasaskan piawai *ero master visa* ataupun EMV. Dengan penggunaan kad kredit bercip dijangkakan kerugian akibat pengklonan kad kredit akan berkurangan dan seterusnya mengurangkan jumlah keseluruhan kerugian kad kredit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang menjawab soalan saya tadi. Walaupun kita dapati bahawa banyak faedah-faedah ataupun kelebihan yang dikatakan apabila menggunakan kad kredit ini tetapi yang menjadi haru biru dalam masyarakat kita pada hari ini ialah akibat daripada kad kredit ini ada di antara keluarga yang berpecah, ada di antara suami isteri yang bercerai berai dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa pengeluaran kad kredit di dalam negara kita ini nampaknya tidak terkawal. Sebab itu ada di antara pihak-pihak apabila ada kelebihan ini cuba untuk mencari jalan mudah iaitu membuat kad palsu tetapi sebenarnya apa yang saya dan kita dapati ialah pengeluaran kad kredit oleh bank-bank di negara kita ini tidak terkawal. Soalan saya, apakah kementerian bercadang untuk mengawal bank-bank dari mengeluarkan kad kredit di dalam negara ini kerana ada di

antara individu-individu yang mempunyai kad kredit melebihi 10 kad dan sekiranya kesemuanya digunakan ataupun separuh digunakan dengan maksimum akan mengakibatkan individu tersebut menanggung hutang yang jauh lebih tinggi daripada pendapatannya. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi peraturan mengawal pengeluaran kad kredit oleh bank-bank. Ini bermakna seorang boleh pegang 5 hingga, kadang-kadang macam disebut tadi oleh Yang Berhormat Sekijang, sampai 10 pun ada. Bank Negara sekarang ini di peringkat mengkaji perkara ini tetapi keputusan belum lagi dibuat, cuma mengkaji kesan, kalau kita mengehendkan dan kesan kalau kita biarkan keadaan berterusan begini. Ia akan memakan masa sedikit untuk melihat kesan kepada pasaran kewangan. Yang penting, Tuan Yang di-Pertua ialah tentang pihak bank itu sendiri. Jadi, ada sistem untuk hendak memeriksa sama ada orang yang berkenaan yang memohon adalah *create credit verity* atau tidak, sama ada dia mampu atau tidak memegang sampai 10 kad. Jadi, terpulang kepada pihak bank yang mengeluarkan kad itu. Kalau ia mengeluarkan juga bermakna ia akan mengalami risiko yang tinggi. Pihak bank sendiri kena, di peringkat pengeluaran sendiri kena tahu sama ada seseorang itu mampu atau tidak memegang begitu banyak kad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan Persatuan Pengguna selalu menyarankan supaya kita berjimat cermat dan jangan banyak berhutang dan jangan banyak kredit kad. Tetapi sebagai wakil rakyat memang kena banyak kredit kad. Saya banyak kredit kad pasal hendak *rolling*....

**Seorang Ahli:** Berapa ada?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ada 6 – 7. Hendak *rolling* bantuan kepada orang kampung dan sebagainya. Persoalannya, apakah Yang Berhormat sedar bahawa syarikat-syarikat kad kredit ini faedah yang dikenakan itu lebih daripada yang dikenakan oleh 'along'. Ini secara tidak langsung menyebabkan seseorang itu menanggung beban keterhutangan.

Jadi adakah Bank Negara akan meletakkan satu garis kadar faedah yang perlu dikenakan kepada pengguna-pengguna kad kredit. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua,

kredit kad ini di merata shopping center, di merata kedai minyak, jadi nampak status kad kredit ini cukup rendah, jadi kita kalau pakai kredit kad ini dia ada platinum lah, gold lah, super platinum, apa lagilah platinum, 'roket platinum' kah apa.

Ini harus diambil kita oleh pihak Kementerian Kewangan supaya jangan begitu bebas dan pihak-pihak *credit card* sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, di membuat *under cutting*lah untuk memastikan supaya kad-kad kredit kad mereka ini dilangani oleh pelanggan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...secara tak langsung Tuan Yang di-Pertua, ia akan membawa seseorang itu dalam beban hutang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Apakah pandangan Yang Berhormat. Sebelum tu Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pelajar-pelajar dari *Methodist School* di Klang [*Tepuk*] dan juga Yang Berhormat Dungun orang dia pun tunggu, dah nak masuk dah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita sudah tahu dah, siapa pengguna kredit kad yang tidak berdisiplin [*Ketawa*].

Yang Berhormat Jerai, nampaknya dia sendiri mengakulah dia tidak berdisiplin ada empat, lima kad tapi dan menggunakan habis, kad itu. Sebenarnya asas kredit kad Tuan Yang di-Pertua, untuk kemudahan *transaction* dan bukan untuk kemudahan kredit hutang banyak, kemudahan *transaction* bermakna kita pergi bawa kad itu untuk bayaran kemudian dalam jangka 20 hari kita bayar tak kena *interest*, kalau bayar penuhlah, tak kena *interest*, ini Yang Berhormat Jerai dia guna kad dia tak bayar, jadi kena *interest*lah [*Ketawa*].

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua, sangkaan buruk [*Ketawa*].

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Buruk sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Malaysia ini dan juga Thailand, kadar *interest* yang dikenakan di atas kredit kad dan yang paling rendah dirantau ini. Kalau ikut macam di Singapura 24 *percent*, ada kadang-kadang negara yang mengenakan sehingga 40 peratus kredit kad .

Sebenarnya kalau kita tanya bank, dia kata 18 peratus sebenarnya margin, *profit* margin adalah cukup rendah.

Saya bagi *breakdown* sedikitlah Tuan Yang di-Pertua, tentang kos kredit kad ini yang dikeluarkan yang ditanggung oleh pihak bank ini. Kos adalah kredit *risk* pun dia kena tanggungjawab ..... *risk* pun bank kena tanggungjawab, *cost of funding* dan juga *investment cost* . Semuanya lebih daripada 10 peratus yang ditanggung oleh pihak bank maka sebab itulah bank mengenakan 18 peratus, ini pun kira yang paling minimumlah dirantau ini. Terima kasih.

2. **Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan [Dungun]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah guru-guru peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut negeri dan berapakah jumlah guru Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris yang belum diisi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 14 April 2005, jumlah guru di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara adalah seramai 320,185 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 186,514 orang adalah guru di peringkat sekolah rendah dan 133,671 orang adalah di peringkat menengah. Bilangan guru di peringkat sekolah rendah dan menengah mengikut negeri adalah seperti berikut. Untuk negeri Ahli Yang Berhormat iaitu negeri Terengganu, bilangan guru di sekolah rendah adalah 9,768, sekolah menengah 7,477.

Untuk negeri Selangor sekolah rendah bilangan adalah 25,519, sekolah menengah 18,568 dan Johor 22,799 untuk sekolah rendah dan untuk sekolah menengah 15,537. Untuk negeri-negeri yang lain saya ada menyertakan di dalam jawapan Yang Berhormat Dungun secara terperinci. Di peringkat sekolah rendah bilangan guru Matematik yang belum diisi adalah seramai 863 orang dan Bahasa Inggeris seramai 2,678 orang. Buat masa ini tiada kekurangan guru bagi opsyen mata pelajaran Sains di peringkat sekolah rendah. Di peringkat sekolah menengah pula bilangan kekurangan guru Matematik adalah seramai 167 orang, Sains seramai 398 orang dan Bahasa Inggeris seramai 1,481 orang. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada jawapan daripada kementerian. Pencapaian UPSR Tuan Yang di-Pertua, di Terengganu khususnya ramai yang mendapat 4A yang Bahasa Inggerisnya menjadi B

dan C, ini berkemungkinan kerana kekurangan guru Bahasa Inggeris. Boleh dikatakan negeri-negeri di Pantai Timur mempunyai pengalaman ini. Walau pencapaian UPSR ini jauh lebih baik daripada dulu-dulu tetapi nyata bahawa dengan kekurangan yang begitu ketara guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah khususnya akan membawa suatu implikasi yang kurang *balance* apabila kita mendapat keputusan-keputusan.

Saya hendak tanya kementerian apakah masalah kekurangan Bahasa Inggeris ini kerana pertamanya sikap guru Bahasa Inggeris tak nak pergi ke luar bandar ataupun apakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa kekurangan guru Bahasa Inggeris ini memang tidak mempunyai pendekatan langkah-langkah yang serius yang dilaksanakan oleh kementerian. Kalau ini, dapat dijelaskan oleh kementerian apakah sebenarnya kaedah yang serta-merta yang segera yang boleh dilaksanakan ataupun di uruskan oleh kementerian supaya masalah kekurangan Bahasa Inggeris khususnya di sekolah dan menengah ini dapat di atasi dengan segera. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Dungun. Kerajaan ataupun Kementerian Pelajaran memang prihatin tentang kekurangan Bahasa Inggeris, kekurangan guru bahasa Inggeris dan beberapa langkah telah pun diambil oleh Kementerian Pelajaran. Bagi mengatasi kekurangan guru Bahasa Inggeris Kementerian Pelajaran telah melaksanakan beberapa program seperti *Bachelor in Education (TESL)* ataupun *Teaching of English as a Second Language* yang mengambil 500 orang bakal guru Bahasa Inggeris setiap tahun. Kementerian Pelajaran juga menawarkan berbagai program pengkhususan Bahasa Inggeris menerusi kursus pendidikan guru pra-perkhidmatan dan juga dalam perkhidmatan.

Antara kursus-kursus pendidikan guru pra-perkhidmatan yang menawarkan pengkhususan Bahasa Inggeris adalah seperti (KPLI) ataupun Kursus Perguruan Lepas Ijazah *mode* penuh masa untuk sekolah rendah dan sekolah menengah dan juga *mode* Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah ataupun (LPBS) untuk sekolah rendah. Lain-lain program adalah Program Ijazah Sarjana Muda Pengajaran (PISMP) *Bachelor of Education TESL* program kembar dengan IPTA dalam negara dan juga *Bachelor of Education TESL* program kembar dengan universiti luar negara.

(KPM) juga kementerian juga menjalankan kursus dalam perkhidmatan seperti enam minggu *conversion cost* bagi guru-guru bukan opsyen Bahasa Inggeris semasa

mengikuti latihan di maktab atau universiti tetapi, mempunyai kemahiran dan pengalaman yang lama mengajar Bahasa Inggeris di sekolah. Melalui kursus *conversion* ini bilangan guru Bahasa Inggeris, kami yakin akan bertambah. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, apa pun alasan yang dibagi oleh kementerian di luar bandar, saya sudah suarakan dalam Dewan ini bahawa kita kekurangan guru Bahasa Inggeris. Sekarang di luar bandar bukan sahaja guru Bahasa Inggeris bahkan ada di kalangan sekolah-sekolah di luar bandar guru-guru biasa pun kurang, kerana mereka tidak mahu pergi luar bandar kerana gaji sama kemudahan luar bandar tidak cukup.

Sekarang di luar-luar bandar ini mengajar Matematik dan Sains ini dia gunakan guru biasa yang tidak pakar Bahasa Inggeris. Jadi, bererti seperti mana kata sahabat-sahabat saya *English Language* dengan izin, *English Language Club* dikendalikan dalam Bahasa Melayu. Kelab itu, kelab Bahasa Inggeris dia bercakap Bahasa Melayu, jadi ini masalah nya. Saya fikir kementerian patut serius sedikit untuk mengendalikan kekurangan ini dengan serius.

Saya bagi kawasan Parlimen Kalabakan, saya ..... semua sekolah Terima kasih atas jawapan 43 buah sekolah ini, apa kekurangan yang ada dan saya akan *submit* kepada kementerian. Jadi, kita minta kalau boleh ketenteraan ada perancangan yang meyakinkan Wakil-wakil rakyat Parlimen kita. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada cadangan dan juga pandangan daripada Ahli Yang Berhormat. Memang kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia, memandang dengan begitu serius pentingnya kami menyempitkan jurang di antara kualiti pendidikan di kawasan bandar dan luar juga di luar bandar. Beberapa langkah telah pun diambil seperti kami memberi insentif untuk guru-guru yang bertugas di kawasan-kawasan pendalaman dan kami juga sekarang telah menyediakan rumah guru.

Di sini ingin saya tegaskan walau pun harga seunit rumah guru di kawasan-kawasan pendalaman khususnya di Sabah dan Sarawak ada kemungkinannya jauh lebih tinggi daripada di semenanjung, memang kami sedar bahawa ini adalah satu

tarikan dan ini *quarters* guru ini akan lebih memberi dorongan kepada guru-guru untuk bertugas di kawasan pedalaman.

Pada masa yang sama kementerian saya khususnya Menteri Pelajaran sendiri telah meraikan guru-guru yang bertugas di kawasan-kawasan ini sebagai tanda penghargaan atas jasa baik mereka. Terima kasih.

**3. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah jenis atau kategori program-program biasiswa atau tajaan pendidikan yang dikendalikan oleh Petronas dan berapakah jumlah pelajar anak watan Sabah yang mendapat manfaat dari program-program tersebut sejak tahun 2000.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat program-program penajaan pendidikan Petronas terbahagi kepada dua iaitu biasiswa kecil ataupun *minor of programe* dan penajaan bagi pengajian di institusi pengajian tinggi atau pun *major of program*. Program biasiswa kecil adalah merupakan bantuan kewangan untuk para pelajar yang layak di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia bagi Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam. Manakala program penajaan bagi pengajian di institusi pengajian tinggi merupakan bantuan kewangan di dalam bentuk pinjaman boleh ubah ataupun *convertible loan*. Untuk para pelajar yang layak bagi pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan dan juga luar negara yang diiktiraf kerajaan untuk peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, sejak tahun 2000 seramai 551 pelajar-pelajar dari negeri dari negeri Sabah telah ditaja di bawah kedua-dua program tersebut yang mana seramai 410 orang bagi program biasiswa kecil dan 141 orang bagi penajaan bagi pengajian di institusi pengajian tinggi.

**Tuan Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri walau pun soalan ini bukan dalam bidang kuasa beliau. Dalam soal pemberian atau bantuan biasiswa ini adakah Petronas memberi keutamaan atau *quota* yang tertentu kepada pelajar-pelajar dari tiga negeri, negeri pengeluar minyak dan gas di negara ini, memandangkan Petronas dan Malaysia secara amnya menerima banyak manfaat daripada pengeluaran minyak dan gas dari negeri-negeri ini. Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Penampang. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang tidak ada pertimbangan kelebihan yang diberi kepada pelajar-pelajar dari tiga negeri ini tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum pertimbangan tersebut ada diberi dari segi royalti yang diberi kepada ketiga-tiga negeri ini. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat beritahu memandangkan Petronas diramalkan mendapat pendapatan yang banyak, lebih berbilion-bilion ringgit pada tahun ini dan tahun hadapan. Adakah ia akan memberi biasiswa dan tajaan pendidikan kepada semua masyarakat, termasuk masyarakat India dan Cina. Dalam hal ini, apakah yang telah dibuat untuk menaja murid-murid atau pelajar-pelajar kepada luar negeri? Adakah ia juga merangkumi dalam memberi biasiswa ini?

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pemilihan pelajar-pelajar yang diberi biasiswa tidak sekali bergantung kepada suku kaum, ia bergantung kepada kelayakan dan kelayakan ini bukan sahaja menumpu kepada kelayakan akademi tetapi diambil kira juga perkara seperti penglibatan dalam kokurikulum dan sebagainya.

Setahu saya pelajar-pelajar yang telah diberi biasiswa, sama ada untuk program biasiswa kecil ataupun program penajaan untuk luar negara atau institusi pengajian tinggi tempatan memang merangkumi semua suku kaum tetapi untuk program biasiswa kecil terutama sekali di Sabah, Sarawak dan juga Terengganu, kemungkinan lebih ramai lagi kaum bumiputera diberi kerana kelayakan yang diberi tekanan ialah sosioekonomi, pemohon-pemohon tersebut.

4. **Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berapakah kes tangkapan senjata api atau komponen dan penyeludupan dadah melalui KLIA sejak mula beroperasi hingga kini.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes tangkapan dan rampasan senjata api di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang direkodkan sejak mula beroperasi sehingga Mei tahun ini iaitu 2005 adalah dua kes tangkapan dan tiga kes rampasan.

Pada tahun 2000, sebanyak 8 butir peluru jenis 9mm telah dirampas dan tiada kes tangkapan dibuat.

Manakala pada tahun 2003 pula, PDRM telah merampas satu butir peluru jenis M16, tiga butir peluru jenis 0.38 dan seorang telah ditahan. Pada tahun 2005, bulan Mei ini PDRM telah merampas satu pistol jenis Alfa Revolver, satu pistol jenis Berreta dan satu pistol jenis Colt, sebelas butir kelongsong peluru warna emas, dua belas butir kelongsong peluru warna perak dan satu komponen senjata, iaitu *hard guard*, telah pun dirampas dan satu tangkapan telah dibuat melibatkan dua orang lelaki.

Manakala PDRM juga telah berjaya mengesan aktiviti penyeludupan dadah di KLIA di mana PDRM telah berjaya mengesan 28 kes penyeludupan dan tangkapan seramai 22 orang bagi tempoh tahun 2000 sehingga Mei tahun ini. Jenis-jenis yang dirampas adalah heroin seberat 10,470 gm, kokain 3,800 gm, ketamin 9,586 gm, syabu 150 gm, ecstasy 38,287 biji dan Erimin5 sebanyak 104,600 biji. Sekian, terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan yang diberikan saya dapati kes-kes penyeludupan senjata api dan juga dadah ini memang berlaku di KLIA dan saya pasti perkara ini perlu dipandang serius kerana alat ataupun mesin pengimbas yang digunakan di KLIA juga mungkin tidak menepati ataupun tidak dapat mengesan secara terperinci barang-barang yang dilarang.

Saya percaya perkara ini akan terus berlaku sekiranya tidak diambil satu pendekatan, satu tindakan yang lebih terperinci. Saya dapati beberapa perkara yang timbul daripada *feed back* yang saya dapat daripada pegawai keselamatan di lapangan terbang, di mana hubungan di antara Kementerian Dalam Negeri atau Keselamatan Dalam Negeri ataupun pihak polis dengan pihak Kementerian Pengangkutan di mana kawalan keselamatan di lapangan terbang di bawah Kementerian Pengangkutan dan saya hendak tanya Kementerian Dalam Negeri, apakah cara untuk mempertingkatkan lagi keselamatan di lapangan terbang, khususnya untuk menyekat penyeludupan dadah dan juga senjata api melalui lapangan terbang antarabangsa ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan bukan sahaja di antara Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Pengangkutan tetapi juga bersama dengan Kementerian Kewangan melalui Kastam dan sebagainya, di mana

kerjasama memang ada dan wujud setakat ini. Mesin-mesin seperti *scanner* dan sebagainya akan digunakan dan akan dipertingkatkan kalau perlu.

Kerajaan memang mengambil pandangan yang berat berkenaan dengan masalah penyeludupan ini, berkenaan dengan senjata dan dadah. Dan, segala tindakan akan diambil untuk meningkatkan keselamatan bukan sahaja di KLIA tetapi juga di lain-lain tempat masuk. Sekian, terima kasih.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Berdiri bagi pihak Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat tahu ekoran daripada tangkapan-tangkapan yang dibuat di KLIA, adakah sesiapa dituduh di mahkamah? Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, oleh kerana pertanyaan ini secara spesifik dan memerlukan butir-butir saya minta notis berkenaan dengan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh beri secara bertulis?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Saya akan beritahu secara bertulis.

5. **Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan status Pusat Penyembelihan Babi oleh Tip Top Meat Sdn. Bhd. di Jalan Rawang, Batang Berjantai dan apakah jaminan bahawa sisa kumbahannya tidak menyerap masuk ke Sungai Sembah dan mencemarkan air Sungai Selangor yang menjadi sumber air bagi penduduk Lembah Klang dan sekitarnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, hasil pemeriksaan dan pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar mendapati Pusat Penyembelihan Babi oleh Tip Top Meat Sdn. Bhd. sentiasa mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sisa kumbahannya tidak memasuki mana-mana alur air yang terdapat di kawasan Batang Berjantai dan kawasan persekitarannya. Pihak kilang telah pun membina sebuah kolam yang besar seluas 10 ekar bagi menampung air buangan kumbahan yang diolah dan sehingga ke hari ini tidak terdapat sebarang insiden air takungan melimpah keluar meskipun hari hujan dan kejadian banjir. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep:** Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pusat Penyembelihan Khinzir ini terletak di atas tanah

yang agak tinggi dan di kelilingi oleh tasik-tasik bekas lombong yang airnya mengalir ke Sungai Sembah dan terus ke Sungai Selangor yang dibekalkan oleh SYABAS menjadi bekalan air di Lembah Klang dan kawasan sekitar.

Isu yang berbangkit di bawah:

- (i) lori-lori yang mengangkut kerbau-kerbau pendek ini, [*Ketawa*] masuk dan keluar tidak ditutup dan menimbulkan ketidakselesaan pengguna jalan raya;
- (ii) kaki-kaki pancing mendakwa bahawa tulang-tulang babi yang berkenaan dibuang ke tasik yang berkenaan;
- (iii) untuk meningkatkan keyakinan rakyat dari segi agama dan juga kesihatan khususnya orang Islam, apakah langkah keselamatan atau pemeriksaan yang perlu dijalankan oleh JAS dari semasa ke semasa untuk memastikan tidak berlaku kebocoran daripada kolam kumbahan ke aliran yang saya sebutkan tadi; dan
- (iv) adakah rancangan untuk meninggikan tebing kolam kumbahan yang berkemungkinan berlaku hujan lebat dan air melimpah.

Jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memang cukup cantik di atas kertas dan saya tidak mahu peristiwa di Bukit Tagar .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** ..... walaupun jaminan diberikan oleh kementerian tetapi berlaku juga pembuangan sisa kumbahan ke anak sungai. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Ada dua bahagian soalan. Sebenarnya ada lima soalan tambahan itu. Soalan pertama dan kedua itu bukan di bawah bidang kementerian kita yang berkenaan dengan tulang dibuang dalam tasik dan lori tidak ditutup.

Bagi Jabatan Alam Sekitar, untuk memastikan pihak syarikat mematuhi syarat-syarat dan peraturan, pihak kami sememangnya dari semasa ke semasa membuat lawatan dan ianya juga mengikut selain daripada lawatan berkala, ia mengikut aduan-aduan tertentu yang dijalankan.

Buat masa ini, sehingga hari ini, kilang ini masih lagi mematuhi peraturan-peraturan ketat yang telah kita tetapkan. Untuk menaikkan lagi tebing tinggi itu insya-Allah saya akan *check* balik, kalau perlu ditinggikan, kita akan sarankan supaya tebing tersebut ditinggikan. Sekian, terima kasih.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun menyebut tadi tentang kolam kumbahan. Adakah kolam ini mencukupi untuk proses oksidasi dan yang kedua, apakah *guarantee* bahawa air di dalam kolam ini tidak menyerap ke dalam tanah dan akan mencemar air dalam tanah ataupun *ground water* kerana kebanyakan sekarang tempat penyembelihan atau *abattoir*, kita menggunakan teknologi SBR (*Sequential Batch Reactor*). Ini yang paling cekap kerana air kumbahan tidak akan mengalir dan tidak masuk ke dalam tanah, tetapi masuk ke dalam sungai. Sekian.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Mengikut apa yang telah dibuat oleh syarikat pada masa ia membuat permohonan untuk mengadakan 10 ekar takungan sememangnya mencukupi. Tetapi sekiranya kita tengok sekarang kalau ada teknologi baru, teknologi moden seperti yang dipercakapkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, kita akan kenal pasti dan kita akan cuba memberi *recommendations*, dengan izin kepada mereka.

Dari segi jaminan, kita mempunyai Akta Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1974. Itu adalah jaminan daripada pihak kerajaan. Sekiranya langgar, kita saman. Terima kasih.

**6. Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan lima (5) GLC yang memperolehi keuntungan sebelum cukai yang tertinggi untuk tahun kewangan yang terakhir dan berapa peratuskah 'Return On Capital Employed' (ROCE) yang disumbangkan oleh mereka untuk tahun kewangan tersebut. Nyatakan juga lima (5) GLC yang memperolehi kerugian yang terbesar untuk tahun kewangan terakhir dan berapakah kerugian terkumpul masing-masing sehingga tahun kewangan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, lima GLC ataupun *Government-Linked Companies* yang tersenarai, yang memperolehi keuntungan sebelum cukai yang tertinggi bagi tahun kewangan terkini ialah:

- (i) Malayan Banking Berhad dengan keuntungan sebelum cukai RM3.357 bilion dengan *returns on capital employed* ialah 5.2 peratus;
- (ii) Telekom Malaysia Berhad RM3.172 bilion keuntungan sebelum cukai dan *returns on capital employed* ialah 10.8 peratus;
- (iii) MISC dengan keuntungan sebelum cukai RM2.326 bilion dengan *returns on capital employed* ialah 14.5 peratus;
- (iv) Tenaga Nasional dengan keuntungan sebelum cukai RM1.482 bilion dengan *returns on capital employed* ialah 3.3 peratus; dan
- (v) Sime Darby dengan keuntungan sebelum cukai RM1.343 bilion dengan *returns on capital employed* ialah 9.2 peratus.

Lima syarikat GLC yang memperolehi kerugian sebelum cukai yang terbesar bagi tahun kewangan yang terkini ialah:

- (i) Time Dot Com Malaysia Berhad kerugian RM831.9 bilion dan kerugian *on capital employed* ialah 26.3 peratus;
- (ii) Time Engineering Berhad kerugian RM420.9 bilion dan kerugian *on capital employed* ialah 16.6 peratus;
- (iii) MBSB kerugian RM66.7 juta dan kerugian *on capital employed* ialah 2.7 peratus;
- (iv) Sime Engineering Services Malaysia Berhad kerugian RM54.1 juta dan kerugian *on capital employed* ialah 39.4 peratus; dan
- (v) Lityan Holdings Berhad kerugian RM20 juta dan kerugian *on capital employed* ialah 6.48 peratus.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mudah sahaja. Apakah sebab-sebab utama beberapa syarikat yang disebutkan tadi mengalami kerugian yang begitu besar.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang ini susah hendak jawab. Saya tidak ada maklumat yang terperinci dan bolehlah saya mendapatkan maklum yang tersebut. Tetapi buat sementara waktu pihak kerajaan

sedang membuat *restructuring* dengan izin ke atas Time Engineering dan juga Time Dot Com Sendirian Berhad.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan, saya nampak Kementerian Kewangan sangat aneh. Nampaknya tidak ada Menteri. Perdana Menteri sangat sibuk. Menteri yang kedua pun tidak ada. Pun tidak ada Timbalan Menteri, dua orang Timbalan Menteri tidak pernah datang. Semua atas bahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mengucapkan syabas kepada beliau. Tetapi ini bukan patut diadakan. Mana itu dua Menteri, mana itu dua Timbalan Menteri Kewangan? Kita mahu mereka datang ke sini! Akauntabiliti! Saya harap ini akan diambil perhatian yang berat dan tidak berlaku di masa hadapan.

Soalan tambahan saya ialah, sudah satu tahun di mana Yang Amat Berhormat kata bahawa mahu satu *revamp* GLCs dan ada KPI (*Key Performance Index*). Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi satu *report card* satu tahun selepas *revamp* GLC ini khasnya oleh kerana ada satu CIMB *study* didapati dengan izin, a CIMB *study they found GLCs to be less productive users of capital, more geared and lagging significantly in terms of total shareholders returns, GLCs posting and 11.3 percent ROE (Return On Equity) against 13.7 percent for non-GLC. They were also less productive with the profit per employee of RM109,000 against RM127,000 for non-GLCs.*

*In terms of gearing GLSs had an average that to equity ratio of 60 percent verses 35 percent for non-GLCs dan akhirnya general review therefore the GLCs made the most noise, occupied the grandest buildings, and employ the most number of workers, yet by every other measure fall woefully short of the expectations of their biggest shareholder, the government.*

Kita ada GLC yang besar semacam TM Net, Telekom tetapi masalah Streamyx dan subscriber internet tidak selesai, ada GLC besar Tenaga Nasional tetapi baru-baru ini *blackout* di Kuala Lumpur – Golden Triangle; ada GLC, PROTON baru-baru ini kita dengar Chief Executive Tan Sri Mahalile menyalahkan kerajaan oleh kerana dasar *automotive* sabotaj PROTON. Bolehkah satu *report card* satu tahun selepas *revamp* GLC? Apa sudah dicapai oleh kerana Eksekutif atau CEO GLC yang baru mungkin

mereka dapat gaji semua *included* lebih daripada RM100,000 satu bulan. Apakah prestasi mereka?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila jawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor ini kawan lama saya daripada Penang dahulu. Macam itulah *style* dia, tidak pernah bercakap *slow*. Selalu macam itu. Berkenaan dengan maklumat yang dipohon yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya tidak ada maklumat segera sekarang ini. Saya minta notis untuk menjawab soalan ini. Terima kasih.

7. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah kementerian hendak melaksanakan kaedah di mana pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh ditukar ke PBT yang lain di seluruh Negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian setakat ini sedang mengkaji beberapa cadangan untuk menjadi anggota perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia sebagai anggota perkhidmatan awam. Dua perkara utama yang sedang diteliti adalah aspek perundangan dan perkhidmatan. Cadangan ini dikemukakan setelah kementerian mendapati sistem perkhidmatan tertutup yang diamalkan oleh PBT pada masa kini mempunyai pelbagai kelemahan yang menjejaskan mutu perkhidmatan PBT.

Sekiranya cadangan ini diluluskan kelak, maka beberapa perubahan akan dilaksanakan untuk menjadikan perkhidmatan PBT lebih terbuka di mana anggota perkhidmatan PBT boleh berpindah ke PBT lain dalam negeri yang sama. Peluang kenaikan pangkat akan lebih banyak diwujudkan serta meningkatkan motivasi anggota perkhidmatan PBT. Kementerian percaya perubahan yang bakal dilakukan ini akan dapat membantu PBT memberi perkhidmatan yang lebih baik. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan saya ini Tuan Yang di-Pertua, ia berbunyi minta kementerian menyatakan bilakah kerana jawapan yang dikemukakan

oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi sudah saya dengar daripada Parlimen Yang Kesepuluh, ini Parlimen Yang Kesebelas.

Saya fikir jawapan dalam menggubal undang-undang itu sudah siaplah sebab itu pertanyaan saya bilakah, tetapi apabila jawapan dalam Parlimen Kesebelas sama juga dengan jawapan dalam Parlimen Yang Kesepuluh maknanya soalan ini kena soallah dalam Parlimen Yang Kedua Belas. *[Bercakap dalam bahasa Cina]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Biarlah saya terangkan apa yang telah dilakukan sampai sekarang di dalam proses ini. Kementerian dalam membuat satu laporan yang telah dibawa ke Jemaah Menteri untuk menerima pandangan Jemaah Menteri berkenaan dengan perubahan-perubahan ini, Jemaah Menteri telah mengarahkan supaya satu jawatankuasa ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk membincangkan beberapa hal berkenaan ini termasuk pemindaan perlembagaan dan pemindahan kepada Akta 171 iaitu Akta Kerajaan Tempatan kerana isu ini adalah isu yang berkaitan perlembagaan sistem pemerintahan yang *third level of government*, sistem kerajaan yang ketiga melibat kuasa di dalam kerajaan negeri dan meliputi kebebasan yang termaktub di Perlembagaan yang telah diberi kepada pihak berkuasa tempatan.

Oleh yang demikian, masalah ini bukanlah masalah yang senang diselesaikan dengan serta-merta. Sekarang jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSN telah mengadakan beberapa perbincangan dan mereka telah mengemukakan beberapa cadangan. Cadangan ini akan dibawa balik kepada Jemaah Menteri dan kita perlu membincangkan perkara ini di dalam Majlis Kerajaan Tempatan Negara yang akan diwakili oleh Menteri-Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri untuk menerima pandangan mereka. Kalau semua orang bersetuju, maka pemindahan yang perlu akan dilakukan ke atas perlembagaan dan pemindaan yang perlu akan dilakukan kepada Akta 171 dan selepas itu cadangan-cadangan ini boleh dilaksanakan. Terima kasih.

8. **Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin** [Parit Buntar] minta Menteri Pengangkutan menyatakan peratusan pendaftaran kenderaan keluaran tempatan berbanding kenderaan import bagi tahun 2004.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, jumlah kenderaan yang didaftarkan bagi seluruh Malaysia pada tahun 2004 ialah sebanyak 932,363 dan sebanyak 856,303 adalah kenderaan pemasangan dan pembinaan tempatan. Sebanyak 68,850 adalah kenderaan yang diimport dan lain-lain kenderaan adalah sebanyak 7,210 buah.

Dari jumlah keseluruhan kenderaan yang didaftarkan itu, peratusan kenderaan pemasangan dan pembinaan tempatan adalah sebanyak 92%. Kenderaan import sama ada import baru ataupun import terpakai sebanyak 7.4% dan lain-lain kenderaan pula adalah sebanyak 0.6% sahaja. Terima kasih.

9. **Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan mengenai perancangan yang perlu dibuat untuk memajukan perusahaan batik di negara ini yang semakin luput walaupun ia popular di kalangan orang pantai timur.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, perusahaan batik di Malaysia sebenarnya tidak luput malah semakin berkembang. Ini terbukti berdasarkan statistik kajian industri kraf yang menunjukkan peningkatan bilangan pengusaha batik daripada 270 orang pada tahun 2001 kepada 324 orang pada tahun 2004. Saya juga ingin memaklumkan bahawa batik merupakan produk yang paling laris yang mendahului jualan produk kraf yang lain di setiap acara jualan yang diadakan dan disertai oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia di peringkat domestik.

Bagi memastikan industri batik terus berkembang, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah meningkatkan lagi usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan usahawan kraf, pembangunan tenaga mahir melalui Institut Kraf Negara dan pemasaran dan promosi di peringkat domestik dan antarabangsa.

Program pembangunan usahawan melibatkan aktiviti latihan kemahiran tenaga kerja, bimbingan, taklimat produk dan bengkel. Sebanyak 30 aktiviti kemahiran tenaga kraf batik telah diadakan pada tahun 2004. Sehingga Mei 2005, sebanyak 10 aktiviti telah diadakan. Untuk program tenaga mahir pula bagi tempoh 2003 hingga 2005

seramai 53 orang pelajar kraf batik peringkat sijil dan 38 orang peringkat diploma telah menamatkan pengajian. Sekian, Terima kasih.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kementerian yang telah menjawab. Soalan saya, kita dapati rata-rata di pantai timur ini satu perusahaan yang begitu ketara ialah batik iaitu Kelantan dan Terengganu terkenal dengan batik sehingga apabila Yang Berhormat Perdana Menteri dan juga isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datin Seri Endon pun apabila datang tentunya pergi ke perusahaan batik.

Kita dapat tahu di negeri Kelantan, kebanyakan perusahaan batik yang di luar-luar bandar, yang jauh daripada Kota Bharu kilang-kilangnya hampir-hampir ditutup. Oleh sebab batik ini merupakan satu perusahaan yang kita sanjung tinggi terutama sekali di Malaysia dan lebih-lebih lagi di pantai timur, saya pohon jawapan dan penjelasan kepada perusahaan-perusahaan batik yang hampir tutup dan sesetengahnya telah pun ditutup di mana belia-belia dan penganggur-penganggur yang bekerja di situ terpaksa diberhentikan - adalah beberapa kilang ini. Apakah langkah-langkah kementerian supaya perusahaan ini dapat diteruskan dengan lebih baik dan kita ingin tahu mengenai dengan produk-produk yang telah dilaksanakan (batik-batik) ini, tidakkah ada satu badan di pihak kementerian untuk mengambil perusahaan-perusahaan batik yang telah dibuat kepada luar negara.

Saya pohon jawapan daripada kementerian dan kalau boleh kita adakan satu kemeja batik supaya kita dapat pakai di Parlimen ini pada hari Khamis. Terima kasih.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan yang terakhirnya adalah amat kena masanya. Saya pun pakai batik tie ini sebagai satu galakan kepada pengusaha tempatan batik.

Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam ucapan saya Kraf Tangan Malaysia ada empat program iaitu;

- (i) program penyelidikan dan pembangunan (R&D);
- (ii) program pembangunan usahawan;
- (iii) program pembangunan tenaga mahir melalui Institut Kraf Negara;

- (iv) program pemasaran dan promosi kraf bukan sahaja di negara kita juga di negara asing.

Melalui keempat-empat program ini maka industri kraf Malaysia sudah menjadi popular di seluruh negara dan bersaing dari wilayah-wilayah lain iaitu di Selangor, di mana-mana tempat akan mencabar iaitu negeri-negeri di Pantai Timur sebagai pengusaha utama kraf batik ini. Jadi, usaha-usaha pengusaha-pengusaha daripada program Timur juga memerlukan iaitu program-program yang dianjurkan oleh kementerian saya supaya mereka jadi lebih daya saing. Program-program khususnya R&D akan merangkumi aspek penggunaan kain baru, penggunaan warna asli, ketahanan warna basuhan, ketahanan gosokan dan kelunturan warna, reka corak batik yang baru dan juga pekerjaan pencetakan skrin (*block screen*).

Jadi, dengan program-program ini kementerian saya terus akan berusaha untuk memajukan industri batik di Malaysia melalui program yang saya sebut tadi supaya akan memantapkan industri ke tahap yang lebih cemerlang di samping meningkatkan kesedaran dan kecintaan terhadap pemakaian batik. Sekian, terima kasih.

10. **Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem laluan pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur khususnya laluan bas, semenjak penyusunan semula syarikat pengangkutan bas awam yang kini diterajui oleh Rapid KL. Apakah langkah yang diambil bagi memastikan bahawa jadual perjalanan bas di semua laluan Rapid K.L tidak tergendala sehingga menimbulkan kerumitan kepada pengguna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur dan kawasan Lembah Klang. Kerajaan telah pun melaksanakan projek integrasi dan penyusunan semula sistem pengangkutan awam di Lembah Klang (*Inspeck*). Faciliti ini melibatkan pengasingan pemilikan aset pengangkutan awam – LRT (STAR), LRT Putera dan bas City Liner dan juga Intrakota di bawah Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). Operasi pengangkutan awam di bawah Rapid Kuala Lumpur dan penubuhan satu Suruhanjaya Pengawal Selia di beberapa pusat bagi kawasan Lembah Klang.

Proses memantau keberkesanan operasi pengangkutan awam di bawah Rapid KL sejak awal 2005 masih dan akan diteruskan. Ini adalah kerana strategi penyusunan semula yang bertujuan mencapai kecekapan operasi dan keberkesanan sistem pengangkutan awam melibatkan beberapa peringkat:

- (i) mengambil langkah menambah bilangan bas yang beroperasi dan meningkatkan kualiti perkhidmatan bas melalui beberapa tindakan seperti membaik pulih bas-bas yang rosak, melaksanakan penyelenggaraan berjadual dan penyelenggaraan 24 jam. Tindakan-tindakan tersebut mampu menghasilkan peningkatan bilangan bas sebanyak 11% ataupun 120 buah bas dan telah berjaya mengurangkan bilangan kerosakan bas semasa beroperasi;
- (ii) menambah bilangan bas baru menggantikan bas lama secara peringkat untuk memastikan tahap perkhidmatan yang konsisten dan tidak tergendala;
- (iii) adalah tindakan berterusan untuk mengintegrasikan rangkaian pengangkutan bas dan rel melalui pendekatan penggunaan satu bas perjalanan dan pengenalan sistem satu tiket, peningkatan perkhidmatan bas pengantara, penambahan tempat letak kereta dan kemudahan infrastruktur yang berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini saya baru tahu yang Rapid KL itu di bawah Kementerian Kewangan. Saya boleh faham kenapa bila Yang Berhormat Titiwangsa bangkitkan soalan ini kerana ramai penduduk di Kuala Lumpur memang menghadapi masalah untuk menunggu bas. Pada tahun lepas dalam Parlimen yang baru saya pernah tanya siapakah kementerian yang menguruskan hal ehwal bas, saya pertama kali bertanya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, beliau kata Rapid KL bukan dalam jawatankuasanya tetapi dalam JPM. Bila saya tanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak ada seorang pun mengaku tanggungjawab, tidak ada orang beritahu saya kalau saya hendak tanya soalan macam ini kementerian manakah yang harus

menjawab soalan saya. Hari ini baru saya tahu ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan.

Soalan saya, kenapakah ia di bawah Kementerian Kewangan dan bukan di bawah Kementerian Pengangkutan kerana ini mengenai bas pengangkutan.

Yang kedua, bilakah kesemua tahap ini, tiga tahap yang dipanggilkan oleh Yang Berhormat itu akan dicapai iaitu satu tiket kita boleh naik LRT, boleh naik bas, boleh naik teksi boleh naik apa-apa. Tahun bilakah anggaran tahap ini akan tercapai.

Yang ketiga, adakah kementerian mempunyai rancangan untuk membina lebih rangkaian LRT kerana kita lihat di Lembah Klang pembangunan begitu pesat, banyak kondominium dan projek perumahan diadakan tetapi dari segi sistem pengangkutan nampaknya kerajaan tidak mengambil kira langsung sehingga tiap-tiap hari semua perlu naik kereta dan sesak dalam jalan raya. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk memperbaiki pengangkutan termasuk membina lebih stesen LRT untuk menambah baik keadaan kesesakan jalan raya sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila jawab.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan ini. Sebenarnya soalan-soalan ini saya sudah pun jawab dahulu tetapi ada lagi soalan yang serupa ini maka saya jawab sekaranglah. Soalan pertama, Seputeh tentang kenapa MOF mengambil alih. Yang ada duit MOFlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sebenarnya MOF telah mengambil alih aset keseluruhan LRT-STAR, LRT-PUTERA, City Liner dan juga Intrakota dengan kos disebut di sini banyaklah, kos berbilion telah pun diambil alih menggunakan, selalu kita isukan bon dan saya sebut di sini, kos pengambilan LRT-PUTERA adalah sebanyak RM5.248 bilion dan kos mengambil alih LRT-STAR sebanyak RM3 bilion, jadi kos yang tinggi maka pihak MOF telah pun mengeluarkan bon untuk mengambil alih aset ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada cadangan oleh Prasarana untuk menyambung LRT ini kepada destinasi-destinasi yang baru. Ini dalam rancangan, tetapi buat masa sekarang dalam hal pengangkutan di Kuala Lumpur ini City Liner dan juga Intrakota sekarang di bawah Rapid KL dalam proses untuk menambahkan lagi jumlah bas dan dijangka dalam bulan Julai jumlah bas akan menjadi 650 dan pada akhir bulan

Disember ini akan bertambah kepada 800 buah. Maka pada masa itu jadual boleh ditetapkan. Sekarang ini pihak Rapid KL masih lagi tidak berani hendak menetapkan jadual kerana keadaan tidak menentu, kesesakan jalan dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat *interval* bas di kawasan-kawasan yang sesak antara 10 minit hingga 15 minit, di kawasan yang kurang sesak antara 5 minit hingga 8 minit.

Dalam hal satu tiket tadi, kita jangka bahawa pada penghujung tahun ini maka boleh diadakan sistem satu tiket, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada apa-apa lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada, Tuan Yang di-Pertua. Rapid KL sebelum *take over* oleh kementerian di bawah Kementerian Pengangkutan. Selepas *take over* pun patut di bawah Kementerian Pengangkutan. Ia agensi sahaja tetapi kementerian tidak boleh tukar. Kenapa dia boleh tukar tanggungjawab kementerian itu? Yang menunjukkan dalam perkara ini MOF di bawah MOT dan dalam Parlimen patut MOT untuk jawab bukan MOF.

**Tuan Yang di-Pertua [Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib]:** Yang Berhormat ada....

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini masih dalam keadaan begini di peringkat awal. Pihak-pihak kementerian hari ini sedang merangka satu rang undang-undang untuk di bawa ke Parlimen sebelum tahun ini saya jangka mungkin dalam sesi yang akan datang bulan September untuk menyelesaikan perkara ini iaitu hendak mengadakan satu badan untuk membawa Rang Undang-undang ini kepada Parlimen untuk menyelesaikan masalah ini menubuhkan satu badan pengawalseliaan di peringkat pusat untuk Lembah Klang dahulu kemudian dibawa ke tempat lain. Dalam hal ini mungkin akan diperbaiki keadaan yang agak tidak menentu ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]**

**USUL****MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)****Kemerosotan Kualiti Udara Akibat Jerebu****11.11 pagi**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya Ahli Dewan Rakyat kawasan Tanjong memberi notis di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya ditangguhkan majlis mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak di segerakan seperti berbunyi berikut :

Bahawa Dewan yang mulia ini memberikan kebenaran kawasan Tanjong untuk membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu mengenai ancaman jerebu yang melanda negara khususnya utara semenanjung yang menyebabkan kemerosotan kualiti udara yang berada pada tahap yang tidak sihat berikutan daripada peningkatan bilangan titik panas yang dikesan di Sumatera semenjak beberapa hari yang lalu.

Pembentukan asap tebal telah dikesan melalui satelit di kawasan yang berlaku kebakaran di 511 titik panas di Sumatera. Di bawah pengaruh angin monsun barat daya yang bertiup dari arah Pulau Sumatera ke arah negara ini kesan kebakaran akan dirasai terutamanya kawasan yang terletak di sepanjang pantai barat semenanjung Malaysia. Status kualiti udara berada dalam tahap yang tidak sihat yang sedang mengancam kesihatan beberapa juta rakyat Malaysia. Jarak penglihatan di kebanyakan kawasan adalah di antara 1.2 hingga 6 kilometer. Masalah jerebu ini jika tidak diatasi akan menjejaskan ekonomi negara khususnya dalam bidang pengangkutan udara, laut dan darat, bidang pelancongan, pertanian, perikanan dan lain-lain sektor ekonomi.

Pihak kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk memantau bagi membanteras aktiviti pembakaran terbuka di dalam negara dan juga mendesak kerajaan Indonesia untuk mengambil tindakan segera untuk menangani masalah jerebu sebelum

ia sampai ke tahap yang paling buruk sehingga darurat perlu diisytiharkan. Memandangkan masalah jerebu ini mengancam kesejahteraan rakyat di negara ini satu perkara yang tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan, saya mohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan kebenaran untuk menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1). Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Tanjong pada 27 Jun 2005. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu,
- (ii) bagi kepentingan orang ramai,
- (iii) berkehendak disegerakan,

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah:

- (a) perkara tertentu;
- (b) kepentingan orang ramai, ia bagi kepentingan orang ramai;
- (c) berkehendak disegerakan.

Pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan awal dengan tindakan pemantauan secara *aerial* dan *land surveillance* iaitu tindakan penguat kuasa terhadap aktiviti pembakaran terbuka, pemantauan, pelepasan daripada kenderaan bermotor, aktiviti perindustrian dan lain-lain pencemaran udara dalam negara. Rondaan penguatkuasaan dilakukan setiap hari dari jam 2.00 petang hingga 2.00 malam di kawasan yang dikenal pasti mudah terbakar.

Pihak Jabatan Alam Sekitar juga telah membuka bilik operasinya bagi memudahkan orang ramai membuat aduan dan Jabatan menyalurkan maklumat memandangkan kejadian jerebu yang berlaku ini adalah lebih berpunca dari kejadian-kejadian pembakaran terbuka di negara lain. Jabatan Alam Sekitar juga telah menghubungi Kementerian Alam Sekitar di Indonesia pada 25 Jun 2005 bagi

mendapatkan situasi terkini kejadian kebakaran di Sumatera dan menggesa agar kejadian kebakaran hutan dan tanah di Negara jiran tersebut dapat diatasi segera bagi mengelakkan kejadian jerebu merentas sempadan terus dapat diatasi. Laporan terkini pada pagi ini daripada Jabatan Alam Sekitar ialah semua kawasan di Negara adalah dalam keadaan baik dan sederhana. Oleh yang demikian saya menolak Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2), sekian.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN) 2005**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguh atas masalah bahawa, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[28 Jun 2005]**.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jerai, sila.

#### **11.16 pagi**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan pelawat daripada Dungun kalau tidak silap saya ada bersama kita hari ini Tuan Yang di-Pertua untuk melihat Dewan Rakyat bersidang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan insurans ini bukanlah sangat keterlaluan tetapi jenis perniagaan yang cukup mudah. Dia jual kertas sehelai sahaja. Jadi modal dia kertas dengan *capital* sedikit, kemudian dia boleh mengaut keuntungan yang begitu besar. Jadi saya hendak mengutarakan dua tiga faktor penting.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua ialah Berkenaan dengan pelantikan ejen-ejen ini. Pihak insurans ini mesti memastikan ejen-ejen yang hendak dilantik itu ejen-ejen yang berwibawa, yang mempunyai kredibiliti yang baik, yang mempunyai modal yang secukupnya kerana sistem yang ada pada hari ini saya dapati kadang-kadang pembeli

insurans itu tertipu disebabkan oleh premium dibayar oleh pengguna tetapi premium itu tidak dihantar terus ataupun tidak dibayar kepada syarikat insurans dan kalau berlaku sesuatu kemalangan ataupun perkara-perkara yang tidak diingini, maka orang itu tidak dilindungi sedangkan sekarang ini.....

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**].

**Tuan Chow Kon Yeow:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Setiu, Bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sila.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya tertarik dengan isu tertipu ini, Yang Berhormat Jerai. Saya ada satu cerita benar di kawasan FELDA. Ejen-ejen insurans ini dia masuk ke kawasan FELDA, dia pujuk makcik-makcik ini supaya masuk bayar premium insurans kononnya apabila berlaku kemalangan dia akan dapat pampasan. Tetapi ejen insurans ini dia datang hadir tiap-tiap bulan untuk buat kutipan RM50.00 sebulan tetapi sampai masa lebih kurang satu tahun ejen ini hilang entah ke mana walaupun premium itu diserahkan kepada syarikat insurans tetapi bila sudah hilang makcik ini tidak boleh hendak bayar.

Sehinggalah insurans dia tidak tahu ke mana dan duit yang telah dibayar itu pun hilang entah ke mana, kemudian insurans dia itu, *certificate* itu pun tidak tahu ke mana dan perlindungannya pun sudah terputus sampai begitu sahaja, ini saya rasa perkara yang boleh saya sumbang kepada pandangan Yang Berhormat Jerai, bagaimana Yang Berhormat Jerai, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang Tuan Yang di-Pertua, selalunya orang yang macam inilah yang tertipu. Kadang-kadang orang yang lurus, orang yang betul bendul selalu tertipu, Mak Long dan Mak Ngah kadang-kadang bolehlah ada duit getah sedikit sebanyak. Simpanlah di bawah bantal, mai hamba Allah dengan *tie*, tunjuk dia ini dan perkenakan orang tua itu kata konon beli RM1, boleh dapat

RM100. Jadi orang tu ini dok mengerat getah hendak boleh se-pot itu pun tidak adalah, lambat. Jadi kalau melabur RM1 boleh dapat RM100, apa lagi dia belilah dan akhirnya tertipu. Jadi saya hendak kerajaan, Bank Negara mengeluarkan undang-undang memastikan ejen-ejen yang hendak dilantik oleh syarikat insurans mesti menandatangani...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua bangun Yang Berhormat, Beluran dengan Ayer Hitam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya, saya hendak habis, saya hendak habis. Takut televisyen tidak dan record nanti. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *[Ketawa]* Sila duduk Yang Berhormat dahulu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sekejap lagi saya bagi. *[Cakap bahasa Cina]* Menandatangani duit sama ada kepada syarikat insurans tersebut ataupun kepada Bank Negara supaya seandainya ejen itu tidak menepati aturan-aturan tidak menepati janji ataupun tidak membayar premium oleh pengguna kepada ejen dan ejen kepada syarikat insurans, maka deposit-deposit ini boleh diambil. Syarikat insurans kena bertanggungjawab, apabila ada hendak lantik ejen, pastikan ejen itu ejen yang baik. Kadang-kadang ejen itu *very friendly with us*.

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya sila, sila, nanti televisyen tidak record...

**Datuk Ronald Kiandee:** : Ya, terima kasih Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee:** Ya, saya tertarik untuk syarikat memastikan perlantikan ejen itu ejen yang baik, macam mana hendak tengok orang yang baik ini, bila ejen ini direkrut macam mana kita hendak tahu dia itu baik atau tidak baik. Adakah dari mukanya, bajunya pakaian dan sebagainya. Macam mana Jerai hendak tentukan ejen

yang masuk itu adalah ejen yang baik? Kalau ejen yang masuk itu adalah ejen yang tidak baik, mungkin ada cadangan daripada Jerai? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang pertama, dia kena kaji latar belakang, macam saya, macam Arau ini orang yang baik-baik, kita orang yang baik-baik, bermaknanya kita boleh cek latar belakang. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, ambil peperiksaan tentang insurans, lulus peperiksaan itu dan terus boleh jadi ejen. Kemudian ejen pula lantik sub-sub ejen, sub-sub ejen ini....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam bangun pula.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, okey Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Jerai menyebut tentang makcik-makcik tertipu ini, sebenarnya perkataan yang digunakan 'tertipu' itu saya hendak tahulah daripada Yang Berhormat Jerai ini, yang tertipu dalam keadaan mana, mereka tidak faham kandungan dokumen ataupun diserahkan wang kepada orang yang tidak sepatutnya diamanahkan walaupun dia merupakan ejen. Dan seperti mana yang dikatakan oleh Beluran susah kita hendak mengesan orang itu baik atau pun tidak, sebab dia tidak cap pun muka orang ini baik ataupun buruk.

Jadi macam mana kita ada undang-undang pun kalau orang yang tidak sepatutnya diamanahkan dia tidak akan sampai duit itu kepada pihak insurans atau syarikat insurans. Jadi apakah cadangan dan pandangan bernas Yang Berhormat Jerai kepada pihak kementerian ini bagaimana kita hendak banteras ataupun kita hendak menyelesaikan masalah sebegini kerana ini melibatkan soal perilaku seorang ejen. Kalau deposit itu disimpan dan terpaksa dibayar kepada pihak berkuasa, nampaknya mungkin ejen sudah tahu okey, syarikat insurans ini kalau kena apa-apa, bukan saya yang tanggung, syarikat yang tanggung. Ini akan menyebabkan syarikat insurans pun rasa mereka terpedaya, apa pandangan Yang Berhormat Jerai definisi tertipu ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tipu ini Tuan Yang di-Pertua ada macam-macam, macam-macam, *con man* ini macam-macam, kadang-kadang dia mai boleh pakai kot, boleh pakai *smart*, cakap *million-million*, dia kenal kawan nu, dia kenal

menteri nu, kenal Perdana Menteri itu, Perdana Menteri ini, semua dunia dia kenal. Dalam kawasan saya ada seorang nama orang panggil dia Hashim dunia. Bercakap macam mana hal dunia, dia mengerti, dia kenal orang itu, dia kenal orang ini, padahal naik gerak dalam kampung sahaja. *[Ketawa]* Ada, ada ini manusia, lumrah manusia. Sabit itu Tuhan buat syurga dan negara.

Ayer Hitam, Allah Taala buat syurga dan neraka, yang baik pergi syurga Insyallah macam dengan Arau, hak yang tidak elok pergi neraka. Tetapi kalau kita hendak tahu macam mana? Sebab itu dalam segi perniagaan undang-undang dan peraturan itu mesti diperketatkan, bukan kerana hendak menekan tetapi hendak menjaga keselamatan. Syarikat hendak jaga pengguna, pengguna ini tertipu selalu, pasal apa? Peraturan ada. Macam sekarang insurans, kita bercakap dari segi skop insurans, syarikat insurans kena bertanggungjawab bersama dengan ejen. Kalau ejen dia menipu syarikat insurans bertanggungjawab pasal dia melantik ejen, dia tidak boleh kata, no, no, no *it is not me*, dengan izin, bukan syarikat ini, dia ejen, ejenlah. Oi mana boleh! Yang hang pi lantik ejen itu apa hal? Kalau awak tidak periksa asal-usul ejen itu, mengapa awak beri dia menjadi ejen syarikat?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail:** Cover note pergi beri pada dia.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Cover note pergi beri pada dia, beri *cover note* itu macam beri amanah dekat dia. Kita beri *cover note* kepada ejen, kita beri amanah, syarikat insurans beri amanah kepada ejen itu dan kalau ejen itu menyeleweng maka syarikat insurans itu bertanggungjawab sepenuhnya. Ini masuk dalam peraturan, saya minta pegawai-pegawai yang ada ini. Ini pandangan yang cukup baik pada pagi ini, semalam saya duduk berfikir apa yang saya hendak bercakap fasal insurans ini? Fikir macam mana fasal insurans ini, apa cerita pasal insurans ini maka ilham datang. Ejen syarikat insurans itu kena bertanggungjawab dan saya rujuk kepada pakar insurans daripada Arau yang duduk di sebelah saya, dia kata "betul apa yang saya hendak cadang, cadangkan dan *online system*."

Hari ini sudah mudah, Tuan Yang di-Pertua, cukup mudah. Hari ini kalau anak-anak kita ada di Mesir, anak kita ada di England, anak kita ada dan Australia kita boleh bercakap, kita boleh *online*, kita boleh buat macam-macam. Anak tanya emak, "emak

masak apa hari ini?” Emak berkata “hari ini masak lauk udang, lauk ikan,” apa semua, boleh *online*, “emak makan apa?” “Emak makan sambal belacan,” anak makan beef steak apa semua, boleh *online* dah. Pasal apa tang insurans ini tidak boleh *online*? Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya beli insurans.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam bangun Yang Berhormat.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, sila.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat Jerai, kalau makcik-makcik itu mereka mengertikah macam mana hendak *online* ataupun mereka fahamkah apa yang mereka hantar itu? Sebab saya takut, yang tertipu ini adalah orang-orang kampung, jadi minta penjelasan dan cadangan Yang Berhormat tadi, kata cadangan yang terbaik, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bersetuju dengan saya iaitu ejen-ejen ini terpaksa beli lagi satu insurans perlindungan. Sekiranya mereka melarikan deposit atau pun wang dibayar kepada syarikat mereka ini sepatutnya menggunakan wang yang akan dibayar oleh syarikat insurans itu sebagai satu perlindungan kepada pengguna. Kalau Yang Berhormat bersetuju sila masukkan di dalam sebahagian ucapan? Minta tolong, terima kasih.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak boleh masuk dalam ucapan saya. [*Ketawa*]

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Mak Long dan Mak Ngah ini mana mengerti *online*, kawan dok tang ke dada di rumah hendak *online* apa? Dia tidak mengerti *online*. Dia harap kepada ejen, ejen dengan insurans kompeni itu mesti ada sistem dia, Mak Long dan Mak Ngah ini tidak ada sistem. Kalau saya hendak membeli insurans saya kena ada *assistant* hendak *online* dengan ejen, buat apa hendak ada ejen, baik saya beli terus insurans melalui sistem *online*?

Itu mungkin cadangan yang baik yang kalau boleh syarikat insurans fikirkan Ayer Hitam, [*sambil memandang ke arah Yang Berhormat Ayer Hitam*] Mana pergi dah? Dia tanya-tanya dia keluar, habis itu kita hendak jawab macam mana. [*Ketawa*] Jadi, sistem i ini mesti diwujudkan kerana hari ini Tuan Yang di-Pertua, tidak tentu Tuan Yang di-Pertua, katalah saya ejen yang tidak baik, contoh. Saya *convince* Tuan Yang di-Pertua,

beli insurans melalui saya, Tuan Yang di-Pertua beli insurans dekat saya, beri duit dekat saya...

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail:** Sebab percaya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pasal percaya kerana Tuan Yang di-Pertua tengok saya baik, saya *handsome* dan saya tidak macam Kepong, masam muka pagi ini [*Ketawa*], jadi Tuan Yang di-Pertua beli pada saya.

Tetapi saya tidak bayar duit itu kepada insurans kompeni. Tuan Yang di-Pertua keluar-keluar, tahu-tahu benda yang tidak diingini berlaku. Syarikat insurans kerana ejen tidak bayar dekat dia, dia tidak *cover* Yang Berhormat ataupun "mati katak" orang kampung kata ataupun cedera, kalau *paralyse*, kalau apakah - tidak ada. Pasal apa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ejen ini, ejen yang tidak bertanggungjawab dan insurans kompeni pula juga tidak bertanggungjawab kerana tidak memperakui walaupun orang itu sudah ada *cover note*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini, ini *hero* Sabah ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Dalam situasi sebegini siapakah yang harus dipertanggungjawabkan, dan apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya satu terma atau syarat dikenakan, syarat yang baru bahawa syarikat insurans kena bertanggungjawab di atas kecuaiannya ataupun di atas penipuan yang dilakukan oleh ejen-ejen mereka. Setujukah Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang ini yang saya dok cerita Yang Berhormat Kinabatangan, bermaknanya syarikat insurans bertanggungjawab apabila mereka melantik ejen-ejen mereka.

**Tuan Muhammad Shahrom bin Osman [Lipis]:** [*Bangun*]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hari ini Tuan Yang di-Pertua saya hendak bagi tahu kalau kita pergi ke JPJkah, ejen itu ataupun *sub* ejen pula dia mai dengan meja satu, duduk dengan kerusi satu dia dok isu *cover note*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua orang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Ayer Hitam, sekejap lagi lah, saya bagi Yang Berhormat 'Lapis' dahulu, Yang Berhormat Lapis dahulu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Lapis sila.

**Tuan Muhammad Shahrom bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bukan "Lapis" Tuan Yang di-Pertua, "Lapis".

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Muhammad Shahrom bin Osman:** Ada kemungkinan tidak kalau nanti banyak sangat ejen yang tidak bertanggungjawab mungkin syarikat insurans boleh menjadi *bankrap*, dan tidak ada orang yang hendak menjadi ataupun menjalankan perniagaan insurans, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta maaf Yang Berhormat Lapis maklumlah Tuan Yang di-Pertua tiga, empat hari tinggal rumah ini dia tidak berapa "ketahuan sikit", orang Kedah kata. Angin naik ke kepala jadi yang ada 'sia' di sini tidak apalah, kita 'sia' di kampung. Jadi yang ini ejen dia kena bertanggungjawablah, pasal insurans kompeni dia kena bertanggungjawablah, kalau hendak lantik dia ada sistem, dia ada peraturan dia.

Kita hendak lantik seseorang itu mesti seseorang yang ada kredibiliti, yang ada kemampuan, yang ada kebolehan, yang ada amanah. Walaupun sekarang ini pihak insurans telah memberi masa tujuh hari kalau ejen itu tidak memasukkan duit atau tidak membayar premium yang dibayar oleh pelanggan, pengguna kepada insurans dalam masa tujuh hari, maka syarikat ejen itu akan *dibar* ataupun digantung perkhidmatannya selama 3 bulan di atas kelewatan pertama dan 6 bulan di atas kelewatan kedua, itu tujuh hari.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tetapi yang saya hendak cadangkan ini ialah insurans kompeni menggunakan sistem *online* supaya *immediately*

setelah saya dibayar premium, maka saya *discovered*, saya dilindungi oleh insurans itu pada masa saya telah membayar premium ataupun *cover note* dikeluarkan kepada saya. Yang Berhormat Araulah, Arau dia.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi Yang Berhormat Arau?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Arau sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jiran saya Yang Berhormat Jerai. Berkenaan dengan insurans ini dan ejennya saya rasa tanggungjawabnya ialah bersama di antara ejen dengan syarikat insurans itu, ini oleh kerana insurans kompeni itu melantik seorang ejen atas kepercayaan, atas kelulusan dia di dalam peperiksaan dia dan telah pun bagi *cover note-cover note* yang berserial kepada ejen.

Jadi ini adalah sudah menjadi *sub company* misalnya, *sub company* dengan izin oleh ejen itu. Dia menjadi wakil kepada syarikat itu, jadi tanggungjawabnya patut di kenakan kepada dua-dua ini, dan adakah cadangan Yang Berhormat Jerai ialah apabila saya sebagai pengguna membayar *premium* itu perlu pada hari yang sama, waktu bekerja perkara ini akan *dionline* kepada *head quarters insurance company* itu supaya dengan serta-merta *coverage* itu akan dilakukan dan bukan dalam tujuh hari. Dalam tujuh hari itu banyak perkara boleh terjadi dan banyak penipuan lagi boleh terjadi. Jadi saya minta keterangan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Arau, itu pandangan yang cukup baik dan minta dimasukkan dalam teks ucapan saya, perbincangan saya pagi ini. Bermaknanya ejen itu hendak bayar kredit 30 hari, 7 hari pun kasihan juga kalau macam dalam rancangan FELDA tadi, Yang Berhormat kita dok dalam rancangan FELDA, dia hendak mai keluar dalam pekan, hendak pergi masuk duit dalam bank hendak *online* apa semua kadang-kadang kena pula hari macam Kedah dengan Kuala Lumpur berbeza hari kerja mungkin tidak sempat.

Jadi kita pi gantung dia kerana kelewatan itu mungkin tidak adillah, tetapi dengan menggunakan sistem *online*, dia *online immediately*. Katalah saya pergi kepada ejen itu, ejen itu terus ambil bawak keluar *cover note*, *immediately* keluar *cover note*, dia *online* ke insurans kompeni kemudian *head quarters* itu akan terus buat *covered* ataupun diberi perlindungan dengan segera. Hari itu juga, hari cuti pun dia boleh *cover* pasal dia *online*. Jadi tang ejen hendak bayar dekat insurans kompeni itu terpulanglah kepada insurans kompeni dengan ejen itu. Hendak bayar dia punya kredit *limit 30 days* kah, *60 days* kah, itu terpulang. Tetapi yang pentingnya pengguna itu dilindungi serta-merta, itu mustahak kerana kalau tidak Tuan Yang di-Pertua naya, naya ini kes naya.

Kalaulah saya bawa kereta tersilap bawak sampai berlanggar anak orang, cedera parah dan sebagainya kemudian dia tuntutan ganti rugi dekat saya, saya ini macam mana? Saya hendak cari duit mana? Bukan saya hendak *accident* ini, ini kemalangan kadang-kadang tidak disengajakan, brek tidak makankah ataupun budak itu lintaskah kita pi langgar dia. Sebab itu dikatakan *accident*, kemalangan kadang-kadang kita berjaga orang mai cari kita. Jadi kalau tidak *cover* depa *sue* saya bankrap saya sudah tidak boleh jadi wakil rakyat - jadi susah.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ejen ini atau insurans kompeni ini macam wakil rakyatlah. Macam kita Ahli Parlimen ini mewakili rakyat, antara rakyat dengan kerajaan. Jadi bermaknanya apa kata kita, adalah pandangan rakyat kepada kerajaan dan apa pandangan kerajaan dia melalui wakil rakyat kita teranglah kepada rakyat. Ini kerja kita, jadi maknanya bila kerajaan hendak pilih jadi wakil rakyat dia pilih hak terbaik dan bila insurans hendak lantik ejen pilihlah ejen terbaik barulah rakyat tidak tertipu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Pendang bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum Yang Berhormat Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Waalaikumusalam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Kalau kita bincang tentang penipuan oleh ejen ini memang banyaklah perkara-perkara yang telah berlaku sebab ejen ini bila dia

hendak pujuk kita hendak beli insurans itu dia mai, dia senyum sampai ke telinga. Tetapi bila berlaku *accident* kita hendak ambil balik polisi kita ataupun hendak *claimed* insurans itu jenuh cari dia sampai ke lubang cacing. Jadi pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Jerai, apakah penalti yang boleh kita kenakan ataupun yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Jerai kepada ejen-ejen yang penipu macam ini, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dalam undang-undang kita seseorang yang didapati salah menipu dia akan dipenjarakan, itu memang undang-undang kita, saya lupa sudah sebab saya tidak ada menelaah dari segi undang-undang kod ke berapa. Tapi seseorang yang menipu apabila didapati bersalah dia boleh dipenjarakan. Kot-kot Yang Berhormat hendak cadang sebat kita boleh masuk sedikit ya? Kita sebat barang serotan dua baru depa serik kan?

Jadi, undang-undang itu sudah ada, cuma kita ini terpaksa berwaspada. Yang menjadi mangsa ini selalunya orang kampung, dia percaya sebab dia bukanlah reti sangat. Dia orang betul, orang lurus, jadi yang datang dengan *tie*, dengan kot, jadi sebab itulah depa percaya. Jadi inilah kita kena perketatkan di sini saya minta syarikat-syarikat insurans.

Kemudian lagi satu ini kita hendak bela iaitu antara berebut. Tadi, kita marah agen tetapi bukan semua agen macam itu, ada agen yang baik, siapa saya tidak akan beritahu, ada yang baik tetapi syarikat-syarikat insurans juga, kadang-kadang bank-bank ini jadi juga syarikat-syarikat insurans. Kadang-kadang seseorang itu berniaga kereta. Apabila dia ambil pinjaman daripada satu bank, *hire purchase*, bank itu memastikan you kena ambil insurans yang kami miliki.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail:** [Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Silakan, Yang Berhormat bagi Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Arau, ya.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail:** Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat bagi Jerai, adakah Yang Berhormat tahu walaupun dia tahu seseorang itu jual kereta, ambil *loan* daripada misalnya satu bank – bank A.

Pengguna itu berhak mencari ataupun mengambil insurans-insurans daripada syarikat lain, tidak semestinya daripada bank itu. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang saya arif, saya faham. Tetapi yang ini dia jadi macam gempak *harassment*. Hang tidak ambil insurans dengan aku, aku tidak bagi *loan*, tidak bagi HP. Jadi yang ini satu lagi, yang saya minta Bank Negara, pastikan demi kebaikan pengguna hak-hak pengguna. Pengguna berhak untuk pilih insurans-insurans mana yang dia mahu. Bank tidak boleh kata, "*You hendak ambil loan dari bank ini, hendak ambil loan daripada finance company ini, you kena ambil insurans daripada anak syarikat saya, kalau tidak, tidak boleh*". Kalau tidak, dia kata *interest rate* naik tinggi sedikit dan sebagainya.

Jadi ini pun berlaku. Di pihak Bank Negara, tolong pergi teropong, tengok apa yang berlaku ini. Jadi mak long, mak ngah, orang-orang biasa dia tidak tahu, dia tidak mahu *argue*, maka dia turut sahaja sedangkan kadang-kadang insurans yang di bawah naungan bank-bank ini tidak berprestasi baik, maka kita pilih yang terbaik ataupun kadang-kadang kita hendak tolong kawan kita, yang berniaga insurans itu. Itu hak kita, duit kita, fasal apa depa hendak atur? Depa sudah makan bunga lebih kurang, yang ini bagilah kita pula! Ini satu.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kita minta komisen kepada agen ini. Sekarang 10% sahaja dengan keadaan sekarang. Bank atau syarikat insurans ini untung besar. Macam saya kata tadi, jual kertas. Kertas ini berapa duit sangat? Kemalangan, kalau 100 orang *insured*, yang hendak menghadapi kemalangan kadang-kadang 1% sahaja ataupun katakanlah 10%. Tetapi yang *cover* insurans itu 100 orang, yang menghadapi risiko, yang ditanggung oleh syarikat insurans ini sedikit sangat, jadi untung depa besar! Berniaga guna air liur dengan kertas, untuk *cover life*, dia sudah balas duit orang itu, dia akan untung mati, orang lain dapat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun pula, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Silakan Pasir Puteh. Hendak minta Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sedikit pandangan, dari segi insurans nyawa ini,

dari segi konsep perspektif Islam kita ini macam mana? Boleh masuk dalam ucapan saya.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ya, terima kasih, alhamdulillah. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai, Tuan Yang di-Pertua. Jawab dahulu yang itulah *life insurance* ini tidak haram syaratnya tidak ada 'dharar', tidak ada penipuan, tidak ada helah. Jadi, kita tidak ada bentuk riba dalam itu. Sebenarnya sudah ada kita buat *life insurance* ini, insurans berkelompok iaitu dibuat oleh Takaful. Tetapi orang kita ini, kalau bunyi Takaful ini Arab, tidak standard. Dia hendak nama yang hebat-hebat, MCS, MCIS, dia hendak yang bunyi macam itu.

Jadi, sepatutnya kita balik kepada Takaful, setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Jerai kalau kita letak di bawah naungan Takaful, kalau bank-bank kita boleh *centralizekan*. Kalau boleh Takaful itu, kalau kita tengok ansuran kereta, saya pernah pakai sampai sekarang. Kalau kita ambil *first party*, cukup setahun kita tidak *claim*, dia hantar *check* RM300, RM400 sebagai dividen, sebagai keuntungan. Adalah bentuk kebajikan, kita sesak nafas, ada cek sampai. Setuju atau tidak kalau boleh semua insurans dalam negara kita ini, kerajaan bertanggungjawab di bawah Bank Negara Malaysia, tetapi Bank Negara barangkali dari segi hendak *monitoring*, dia tidak berkemampuan sebab banyak lagi hendak fikir hal-hal lain. Kita cuba letak di bawah satu *controller* atau konsultan. Kalau syarikat kita boleh *sub-con* kepada yang lain, tetapi *sub-con* itu bertanggungjawab kepada kontraktor yang bertanggungjawab terhadap *sub-con*, kenapa kita tidak boleh buat insurans-insurans yang ada ini?

Maka dengan sebab itu saya bukan hendak berceramah, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Jerai kerana dia seorang yang pakar dalam bercakap ini, pandangan pun baik. Jadi saya rasa kalau kita ambil kaedah dan strategi Bajet 2005, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan pun ada di sini barangkali, kenapa kita tidak boleh meningkatkan keberkesanan pengurusan kita dalam kewangan insurans ini?

Dari kecepatan bayaran, jangan ditunggu sampai kita kahwin tidak dapat lagi. Jadi, kalau boleh kereta ini kita bagi dalam masa sebulan. Report polis sudah *complete* semua sekali, kenapa kita tidak boleh sedangkan *online*? Kita boleh bayar dalam masa sebulan atau paling lama dua bulan. Ini kereta saya, saya bayar RM5 ribu *cash*, sampai

hendak raya haji, sudah hendak raya puasa tidak dapat lagi, hak saya sendiri. Tetapi tidak apalah sebab saya Yang Berhormat, kerana baru jadi Yang Berhormat, boleh bayar *cash*. Kalau orang tidak ada duit? Tetapi Yang Berhormat pun tidak ada duit juga. Yang keduanya, bagaimana kita tidak boleh mempercepatkan perolehan dalam skim ekonomi? Dia ambil 10%, banyak. Kenapa tidak boleh cepatkan?

Yang ketiganya, yang akhir sekali ialah kita kena bangunkan sumber manusia, *human capital*. Semalam pun saya sebut, *human capital* ini penting kerana dia tidak bangunkan *human capital*, lantik beberapa syarikat pun dok baca “Bersih, Cekap dan Amanah”. Dia tidak akan bersih, amanah dan cekap, akan berlaku penipuan. Sebab itu tidak semuanya, Tuan Yang di-Pertua. Insurans ini penting, rumah kita, kereta kita, nyawa kita memang penting cuma kita dok bincang ini bagaimana tidak hendak berlaku penipuan, tidak hendak berlaku kelambatan dalam pembayaran insurans itu. Kita boleh buat *because* kita ada *power*, kita ada semuanya – tenaga dan sebagainya. Setuju tidak, Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini Yang Berhormat bersyarah atau saya berucap? *[Ketawa]* Memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Insurans ini diwujudkan adalah untuk melindungi, itu mustahak. Maknanya bila seseorang itu dan juga ini mampu kerana kalau orang miskin, orang yang sederhana hidup dan tidak berkemampuan, maka insurans menolong mereka. Contohnya insurans pendidikan. Kita ada insurans pendidikan di mana kita melabur, kita beli insurans dan sebagainya, seandainya berlaku sesuatu kepada ibu bapa, maka insurans akan *cover* pendidikan anak dia hingga ke peringkat universiti dan sebagainya. Ini adalah satu benda yang murni, yang baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangun, Yang Berhormat, sila.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan mengenai insurans untuk memberi perlindungan dan segala bentuk insurans. Adakah Yang Berhormat setuju yang kita perlu guna dan ambil perhatian mengenai insurans untuk Ahli-Ahli Parlimen? Minggu lalu kita ada timbul masalah kenapa Ahli-Ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini

tidak boleh *access internet*, dua, tiga jam tidak boleh *access* dan saya dapati bahawa ada *virus attack*. Oleh kerana ada salah satu *notebook* Ahli Parlimen ada virus dan *spread virus attack*, satu *notebook Acer*. Siapa ada *Acer notebook*? Sekarang, dua, tiga hari kita cari siapa itu tidak boleh dapat. Bukankah itu patut diinsurans daripada serangan virus itu daripada *notebook* Ahli-Ahli Parlimen yang menyebabkan serangan virus itu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersetuju, sebenarnya bukan virus untuk komputer sahaja, virus untuk ahli berpenyakit pun kena juga cover kita ini. *[Ketawa]* Sebenarnya betul, saya pun terlupa, pandangan ini betul, Ahli-Ahli Parlimen pun kenalah dilindungi kerana maklumlah kita ini bekerja tidak tentu masa dan waktu. Waktu ribut pun kita buat kerja, kadang-kadang kita masuk, randuk sana, masuk sana, masuk sini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tetapi nampaknya Yang Berhormat tiada *notebook* itu ya? Tak mungkin punca serangan virus kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain, mungkin Yang Berhormat sama ada *IT illiterate*, tak ada guna itu *notebook*?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, yang itu tak penting, yang pentingnya kerja. Kita buat kerja, kita membantu rakyat, kalau ada pun kena serang penyakit habis juga. Mungkin virus ini Kepong yang bawa dia punya.

**Seorang Ahli:** ACER

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ACER Kepong punya, dia yang bertanggungjawab kerana dia dok kacau orang, saya tau, kadang-kadang dia duduk dalam Dewan Rakyat, tak ada kerja lain sama ada dia tidur atau dia kacau, itu Kepong. Jadi saya berharap dari perlindungan insurans ini pun tak tahulah kita ini ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Mnta Kepong, Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Lalan Yang Berhormat, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasanlah itu. Hari ini Jerai nak jadi jaguh untuk *feely buster* kerana jika ada Rang Undang-undang yang lain tetapi salahlah sepatut panggil Dungun kerana Dungun ada anak-anak buah di situ. Tadi Jerai tak ada nak menonjolkan diri tak payahlah kerana tidak ada anak buah, anak buah dari Dungun.

Bolehkah Yang Berhormat belajar daripada Arau, Arau dia ada *notebook*, *notebook* dia canggih juga, yang kecil itu. ACER ke tu?

**Seorang Ahli:** Siapa ACER ada, berdiri.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** TOSHIBA.

**Dr. Tan Seng Giaw:** TOSHIBA, bukan ACER tapi TOSHIBA. [*ketawa*]. Dan adakah Yang Berhormat setuju tadi saya dengar hanya kita nak bincangkan penasihat kewangan sahaja untuk insurans tapi kita lari ke FELDA, lari ke kampung dan sebagainya. Tak apalah, adakah Yang Berhormat setuju bahawa itu premium untuk 16 buah insurans nyawa kita ini ditingkatkan, ditambahkan premium itu 10% kerana sekarang tidak sampai 10%. Ini kita nak bincang kewangan ini, bukan setakat kampung sajalah. Kita nak ada *online* tapi di mana tu Yang Berhormat berusaha untuk mendidik orang di kampung untuk mengetahui apakah komputer dan internet. Kalau tidak internet, macam mana mereka tahu *online* tak *online pun*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang sebenarnya Yang Berhormat ini tak faham ucapan saya ini. Yang Berhormat saya ada dua *notebook*, satu *mobile*, satu *handwriting notebook*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya ke [*Tunjuk air muka hairan*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya ada dua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa? ACER ke?

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu 40 tahun dulu ada. [*Dewan riuh dengan ketawa*].

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang ini *handwriting notebook*, hak ini bila saya jumpa rakyat, saya tulis apa rakyat mahu. Apa kehendak rakyat semua ada dekat saya. Hak ini *online* [*Menunjukkan komputer*].

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, itu *notebook* tak ada virus tapi ada *germ*, tak ada virus ada *germ*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Virus tak ada fasal .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tak ada virus dalam insurans.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Inilah, yang silapnya Kepong dengan Ipoh Timor menyeleweng daripada .....

**Seorang Ahli:** Dia oranglah menyeleweng.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia oranglah..... dia bawa. Ini virus ini mereka bawa saya ke lain. Jadi saya terbawa-bawa, kemudian Yang Berhormat Kepong...

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Puchong, sekejap Puchong, saya nak selesaikan dengan Kepong ni. Kepong ini dia dok kata saya bawa kampung. Kepong menghina orang kampung. Jangan buat macam tu, ni kalau orang kampung saya tau, saya habaq balik saya kata Kepong hina orang kampung, depa mai naik di atas tu, depa terjun mai cerapak dekat Kepong, jenuh, nak buat macam mana? *[Ketawa]*

Orang kampung jangan kata macam tu. Maksud saya, bukan orang kampung nak *online*, yang nak *online* di antara agen dengan insurans. *Lailahailallah*. Yang itu pun *[bercakap dalam bahasa Hokkien]*. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kepong dengan Ipoh Timor, mungkin dia kata definisi tu, IT savvy ialah masuk dalam internet, tengok itu sahaja, jangan terlalu *excited* Yang Berhormat Jerai.

Okay, penjelasan mengenai perlindungan dengan dalam industri kenderaan ataupun automobil. Seperti yang kita sedia maklum, biasa insurans kalau kita *insured* sesebuah kereta, bila berlaku sesuatu kecurian, biasa insurans akan bayar dengan 70% ataupun 80% daripada *insured figure* itu dengan izin. Dan pada masa yang sama kalau sesuatu insiden berlaku, dan insurans *company* ataupun *workshop* itu akan *claim* insurans *company* itu dengan satu *figure* atau satu angka-angka yang kadang-kadang

tidak munasabah kalau dibandingkan dengan harga pasaran kerja-kerja atau *work* yang akan diberikan.

Adakah Yang Berhormat Jerai akan mencadangkan kepada kerajaan bahawa mesti ada satu dasar atau satu kriteria yang tertentu untuk menentukan kadar *claim* ataupun kadar bayaran daripada sesiapa insurans *company* kepada *workshop-workshop* ini kerana kalau kita *claim* dia terlalu tinggi, ini akan menambahkan kos insurans itu maka kemungkinan besar kalau sesuatu kecurian berlaku atau sesuatu *claim* yang berlaku dengan aspek yang lain maka insurans *company* ini tidak boleh bayar secara 100% kepada apa *claim* yang akan berlaku dalam *like say* dalam contohnya *claim* kereta atau kenderaan. Apakah pandangan dan cadangan Yang Berhormat kepada Kementerian mengenai kriteria ataupun dasar ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan, setakat hari ini daripada Januari hingga Februari tahun 2005, jumlah kecurian kereta adalah sebanyak 4,183 buah, itu sebulan. Dan dia boleh *recover* hanya 440 buah, jadi total *loss* lebih kurang dalam RM87 juta. Kalau saya tengok angka pada tahun 2004, nilai kerugian kereta yang dicuri ialah sebanyak RM557 juta dan setakat hari ini daripada Januari dan dianggarkan, boleh dianggarkan ini, insurans boleh anggar pula.

Untuk tahun 2005 jumlah kecurian kereta angka meningkat kepada RM575 juta, jadi ini satu angka yang cukup besar. Saya difahamkan syarikat insurans memang mengalami kerugian yang besar dari segi insurans kereta ini, kecurian memang banyak. Saya nak mencadangkan kepada Dewan supaya pengguna-pengguna kereta ini menggunakan sistem yang *antitheft system* dipasangkan di kereta-kereta supaya apabila kereta itu hendak dicuri, ia dapat dikesan dan membantu pihak keselamatan. Pihak insurans kena bagi diskaun kepada premium kepada pengguna-pengguna yang *install* kan sistem *antitheft* kepada kereta-kereta mereka. Ini pihak insurans .....

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Minta penjelasan, apa yang saya maksudkan ialah macam ini. Kalau sesuatu kereta kita *insured* RM200 ribu tetapi satu kecurian berlaku. Tetapi pihak

syarikat insurans tidak akan membayar sebanyak RM200 ribu atau *full payment* dengan izin. Ini bukan tak adil kepada pengguna atau pembeli insurans ini dan saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, adakah ini satu keadilan kepada para pengguna macam ini. Kalau tidak adil macam mana kita nak cadangkan kepada Kementerian bahawa ada satu polisi atau dasar bahawa kepentingan pengguna mesti dilindungi. Kerana kita bayar premium, dengan *insured* satu *figure* yang tertentu tetapi sesuatu kecurian berlaku, saya tahu dia akan *excess* dengan *market value* dan sebagainya. Tetapi yang paling penting sekali, saya difahamkan bahawa kebanyakan syarikat insurans ini tidak memberi satu angka yang adil kepada pengguna di akhir *claim* ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, pada pandangan saya, dia kena balik pada asal. Kalau saya *insured* kereta saya RM150,000 contohnya dan kadang-kadang insurans ejen kata, *no, you* kena *insured*lah dalam RM150,000, padahal kita kata kuranglah sikit, dalam RM100,000. Tidak, tidak dia kata RM150,000. Kita bayar premium atas RM150,000 tetapi apabila berlaku kecurian, apabila berlaku kebakaran, apabila berlaku *write off* dan sebagainya, dia tidak bayar dengan harga RM150,000. Jadi maknanya, hendak kata tipu itu tidaklah, pembohong itu bolehlah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Maknanya *you* suruh saya *cover* kereta saya, saya tahu nilai kereta saya RM150,000. Saya *cover*lah RM150,000. Ejen pun *confirm your car value* RM150,000, dengan izin. Kita bayar premium RM150,000 tetapi apabila curi, apabila terbakar, fasal apa bayar dekat saya dalam RM100,000? Awat tidak bayar dekat saya RM150,000? Saya *cover* RM150,000. Ini polisi apa? Jadi, yang ini pun Bank Negara. Saya difahamkan dia ada unit insurans di Bank Negara. Jadi, balik bukalah, kaji balik. Ini pandangan rakyat ini. Kaji balik, perbetulkan balik. Jangan rakyat teraniaya. Depa ini sudah kaya dah, syarikat insurans ini. Dok pekena kita, kadang-kadang kasihan juga, macam Yang Berhormat kata.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum, Yang Berhormat bagi Pendang. Sila.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi tentang *insurance coverage* ini. Apa yang kita tahu, bencana alam ini dia tidak *cover* sama ada Yang Berhormat bagi Jerai perasan ataupun tidak. Macam Tsunami baru-baru ini, banyak kereta sahabat-sahabat kita yang tenggelam kena selut itu, bila pergi dekat insurans, insurans kata ini bencana alam, tidak *cover*. Apa komen Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini satu pandangan yang baik fasal saya pun hendak bercakap, ada di penghujung, saya sudah catat dah. Tapi Yang Berhormat bangkit dulu, baguslah. Dia maknanya, samalah kemalanganlah, bencanakah. Bila mai kereta itu, jadi kemalanganlah, jadi macam kereta terbakarlah. Jadi macam kereta insidenlah, kemek apa semua. Cuma definisi dia berbeza. Jadi, pihak Bank Negara tolong masuk bencana alam, boleh *discover* dalam insurans.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ledang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sila. Yang berkaitan dengan bencana alam tadi?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Berkaitan. Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasihlah. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai bersetuju bahawa apabila disebut bencana alam ini, oleh kerana insurans tidak meng*insuredkan* kes-kes yang disebabkan oleh bencana alam, iaitu kalau bencana alam itu di Kedah, saya berpendapat itu bukan bencana alam sebab hanya berlaku di Kedah.

Cuma, kita sebut sebagai bencana alam di Kedah sahajalah. Kalau bencana alam berlaku di seluruh negara, di seluruh negara itu baru bencana alam yang tidak boleh dengan izin *discover* sebab syarikat insurans pun dengan bangunan yang runtuh dan sebagainya, dengan syarikat-syarikatnya hilang. Tetapi kalau sesuatu, katakan bencana alam itu berlaku di Kedah, di Perlis sedangkan ibu pejabat syarikat insurans itu

di Kuala Lumpur, itu pada saya sepatutnya diambil kira oleh syarikat insurans, oleh akta yang mungkin akan dipinda akan datang, supaya juga mengambil kira kemalangan-kemalangan atau bencana alam yang berlaku di tempat lain kerana syarikat insurans tetap wujud lagi. Adakah kekanda Jerai bersetuju?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini maksud Yang Berhormat ini, bencana alam kenegerianlah? *[Ketawa]* Ia berlaku di negeri-negeri. Sebenarnya saya memahami juga. Kadang-kadang syarikat insurans ini dia *reinsured* pula daripada syarikat-syarikat insurans di luar negara. Contohnya, kalau macam kapal terbanglah. Katalah kapal terbang ini *diinsured*. Kepong hendak pergi mana Kepong? *[Bertanya kepada Dr. Tan Seng Giaw yang hendak berjalan keluar dari Dewan]* Menjalankan tugas sebagai wakil rakyat patut ada dalam Dewan Rakyat waktu Dewan bersidang Yang Berhormat. *[Ketawa]* Yang Berhormat tidak boleh tinggal Dewan kerana tugas. *[Dewan gamat seketika]* *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Senyum]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, dia ada urusan rakyat, sama juga di Dewan dan di luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam Yang Berhormat lagi teruk kadangkala.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bercakap, habis keluar, masuk keluar, lagi teruk. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sekurang-kurangnya saya keluar masuk, keluar masuk. Ini keluar tidak masuk pula itu. *[Ketawa]* Jadi, kita kena memahami kerana dia kena pihak insurans peringkat dunia antarabangsa menjalankan tugas.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading masuk sahaja ada soalan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading masuk, dia bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya. Siapa hendak masuk itu?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sri Gading.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sri Gading? *[Ketawa]* Yang ini kalau tidak bagi pun, kacau. *[Ketawa]* Ini boleh mengamuk ini. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya mengikutilah perbahasan mengenai bil insurans ini, antara yang hebat, Yang Berhormat bagi Jerailah. Tetapi Setiausaha Parlimen kita yang kena jawab ini. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Jerai, Menteri tidak datang, kita fahamlah oleh sebab hari ini hari Rabu, ada Kabinet.

Dua Timbalan Menteri tidak datang, Setiausaha Parlimen sahaja datang. Apakah agaknya kita *recommen* Setiausaha Parlimen ini naik jawatan jadi Menteri agaknya. Nampak pun dia berkelayakan. Fasal, orang Cina ada katalah Jerai, 'Bo kang bo lai' ya. *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* *[Ketawa]* 'Bo kang bo lai' 'Bo lai bo kang' ya. *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Jadi, Do ai kang bo ailah' Ada patutkah itu? *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Ini Yang Berhormat bagi Jerai, fahamkah? Maknanya ada kerja tetapi tidak datang. Bo kang bo lai' dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh? Ini cakap in dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerai fahamlah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya. Bo kang bo lai' ya. *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* Maknanya ada kerja tetapi tidak datang. 'Bo lai bo kangla'. Kemudian patutkah ada jawatan tetapi tidak datang membentang. Jadi gaji hendak ambil jugakan? Jadi, 'Do ai kang bo' 'Bo ai la' *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Jerai, tolong terjemahkan, macam mana jawapan itu. Cadangan itu macam mana Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dengan izin, Yang Berhormat bagi Sri Gading tengah belajar bahasa Hokkien. Saya hendak perjelaskan, betul Sri Gading kata. Tidak datang bermakna tidak bekerja. Tidak bekerja makna tidak ada gajilah. Jadi tidak patutlah ambil gaji. Dalam bahasa yang lebih ini, '*Ilang bo co kang la' 'Ilang bo lai...Kok weng - Kok weng itu Ahli Parlimenlah! Kok weng bo lai, kok Weng bo co kang la' [Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* 'Lin kuan la' 'Liau bo co kang, han co lu

*kia gaji buta' [Bercakap dalam bahasa Hokkien] [Ketawa] [Dewan gamat seketika] Mana 'esai' 'Lin Kuan la;*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Itu bahasa Khekkah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hokkien, Hokkien.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau Khek?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Khek bahasa Kheklah. Khek saya kurang faham tetapi saya bolehlah sikit bahasa Hokkien. Tampuk-tampuk liau ho kong la, dengan izin. *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* Jadi maksudnya macam ini. Memanglah kita kadang-kadang bila kita berbahas ini, bukan hari-hari kita berbahas Bil yang sama ataupun kementerian yang sama. Kita kadang-kadang kita kasihan kepada Setiausaha Parlimen ini. Tetapi, mungkin Setiausaha Parlimen ini, mungkin juga sebagai satu pendedahan untuk mereka, ke depan untuk naik pangkat. Macam kami ini, tidak apalah, duduk tang ini pun tidak apa. Tidak apa, tidak apa Sri Gading. Kita tidak apa. Kita jangan merajuk, tidak apa. Ada peluang pi, tidak ada, tidak apa. Cuma.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi Yang Berhormat harap jugalah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Harap jugalah suatu hari nanti?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tiap-tiap manusia Tuan Yang di-Pertua, dia mesti mempunyai harapan.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau manusia hidup tanpa harapan, tanpa cita-cita, dia bukan manusia yang sempurna.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ooh!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Mesti ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kira-kira bila akan dilantik?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini terserah kepada kehendak Allah SWT dan Perdana Menteri. *[Ketawa]* Saya tidak ada upaya. Saya hanya berkhidmat untuk rakyat dan saya bercakap untuk rakyat. Terpulanglah kepada mereka untuk mempertimbangkan kita ini. Tolak Seputehlah, Seputeh semua tidak bolehlah, dia orang pembangkang. Jadi, saya haraplah saya hendak minta mai lah Menteri, kalau pun, tidak apalah, hari-hari tidak Kabinet mailah.

Kasihlah dekat kita ini. Kita ini hendak menyampaikan kehendak rakyat. Bukanlah kita hendak....kita merasakan kalau Menteri menjawab itu, dia ada komitmen sikit. Saya faham Menteri mai pun, kadang-kadang yang dok bagi jawapan pegawai di belakang itu, dia tolak mai jawapan ini dia. Saya faham yang dok buat kerja pegawai. Dia dok sua mai, kalau kita tanya tiba-tiba surat mai, Menteri jawablah. Tidak apa, kita faham. Cuma kadang-kadang bila Menteri itu mai, kita berasa besar hati. Bila dia tidak mai kita berasa kecil hati.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Macam itulah. Mailah apa salahnya, walaupun depa tidak dapat. Depa dapat, dapat tidak dapat *seating allowance* tidak tahulah. Fasal depa Menteri tidak dapat. Tidak apalah. Tidak dapat *seating allowance* pun, *standing allowance* rata dok dapat dah. *[Ketawa]* Yang kami Ahli Parlimen ini dok harap *seating allowance* sahajalah. Itu yang tidak pernah tinggal Dewan ini pun. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Boleh *seating allowance* ini pun hendak balik di kampung itu. Itu sikit pun untuk universiti ini 200, 300, Mak Long, Mak Ngah, Pak Ngah semua mai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tidak kena-mengena dengan dengan insurans sekarang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia hendak *cover* insurans juga ini. *[Ketawa]* Siapa hendak bayar Tuan Yang di-Pertua. Kutiplah elaun.

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Mambong bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Mambong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Mambong, jangan 'mambo' sudahlah, Mambong pun tidak apa. *[Ketawa]*

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai. *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu? *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia hendak tanya saya sedikit-sedikit.. *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]... itu tanya.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini Dewan di Malaysia bukan di Hokkien, Fu Chein negeri China Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit:** Minta maaf. Soalan ini yang berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Dia menyatakan bahawa Timbalan Menteri pun tidak ada, Menteri pun tidak ada, hanya Setiausaha Parlimen. Bolehkah kita bercadang bahawa nilai *coverage insurance* untuk Setiausaha Parlimen lebih tinggi lagi daripada Timbalan Menteri? Sebab dua-dua Timbalan Menteri tidak hadir. Bolehkah? Ini bagi cadanganlah sebab Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen semua ada PA *coverage*, tetapi untuk Setiausaha Parlimen amat rendah sekali. Bolehkah kita tambah? Ahli Parlimen pun ada juga, tetapi sedikit sangatlah, RM60 ribu. Ahli Parlimen RM60 ribu. Bolehkah kita minta tambah siapa yang sentiasa hadir di dalam Parlimen ini ataupun yang ada bahas tentang rang undang-undang ini, tambahlah. Minta daripada kementerian Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sedih Yang Berhormat bagi Mambong, sedih. Memanglah nasib kita Mambong oi! *[Ketawa]*

Insurans RM60 ribu, *loan* hendak beli kereta, kereta buatan Malaysia RM50 ribu, RM100 ribu. Kereta luak RM50 ribu. Hendak beli Proton Executive pun tidak lepas. Inilah nasib kami. Malas kalau saya bercakap. Saya sebak, saya teriak terus.

*[Ketawa]*

*[Bercakap dalam bahasa Hokkien]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu "hou"?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Menangis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menangis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* Tidak boleh ... lagi. Terpulanglah kepada kerajaan. Tolong-tolong tengoklah nasib wakil-wakil rakyat ini. Kami ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang susah. Masuk kampung naik motor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah Yang Berhormat, Timbalan Speaker pun sama, Ahli Yang Berhormat RM60 ribu juga....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini apabila saya bercakap ini saya hendak bawa Timbalan Speaker sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sama, kita sama RM60 ribu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita sama. Kita sama kadang-kadang masuk kampung naik motor. Sudah kereta tidak boleh pergi, tambah pula Sabah, Sarawak ini naik bot dengan buaya dalam sungai semua ada. Terlepas pergi buaya sudah sapu, wakil rakyat tak wakil rakyat. Buaya bukan dia kenal MP bukan MP. Lepas tu dia makanlah. Oh! Hendak khabak saya MP Santubong, buaya bukan dia kenal. *[Ketawa]* Buaya darat pun tidak kenal orang, tambah buaya sungai, buaya laut, Allah! Jadi kita merayulah sambil kita bahas. Tidak apalah Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri balik khabaklah kat Menteri yang kami kirim salam, rindu. Kelmarin satu Menteri yang tidak biasa mai, sudah mai dah, ya Yang Berhormat Sri Gading. Dia mai sat saja. Walaupun soalan dia tidak ada, dia mai sat. Sebab kita tegur, jadi dia pun mai sat, tidak apa. Bukan apa kita rindu muka depa Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sila.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang Berhormat bagi Jerai, Tuan Yang di-Pertua saya tertarik apabila dengar lagi banyak, terpanggil hati saya untuk bersama-sama memberi idea ini. Satunya setujukah kalau boleh semua Ahli Parlimen ini diberi insurans cover. Dalam takafulnya dipanggil berkelompok. Kerana kita tahu Ahli-ahli

Yang Berhormat, Parlimen ini bukan dok mampu hendak bayar sendiri. Kalau boleh kita cadangkanlah dalam mengambil kira pindaan ini.

Yang keduanya saya hendak menekankan di sini tidak ada unsur-unsur jenayah dalam *life insurance* ini. Beri penekanan sedikit, pasal kita hendak lahirkan masyarakat Islam Hadhari. Kita dok bercakap kita mesti buat, *implementkan* sedikit-sedikit, jangan banyak. Tidak ada unsur-unsur jenayah.

Yang ketiganya, tidak ada unsur-unsur penipuan.

Yang keempat, tidak ada penekanan kepada orang-orang yang mengambil insurans ini. Kalau kita katakan bayar kereta *cover* RM15 ribu, berlaku *accident* kalau layak bayar RM15 ribu. Jangan kita bayar RM6 ribu. Kalau kecurian, harga kereta RM25 ribu, bayar RM25 ribu, jangan dok bayar RM8 ribu. Ini saya rasa memberatkan, menekan. Kaedah ini kita tidak mahu, setuju tidak Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang saya setuju Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Itulah saya minta pihak Bank Negara, ia begini, insurans *company* tidak boleh nafi bahawa *value* kereta awak, *value* rumah awak dalam masa setahun turun sampai RM50%, 60% ataupun turun sampai 30%. Kalau di peringkat awal agen bersetuju dan insurans bersetuju *cover* dengan nilai yang telah dipersetujui, pasal apa apabila hendak bayar dipertikaikan. Ini saya nampak satu ketidakadilan dan penyelewengan ataupun konsep penipuan, *it's not fair* Tuan Yang di-Pertua. Fasal apa katalah kita sudah bersetuju dengan harga ini, kita tahu apabila sudah jadi tidak bagi. Mana boleh macam itu? Tidak adillah. Begitu juga kita ambil insurans hospital ini. Insurans hospital macam itu juga. Sekejap boleh, sekejap tidak boleh apabila kau ini masuk wad, tidak boleh. Pasal apa?

Kawan ini dua orang, kadang-kadang duit tidak ada, pakailah insurans. Insurans setahun sekali bayar. Kemudian bila hendak masuk hospital macam-macam kerenah dia hendak. Tidak boleh bayar dan sebagainya. Jadi yang ini tidak patut. Perjanjian 'akad' penulisan apabila kita tandatangani, kita sain itu adalah akad, betul tidak? Akad kita di antara kita dengan pihak insurans. Pihak insurans dah bersetuju. Kalau awak cacat, ini dia, kalau awak hilang kaki, ini dia, kalau awak lumpuh ini dia, kalau mati ini dia. Dia bubuh siap. Apabila sudah mati sudah lumpuh pasal apa dok pertikai. Kawan ini sudah lumpuh bercakap pun tidak boleh, hendak bercakap apa lidah pun terkeluar,

hendak bercakap pun tidak boleh. Masa itu kita hendak kata apa? Tidak patut. Yang ini Bank Negara kena tolong. Semua pegawai Bank Negara ini panggil insurans *company* bagi tahu. Kalau sudah janji banyak itu, banyak itulah bayar, jangan “dok cerewet” sangat orang Kedah kata. Pi pusing...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ledang bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sila.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Tadi sahabat kita Yang Berhormat bagi Pasir Puteh menyebut tentang Ahli-ahli Parlimen ini wajar diinsuranskan. Saya teringat dalam kalangan kita ini ada yang muda, ada yang lebih muda, yang terlepas era muda, umur 60, 60 lebih pun ada. Saya dekat 50. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, ialah ada syarikat-syarikat insurans yang amat liat ataupun tidak mahu mengambil kes-kes insurans ataupun pembida-pembida insurans ini yang hendak beli insurans ini atau mereka yang berumur lebih 60 ataupun yang sudah berumurlah senang kata. Kepada saya tidak adil. Sebab kepada saya mesti ada semangat gotong-royong antara yang muda dengan tua. Yang muda bayar sebenarnya untuk juga diri dia dan juga kawan-kawan yang lain. Maknanya adalah sedikit kebajikan untuk yang tua. Pada pandangan saya Yang Berhormat bagi Jerai, kalau Yang Berhormat bagi Jerai setuju, yang berumur ini perlu juga diberikan peluang untuk membeli insurans.

Janganlah ada syarikat-syarikat insurans yang menafikan hak mereka. Yang muda bantu yang tua, yang tua mendapat faedah daripada yang muda. Wujud suasana gotong-royong antara kita semua. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai setuju?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersetuju Yang Berhormat bagi Ledang. Amat bersetuju, tiada yang tua masakan ada yang muda. Saya kalau tidak ada orang tua, dari mana saya? Pak saya, mak saya pakat elok saya ada. Ini lumrah manusia. Sebab itu dalam Islam, dia kata yang muda mesti menghormati yang tua-tua. Yang tua-tua sayang kepada muda. Kadang-kadang saya kasihan Tuan Yang di-Pertua. Apabila mai umur pencen ini siapa pun tidak mahu. Insurans tidak boleh ambil, *finance* tidak boleh ambil, apa pun tidak boleh ambil dah. Mana boleh buat

macam itu, dia manusia juga. Sudah dia hendak tua, tua bukan boleh orang tahan. Bolehlah pergi *operate* cucuk *botox* apa semua - bolehlah. Tetapi umur mana boleh *reverse*. Tidak boleh. Jadi yang ini kehendak Allah Taala, dia jadi manusia daripada dalam perut.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tumpang, Yang Berhormat bagi Jerai. Hendak penjelasan sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, dia sedang berucap ada sedikit penjelasan. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai sebut yang tua seolah-olah tidak berguna dan ada satu hujah daripada Yang Berhormat bagi Santubong mengatakan bahawa yang tua ini seolah-olah tidak ada harga, sedangkan kalau kita tengok, yang tua inilah yang berpengalaman. Yang tua inilah yang memegang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan termasuk GLC dan sebagainya. Jadi, sewajarnya yang tua ini diberikan pembelaan. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai setuju?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sebab itu saya kata tadi, warga tua atau warga emas ini harus kita hormat macam ibu bapa kita, orang tua-tua. Nyior, Tuan Yang di-Pertua, kelapa, hak muda kita minum air sahaja tetapi yang hak tua itu kita boleh buat santan, lepas itu hampas dia pula boleh dibuat inti pulut panggang, inti cucur badak, itu nyior tua. Kalau nyior muda aras makan isi dia dengan 'ayak' sahaja. *[Disampuk] ..Air...air... [Ketawa]*

Tetapi kelapa tua ataupun nyior tua macam-macam kita boleh buat, santannya kita perah, lepas itu hampasnya kita tauk ayam makan pula hampas itu. Itu dia punya hak orang tua-tua. Tetapi kita jangan dok pandang ini. Sebab itu kita mahu insurans kompeni pun hak yang dok kerja la pun akan tua juga di insurans itu, kena fikir semua. Tidak lama, sayu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memahami tentang proses insurans ini di mana bukan sahaja mereka mengamalkan diskriminasi kepada umur tetapi juga kepada mereka yang telah menghidap penyakit-penyakit terutamanya enam penyakit kronik.

Yang Berhormat bagi Jerai, antara sebabnya saya pernah bertanya soalan kenapakah perkara ini dilakukan. Sebagai contoh, mereka bukan menafikan mereka yang dalam golongan berusia ini untuk menikmati kemudahan-kemudahan insurans tetapi mereka meletakkan bayaran yang tinggi. Sebagai contoh, di peringkat umur bawah 30 tahun kita mungkin boleh membayar premium sebanyak RM150 sebulan, tetapi untuk mereka yang berusia ini mereka meletakkan satu kadar yang tinggi. Itu yang timbul seolah-olah nampak seperti mereka menafikan untuk kita menikmati kemudahan insurans itu.

Untuk mereka yang berumur 60 tahun, mereka meletakkan sehingga RM600 sebulan. Kalau pencen dia RM400, RM600 ada defisit lagi RM200. Jadi begitu Yang Berhormat bagi Jerai, sebagai contoh mereka yang menghidap penyakit kanser umpamanya, jadi bila hendak mencarum ataupun hendak menjadi pelanggan kepada insurans ini, syarikat selalu menafikan mereka dalam bentuk meletakkan bayaran bulanan yang begitu tinggi, sedangkan pesakit-pesakit ini ataupun bekas-bekas pesakit ini telah dibuktikan oleh pihak doktor pakar dan sebagainya yang mereka tidak akan menghidap penyakit-penyakit kronik itu tadi.

Jadi inilah yang sebenarnya saya ingat kalau Yang Berhormat bagi Jerai hendak ulas lagi, ulas bagaimana mereka boleh dikatakan sampai ke tahap menyebabkan mereka yang telah pulih daripada penyakit-penyakit kronik tadi merasakan tidak ada harapan untuk menikmati hidup dengan lebih berkualiti lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Sebab itu Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dalam Islam dia kata berniaga lah tetapi janganlah kita mengaut keuntungan yang berlebihan. Ia sepatutnya bertolak-ansurlah, *win-win*. Jadi maknanya kalau hak yang risiko tinggi tidak mahu ambil, risiko rendah itu yang kita hendak ambil. Jadi nampak sangat kita ini, tidak tahulah, kadang-kadang *we are talking about human rights*, kita bercakap tentang hak asasi manusia, kita bercakap tentang keadilan dalam hidup, kita bercakap tentang semangat kekitaan, semangat kerjasama, semangat kekeluargaan, bila mai tang duit, dia tidak jadi macam itu.

Jadi saya ingat kita sebagai manusia yang Tuhan ciptakan sebagai seorang manusia iaitu makhluk yang tertinggi. Makhluk ini banyak, lembu dan kerbau pun

makhluk juga kan, tetapi kita ini yang terbaik dan yang tertinggi di antara makhluk-makhluk yang Tuhan adakan ini, kita harus memikirkan bahawa ini pihak kerajaan, mungkin insurans ini dia jadi peringkat antarabangsa. Kalau antarabangsa, fahamlah, syarikat-syarikat besar dunia ini dia bukan kira macam mana cara kita di Malaysia ini. Dia tidak kira macam itu. Dia kira duit, duit, duit. Bagi mereka, duit itu segala-galanya. Tetapi bagi kita orang Islam ini atau rakyat Malaysia ini, duit itu sebahagian daripada keperluan, tetapi lumrah kita menghormati budaya kekeluargaan kita ini harus diambil kira.

Kadang-kadang bila kita muda-muda, kita baru kerja, hendak ambil insurans, duit pun tidak ada. *Savings* tidak cukup, hendak ambil insurans apa. Baru-baru masuk kerja, takkan terus nak ambil insurans. Mana nak cari duit nak bayar kereta, hendak bayar rumah, hendak bayar duit PTPTN lagi, hendak bayar duit MARA, semua hendak dibayar, macam mana hendak ambil insurans. Bila kita berumur sedikit, barulah kita ada naik pangkat, ada senioriti, kenaikan gaji apa semua, masa itu kita hendak ambil premium sudah tinggi.

Kemudian kalau orang pencen ini, saya hendak mintalah pihak Bank Negara kajilah umur berapa pun, Allah, berapa orang sangat yang hendak ambil insurans kereta ini ataupun hendak ambil insurans ataupun hendak ambil *installment* kereta. Berapa orang sangat? Ada pak menekan saya umur 70 tahun lebih tidak boleh beri kereta. Dok bawa kereta lama itulah, sat rosak sana, sat rosak sini. Hendak beli baru dia kata hendak ambil *finance* tidak boleh. Hendak bagi bubuh atas nama anak, anak ada lima orang, hak itu kecil hati, hak ini jauh hati, tidak boleh.

“Pasal apa bubuh nama abang, nama che’ tidak boleh?” Ha, dia mengamuk pula adik-beradik. Lama-lama orang tua itu dok gagah bawa *Morris Minor* itu. Jadi kita fikir, pihak yang *hire purchase* pun, pihak *finance company* pun, pihak bank pun kita kena anggap kalau orang itu boleh bayar, orang itu berkemampuan untuk bayar, bagilah. Kita kena ada sedikit toleransi. Begitu juga insurans.

Jadi pihak insurans, bukanlah kita kata hendak menekan insurans, tidak, insurans pun bagus. Saya percaya macam kita dok buat Insurans Takaful buat khairat kematian, ini bagus. Kawasan Parlimen saya pun ada khairat kematian. Maknanya bila seseorang itu mati, dia dapat, bukanlah dia, keluarga dia dapat daripada dia bayar.

Bukan banyak, lebih kurang RM25 setahun. Kalau dia mati, bolehlah RM150 untuk bawa turun mayat dan sebagainya. Maklumlah hari ini sembahyang mayat pun kena bagi duit. Kalau tidak bagi duit, dia mai tidak ramai. Yang ini biasalah. Itulah dunia sekarang ini kira duit sangat.

Kadang-kadang hak fardu kifayah itu pun, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, dengarlah, “kun liau” *[Ketawa]* hak fardu kifayah pun la-ni, kui payah dah. Padahal sembahyang jenazah ini bukan susah sangat, tiga kali qiam.

**Seorang Ahli:** Empat kali.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Empat kali, yalah empat kali, yang akhir itu bagi salam kan. *[Ketawa]* Empat kali sujud tidak, rukuk pun tidak, tidak ada RM5, dia tidak mai. Jadi yang ini pun kita diperbetulkan juga. Mana dia Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahagian agama? Empat kali takbir, RM5 minimum, tidak masuk duit kereta lagi. Kalau orang miskin mati, tidak tahulah.

Biasa dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, orang miskin mati, insurans tidak ada. Orang miskin, hendak bawa turun jenazah pun tidak ada duit. Itu ada berlaku. Jadi saya simpati dengan perkara macam ini. Jadi, pihak insurans ini kena lihat perspektif ini sama. Walaupun dasar dibuat mungkin daripada insurans di peringkat antarabangsa, dunia dan macam syarikat-syarikat besar itu tetapi budaya mereka berbeza dengan budaya kita. Jadi Bank Negara kena gunalah konsep yang ini. MP atau Ahli Parlimen ini...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Yang di-Pertua, saya minat betul dengan perniagaan insurans ini dan pernah lulus ujian tahap pertama untuk menjadi wakil-wakil insurans dan saya dapati, Yang Berhormat bagi Jerai, kalau kita amati sebenarnya wakil-wakil penjual insurans ini adalah merupakan antara golongan yang mempunyai pendapatan yang agak lumayan kalau kita lihat mereka pamer pun dari segi pakaian, jenama kereta yang dipakai dan sebagainya.

Dan apabila saya semak sebenarnya pendapatan setiap wakil jualan insurans ini adalah sekitar 25% ke 40% daripada bayaran bulanan yang dibayar oleh pelanggan-pelanggan insurans ini. Jadi ini merupakan suatu perkara yang mungkin kita minta pihak kementerian untuk kaji dengan lebih terperinci kerana kalau kita amat-amati kebanyakan daripada pelanggan insurans ini, mereka menyangka yang 100% bayaran mereka itu akan kembali pulangnya kepada mereka di dalam bentuk ganjaran apabila berlaku kemalangan, *casualties* dan sebagainya.

Jadi, perkara ini mungkin tidak didedahkan oleh wakil-wakil insurans kerana sedikit sebanyak apabila mereka memasarkan produk mereka itu kalau disebut daripada RM150 yang dibayar oleh saudara setiap bulan ini RM40 akan masuk ke dalam poket saya sebagai komisen dan sebagainya. Jadi, adakah apa yang dilakukan oleh syarikat-syarikat insurans gergasi dunia ini benar-benar difahami oleh pelanggan-pelanggan untuk mereka melaksanakan hak mereka sebagai pelanggan mengetahui sebanyak mana pelaburan mereka sebenarnya akan menjadi pulangan kepada mereka ataupun hanya menjadi keuntungan kepada pihak wakil syarikat insurans gergasi tadi. Yang Berhormat bagi Jerai mungkin boleh komen tentang perkara ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, perniagaan insurans ini adalah perniagaan yang mudah untung besar. Maklumlah ia berniaga dengan kertas dan janji sahaja. Dia bagi kita polisi kertas dengan janji, "*Encik, ambil insurans, encik mati tak lama lagi maka isteri dan anak-anak encik dapat*". Orang itu hendak mati lagi mungkinlah umur dia panjang 70 tahun manakala dia ambil insurans umur katalah umur 30 tahun. Dia bayar premium tiap-tiap bulan. Orang itu pegang kertas itu sahaja kemudian kalau dia mati tak apalah bila dia mati mana dia boleh tengok duit itu, jadi yang dapat anak isterinya. Jadi, itulah perniagaan yang cukup baik, sebab itu hendak dapat lesen jadi insurans ini bukannya mudah. Kalau siapa dapat lesen itu, orang kata macam bernasib baik, alhamdulillah tak apa itu rezeki depa. Tetapi yang kita hendak hari ini supaya jangan mereka mengaut keuntungan sampai tidak langsung berbudi, berjasa, berbakti kepada negara dan rakyat.

Saya mencadangkan supaya sistem insurans Islam ini macam kita ada *Islamic Banking* supaya sistem *Islamic Insurance* ini diperbesarkan, macam sistem Takaful

diperbesarkan supaya merangkumi insurans-insurans yang ada di dalam negara kita ini. Dan saya minta pihak Bank Negara yang bertanggungjawab mengkaji balik. Tolonglah cik-cik semua ini, pegawai-pegawai dan tuan-tuan semua ini kaji balik supaya jangan *agreement* yang kita tandatangani itu, walaupun dia kata atas kehendak kita, jadi *some sort of load sided agreement*. perjanjian yang berat sebelah. Ini akan merugikan. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, memang kita hendak baca *hire purchase agreement*, kita hendak baca perjanjian jual beli insurans, macam kelmarin Yang Berhormat bagi Santubong kata, pertamanya dalam bahasa Inggeris. Mak Long dan Mak Ngah susahlah hendak kena cari *interpreter* dan sebagainya.

Terlampau banyak clauses masuk dalam itu, sampai kita pun yang tahu sikit sudah jadi tak tahu bila kita baca itu, tidak boleh hendak faham, terlampau *rigid* sangat, masalah sangat. Semua dia beritahu masuk insurans hari ini yang ini yang ini dapat, bila mati yang ini. Ambil insurans personel accident, kemalangan ini, kalau *paralyze* dapat sekian-sekian banyak. Ambil insurans pendidikan, macam ini macam ini, dia bagi macam itu sahaja. Kita juga hendak mencadangkan, saya tidak tahu mungkin ada, saya hendak juga mencadangkan supaya premium-premium yang kita bayar ini dianggap sebagai satu pelaburan balik dalam syarikat insurans tersebut dan keuntungan daripada perniagaan itu diberi dividen atau bonus kepada pelanggan. Saya tidak tahu sama ada atau tidak ada, kalau ada ...

**Seorang Ahli:** Ada.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha, kalau ada bagus. Ada itu baguslah. Saya pun tidak sedar, saya ada juga masuk insurans satu, dua tetapi saya tidak sedaplah pasal sekejap bayar, sekejap tidak bayar ini. *[Ketawa]* Maklumlah wakil rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua, ada wakil rakyat berhenti menjual mee pun ada. Ada wakil rakyat yang bersara jadi bankrap pun ada, lepas pencen tidak disambung balik bank pun datanglah. Yang dapat OD dahulu, yang pergi jamin orang itu, jamin orang ini, jamin anak orang kampung pergi belajar universiti, jamin pergi ke luar negara, tidak boleh bayar, mereka tidak bayar maka orang tua inilah yang kena. Ini nasib kamilah sebagai wakil rakyat, ini tidak mahu cerita panjang lagi. Kalau cerita panjang lagi kes insurans pergi ke mana apa pun ke mana.

Jadi, kita hendak bercakap pasal nasib. Saya hendak mencadangkan, tadi banyak mencadang, kita sebagai Ahli Parlimen patut dicover sekurang-kurang satu juta. Sejuta bukan banyak premium tidak sejauh mana sejuta, bukannya apa. Apabila apa-apa jadi, mati kita ini hendak bayar sahaja, bukan habuan untuk anak bini kita belanja, hendak tolong selesaikan hutang sahaja. Wakil-wakil rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua pun wakil rakyat kita fahamlah. Macam saya katalah, kami ini ibarat macam *film star*, *glamour*. Pakai semasa berlakon itu, *film star* pakai *smart* apa semua tetapi apabila waktu rehat dia kena nasi bungkus sahaja. Kita nasib baiklah ada apa, itu pun hari-hari dok kena mee goreng, nasi goreng, mee goreng, nasi goreng. Hendak rasa yang baik-baik sikit kot-kot kawan berniaga kita jom kita pergi *lunch* atau pergi *dinner* bolehlah gagah.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tangga Batu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Minta maaf, Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Yang di-Pertua, saya suka melibatkan diri dengan perbincangan ini. Yang pertama sekali Yang Berhormat bagi Jerai, untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju kita perlu mencapai 95% daripada rakyat kita perlu diinsuranskan seperti yang berlaku di negara-negara Amerika, Eropah dan lain-lain lagi. Di Amerika siapa sahaja yang mempunyai *social security number*, maknanya sampai ke tahap *homeless* pun ada insurans kerana mereka tidak ada hospital kerajaan. Jadi inilah antara perkara yang kita perlu diberikan kefahaman yang jelas kepada rakyat di negara kita, Yang Berhormat bagi Jerai.

Satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini adalah bukan sahaja diskriminasi syarikat insurans kepada umur dan juga tahap kesihatan pencarum-pencarum tetapi juga hari ini kita dapat lihat pihak-pihak hospital swasta yang menerima pesakit-pesakit yang menerima insurans ini pula ada diskriminasinya di mana mereka memilih-milih syarikat insurans. Ha! Syarikat ini boleh, ini bagus ia bayar cepat. Syarikat ini tidak boleh, lambat. Syarikat ini leceh banyak birokrasi dan sebagainya. Perkara ini juga perlu diberikan perhatian oleh pihak kementerian kerana apabila kita dalam keadaan kecemasan memerlukan perkhidmatan perubatan dan sebagainya, kita sudah tidak ada

masa lagi hendak memilih hospital, hendak memilih tempat-tempat rawatan dan sebagainya, yang mana sampai itulah yang kita perlukan perkhidmatan perubatan.

Tetapi ada hospital-hospital swasta yang memilih-milih syarikat insurans yang menyatakan syarikat insurans ini sudah banyak hutang dengan kita tidak bayar, jadi encik boleh pergi ke tempat lain dan sebagainya. Sikap-sikap begini sebenarnya menunjukkan hospital-hospital kita yang berurusan rapat dengan insurans ini pun tidak meletakkan kepentingan keselamatan dan nyawa itu sebagai perkara utama, mereka juga mementingkan kewangan. Apa komen Yang Berhormat bagi Jerai kerana ini berlaku kepada ahli keluarga saya sendiri.

Apabila sampai ke suatu hospital swasta mereka menyatakan kalau hendak pakai insurans ini kena letak dahulu deposit sebanyak RM1,000. Sudah dapat *claim* besok, baru dia pulangkan duit deposit tersebut. Dalam keadaan kecemasan, Yang Berhormat bagi Jerai, mana hendak cari RM1000? Jadi, inilah perkara yang saya kira kalau tidak Kementerian Kesihatan memberikan perhatian maka pihak Kementerian Kewangan pun kena lihat sama supaya pihak-pihak yang berkaitan dan yang berurusan rapat dengan syarikat-syarikat insurans ini melalui pesakit-pesakit ataupun penghidap-penghidap masalah kesihatan ini perlu ditangani dan diberikan perhatian. Apa komen Yang Berhormat bagi Jerai tentang perkara ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu, memang yang ini dari segi pengurusan. Memang saya tidak menafikan ada syarikat-syarikat insurans yang *bad primaster*. Bayaran balik cukup, ada! Dan, ada pun syarikat insurans yang gulung tikar dan sebagainya. Mungkin mereka ini juga ada peraturan antara Bank Negara atau kerajaan dengan mereka. Yang pentingnya ialah saya hendak minta juga kalau boleh pihak Bank Negara yang bertanggungjawab tentang insurans ini kalau seorang pengguna ataupun seorang yang memiliki insurans-insurans tertentu, bila kita buat aduan macam ini, contoh keluarga Yang Berhormat Tangga Batu itu ....

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tanjong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Berbahasa Cina*] Maknanya kalau dia buat laporan pihak Bank Negara kena terus bertindak. Kalau tidak pihak

insurans ini *take thing for granted*, itu mereka punya cara hidup. Bila hendak duit cukup cepat, dia kejar kita, dia hambat kita tetapi bila kita sudah bayar duit, kita sudah beli premium dan sebagainya macam inilah.

Kalau orang itu sakit jantung hendak minta duit dekat dia waktu itu kawan dok hap hap, duit apa yang dia boleh bagi? Kalau ada pun dia tidak beritahu duit dia dok tang mana, dia hendak ambil duit pun tidak boleh, jadi kalau dia ambil kad itu tunjuk dan pihak hospital pun kenalah bertanggungjawab. Hospital swasta ini pun satu masalah Datuk, dia kira duit sahaja kalau orang tu mai tak dak duit, ini bagus Timbalan Menteri mai dah, dengan baju warna *pink* semua..lai lai lai, Timbalan Menteri Kewangan haa, ini hendak bertanding MCA ini, ada *tie* ini mesti menanglah ini. Ini punya muka ini punya senyuman.....[Ketawa]

Jadi pihak-pihak hospital swasta pun kena bertanggungjawab kalau seseorang itu dalam kritikal, dalam kesakitan tidak boleh dok memilih, kalau pun dia tidak ada duit, kalau hantar dekat dia terima dahulu pesakit itu. Kalau *emergency*, hospital terdekat hospital swasta, hendak pergi hospital kerajaan jauh, maka hospital swasta itu bertanggungjawab, ini kita kena beritahu pada hospital swasta ini, jangan dok kira orang ada duit sahaja, mai orang miskin tidak boleh pasal dia tidak ada duit, tanya dulu duit ada tak ada? Tidak bayar deposit tidak boleh masuk, kawan ini sudah tinggal suku nyawa itu. Sakit ini, kerana *accident* apa semua, terima dahulu, kemudian penyakit hospital swasta pula, bila orang sudah sakit, hap hap hap dia kata, “Pi kat hospital kerajaan”. Waktu sihat, gagah, boleh ini dia dok kira duit orang tua itu lagi dia dok ambil, bila sudah teruk dia kata, haa ini bawa baliklah atau tolak pergi hospital kerajaan, meninggal di hospital kerajaan, sakit di hospital swasta, ada ke patut? Yang ini berlaku, berlaku, kita tahu semua ini cuma tidak mahu hendak ceritalah Tangga Batu, kalau cerita ini ....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Cerita...cerita...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** .....hendak cerita ke? Ok cerita. Jadi saya hendak pihak Bank Negara juga memastikan kepada syarikat-syarikat insurans yang mana bayar lambat dan sebagainya, kalau sudah syarikat lain boleh gantung, gantung depa ni pulak, gantung lesen depa, bagi lesen-lesen kepada orang lain yang hendak minta ini, banyak hendak minta ini. Kami tak minta, tidak apalah. Kita

Ahli Parlimen tidak minta, biar kita susah kita jangan minta, kita minta pada kerajaan sahaja, kan? Jadi pastikan syarikat ini bertanggungjawab, banyak berlaku sudah, mati ini kadang-kadang sampai 6, 7 tahun keluarga tidak dapat lagi, yang kawan ini ambil insurans hendak memudahkan bila dia mati keluarga dia ada duit, tetapi bila dia mati keluarga dia susah kos hendak kena pakai *lawyer* dan sebagainya. Cuba bayangkan, walaupun ada bantuan guaman hak kerajaan, tetapi hendak kena pakai peguam hendak pakai duit balik amboi mak bukan main susah. Dengan sistem moden la ini dok ada, dengan cara lain dok ada, kalau boleh hari ini dia *claim* dalam masa jangka sebulan, yang ini Bank Negara tolong bagi arahan kat depa. You kena *fulfil the claim*....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ,Tangga Batu....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....kena *fulfil the claim within one month*, dengan izin. Dalam masa sebulan kalau seseorang itu membuat tuntutan *either they like it or not* depa kena *cover* dalam masa satu bulan. Jangan banyak cerewet sangat pasal isi borang tidak cerewet, hendak bayar cerewet. Pasal apa? Duit bukan duit depa duit kawan itu, duit saya, saya bayar premium. Bila saya mati pasal apa saya tidak dapat? Bukan, bukan saya, pasal apa anak bini saya tidak dapat? Memang saya tidak dapat, saya sudah mati. Sila Tangga Batu. [*Ketawa*]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Sekali-sekali Tuan Yang di-Pertua rasa macam *House of Commons* pulak, tetapi kadang-kadang rasa Parlimen Jerai sahaja. Jadi Yang Berhormat Jerai saya seronok dengar Yang Berhormat Jerai berhujah ini, makin lama panas macam enjin diesellah. Kita tambah lagi satu masalah Yang Berhormat Jerai, ini kalau Yang Berhormat Jerai komen masalah ini, saya kira lagi hot Parlimen kita hari ini. Syarikat-syarikat hospital swasta ataupun klinik swasta ini pula Yang Berhormat Jerai, kita datang untuk sebagai pesakit luar umpamanya, kemudian bila sampai ke sana dia ada satu lagi *brand* diletak dekat situ. Dia kata ini *medimaster* pula. *Medimaster* ini peranan dia Yang Berhormat Jerai dia *management* kepada klinik-klinik swasta yang mempunyai hak untuk merawat pesakit-pesakit katakan syarikat-syarikat ataupun GLC dan sebagainya.

Kalau lazimnya kita datang tanpa ada *medimaster* ini cajnya cuma kata RM15.00, RM20.00 untuk sakit batuk, pening, demam dan sebagainya. Tetapi apabila wujudnya *medimaster* ini di mana segala tuntutan daripada pihak klinik itu nanti akan dituntut kepada *master* ini dan cajnya kalau dahulu RM20.00 telah menjadi RM30.00 dan menambah beban pula kepada pihak pembayar dan juga pihak klinik sendiri untuk menuntut bayaran dan pernah satu ketika dia kata, “Yang Berhormat dia kata inilah masalah kita, dahulu kita caj pesakit RM20.00 kalau pesakit itu terus berurusan dengan syarikat”, syarikat di mana beliau bekerja tetapi hari ini sudah ada satu kumpulan lagi *medimaster* pula ini, dia terpaksa tambahkan caj itu daripada RM20.00 kepada RM30.00 semata-mata untuk membayar kepada syarikat yang kononnya mengurus perbelanjaan pekerja-pekerja di mana pesakit itu bekerja.

Jadi ini satu lagi masalah, walaupun dengan adanya insurans dan sebagainya caj untuk *consultation* itu, rundingan itu dan juga caj untuk ubat itu telah terpaksa ditanggung oleh sama ada syarikat insurans ataupun pesakit itu sendiri. Inilah semua kerenah birokrasi yang kita dapat lihat sebenarnya menjejaskan perkhidmatan yang dapat disediakan oleh pihak-pihak klinik swasta dan hospital-hospital swasta Yang Berhormat ini Jerai. Jadi kenapa perkara ini perlu ada, orang kampung saya kata, “*Is another leg of human being*”, elok-elok jalan dua kaki ini laju ditambah satu kaki lagi jadi tiga kaki sudah makin perlahan pula pergerakan kita dan akhirnya menjejaskan juga kualiti hidup kita, kerana tidak mendapat perkhidmatan kesihatan setimpal dengan apa yang kita bayar ataupun yang kita wajar terima. Yang Berhormat Jerai boleh komen perkara ini, kalau tidak faham saya boleh jelaskan lagi tentang perkhidmatan *medimaster* tadi itu. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya faham, cuma yang saya tidak faham tiga kaki berjalan ini, kalau dua kaki cepat, tiga lagi cepat pasal apa tiga lambat pulak takkan satu kaki dok tarik dua kaki itu. Haa, ini masalah. Saya bersetuju. Sebenarnya ini tanggungan ejen.

Tuan Speaker saya biasa, saya ambil insurans perubatan juga walaupun saya boleh pergi hospital kerajaan, tetapi saya tidak mahu tempat saya, tempat rakyat yang susah itu diambil oleh saya. Maka saya berkorban diri ambil insurans bila saya sakit saya pergi hospital swasta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata banyak kuat, banyak sihat, tidak payah pergi hospital....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak ada, bukan badan sihat, tetapi mata ada sedikit kelabu. Jadi saya pergi *operate* mata saya, saya kena RM3000.00 tetapi ejen itu bagus, dia tolong buat *claim* untuk saya dia tolong semua, jadi saya tidak tahu apa, sudahlah mata sakit dok tempek sebelah ini, jadi dia kata, "Datuk *sign*", kita pun *sign* tengah sakit *sign* sahajalah, jadi dia tolong buat dekat saya. Itu ejen yang bertanggungjawab, jadi kita minta juga kalau boleh, banyak sangatlah hendak minta dekat Bank Negara peraturan ini, jadi hendak minta dekat siapa kan? Sebab Bank Negara yang bertanggungjawab pasal insurans, Kementerian Kewangan. Jadi tolong bagi *code of* tanggungjawab sebagai ejen ini walaupun ada.

Saya ingat kalau ejen itu tidak mengikuti ataupun tidak membantu pencarum-pencarum insurans ini setelah mereka mencarum ataupun setelah mereka membeli insurans, maka ejen-ejen ini boleh didenda ataupun digantung ataupun *distrike off* sebagai ejen kepada insurans. Itu tanggungjawab depa, pasal apa saya pula sudah bayar apa semua, tahu-tahu apabila apa-apa berlaku hendak isi borang hospital masuk wad dan sebagainya kita mana tahu. Masa pun tidak ada. Tambah orang tua-tua tidak tahu langsung bagi borang sahaja dia sua jari sahaja nak cap sahaja, dia hendak *sign* pun tidak boleh. Jadi yang ini kita kena fikir, maknanya syarikat insurans ejen dia itu kena bertanggungjawab sepenuhnya bukan setakat mai hujung tahun hendak ambil premium.

Mai hujung tahun nak *renew* premium. Itu dia mai, tetapi bila kita sakit dia buat tak tahu sahaja, kot dia hendak hantar bunga ke buah epal sebiji pun tidak. Ini kerja depa. Jadi hospital-hospital swasta ini kita hendak bercakap, kita hendak kaitkan juga dengan insurans bukan makna saya keluar dari tajuk dia, tidak Tuan Speaker, saya dalam itu juga, dalam kumpulan insurans juga.

Negara kita ini kerajaan mencadangkan hendak buat insurans sistem kepada hospital-hospital kita. Yang ini saya rasa kerajaan boleh fikirlah sebaik-baik. Sebaik-baiknya untuk rakyat. Pasal negara-negara maju macam di England, di Amerika, negara-negara itu semua sudah maju sebab itu di sana kalau orang menemui

kemalangan, dia dok terketar-ketar atas jalan itu kita jangan dok pi cuba hendak tolong dia. Kita tolong dengan niat baik, hendak bawa ke hospital, dia boleh sue kita balik.

Kalau awak tak angkat aku tadi, mungkin aku tidak *paralyze* dia kata, ini you angkat saya dan saya *paralyes* dan sekarang ini dia pergi saman kita balik ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Cakap bahasa cina]*  
*[Dewan menjadi gamat dengan ketawa dan sorak]*, Jadi kita hendak hospital-hospital...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, tentang apa itu?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ini Parlimen Taiwan pula Tuan Yang di-Pertua, *[Dewan menjadi bertambah riuh dengan ketawa]* Yang Berhormat Jerai saya seronok dengan Yang Berhormat Jerai ini, tinggal 9 minit lagi. Yang Berhormat Jerai, kita sudah sebut dan bercerita tentang hospital swasta sudah cerita fasal perkhidmatan sudah cerita fasal wakil insurans dan sebagainya tetapi dia ada satu lagi Yang Berhormat Padang Terap dia berbisik kepada saya, dia kata ada lagi ulat insurans pula.

Ulat insurans ini peranan dia lagi teruk Yang Berhormat Jerai. Ada satu ketika itu saya duduk di hospital swasta, keluarga ini menghadapi kematian yang mempunyai insurans dan ulat insurans ini boleh jumpa isteri dan anak keluarga ini dia *offer* pula hendak jual keranda macam ini, keranda macam ini. Dia kata keranda macam ini boleh tolak dari duit insurans.

Ini pun saya kira adalah suatu perkembangan yang kurang sihat dalam keadaan keluarga yang sedih ini yang tengah-tengah sedih ini ada pula orang datang jumpa bisik-bisik bawa *handphone* ini dan dia kata hendak keranda macam mana. Selalunya berlaku kepada kaum Tiong Hua, dia kata hendak yang kayu jati kah, kayu kenyal kah, kayu kenyal kah... kayu cengal kah. Ulat insurans ini pun ada peranannya dan saya kira ia adalah suatu yang kurang sihat dalam sesetengah budaya. Mungkin pihak Kementerian Kewangan itu perlu melihat juga ulat-ulat insurans ini yang diwakilkan oleh ejen-ejen insurans yang diwakilkan oleh ejen-ejen insurans yang akan menyebabkan pembayaran ganjaran itu nanti berkurangan kerana sudah lebih bayar duit keranda. Terima kasih Yang Berhormat Jerai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini bukan ulat, ini kes cari makan. Kes cari makan itu, memanglah di hospital kalau kita meninggal maklumlah kadang-kadang apabila keluarga kita meninggal yang kita tahu menangis sedih, hendak bawa balik mayat pun tidak tahu macam mana. Jadi adalah orang hendak cari makan itu, datang dan berkata dia ada pakej.

Sekarang ini mudah dan sekarang ini semua diswastakan sampai mati pun Tuan Yang di-Pertua diswastakan. Keluarga menangis sahaja [Ketawa] Keluarga sedih sahaja, kompeni ini akan proses semua, kapan semua bawa pergi ke kubur macam tauke, *complete* ini harganya. Keluarganya menangis sahaja .... sedih sahaja, yang ini dia berniaga semua *complete*, yang ini sistem dia. Kalau yang ini hendak suruh Bank Negara pergi buat teruklah Bank Negara [Ketawa] [Dewan riuh].

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kesemua ini tidak akan dibayar oleh insurans jadi tidak ada hubung-kait.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak. Tidak. Itulah dia, itulah saya hendak beritahu kepada Tangga Batu. Cuma Tuan Yang di-Pertua apabila ada kemalangan di hospital, ada ejen kepada *lawyer* untuk bawa kes ini supaya *lawyer* ini dilantik untuk *fight* kes tuntutan, yang itu ada. Hak yang itu tidak apalah, yang itu kes hendak proses orang mati dan bawa balik mayat orang itu dan buat macam mana, kalau tidak wakil rakyat teruk, disuruh beritahu membawa balik mayat, matilah kita, mana hendak sempat. Yang hidup pun tidak sempat hendak jaga mana pula yang mati pula kan?

Yang ini ada, maknanya ejen di hospital kadang-kadang *deresa* apa semua, duduk kerja *attendant* mereka cari makan, duduk keluar sedikit jadi broker. Dia tolong bawa dia kata, encik ini ada satu *lawyer* ini Badruddin Associate, ini bagus, dia *lawyer* yang paling baik dan dia menang dia punya kes, jadi *appoint*. Jadi *lawyer* dia punya bagus, dia *advance* kepada orang ini, ini duit hendak pergi hospital, hendak makan apa semua sekejap lagi si isteri hendak datang dari kampung tidak ada apa. Dia *advance* sebab dia baca kes ini dia boleh menang dan kes ini kereta langgar dia dan bukan dia langgar kereta, jadi dia boleh menang.

**Beberapa ahli:** [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia ambil kes ini itu cari makan, kita tidak boleh salahkan dia, dia pun setuju kawan ini orang kampung, dia tahu apa. Dia kata, saya tengah berjalan tiba-tiba datang lori itu langgar saya bukan saya pergi langgar lori itu tidak akanlah saya salah. *Lawyer* ambil kes itu, *lawyer* ini ambil kes itu dan *fight* tetapi apabila sudah menang, *lawyer* ini potong balik, saya sudah *advance* pada awak RM5,000 dan masuk faedah sekian, komisyen yang buat dahulu sekian, akhirnya daripada RM100, 000 dia dapat, tolak ini dan tolak ini tinggallah RM50,000 ataupun RM40,000, yang itu hendak buat macam mana, yang itu tidak akanlah Bank Negara hendak pergi *control* pula. Bank Negara pun tidak ada masa, dengan mata wang turun naik turun, dengan ekonomi naik turun naik turun, dengan minyak naik naik dan tidak turun, macam-macam. Jadi kita jadi serba salah dan pening sudah kali ini.

Saya harap dari segi insurans hospital tidak lama lagi kerajaan hendak adakan sistem insurans kepada rakyat tetapi kita kena ingat bukan semua rakyat berkemampuan ada rakyat yang tidak berkemampuan. Bagaimana kita hendak kategorikan rakyat yang tidak berkemampuan untuk mendapat rawatan hospital yang percuma, yang ini kita kena ambil tahu.

Negara kita negara membangun bukan negara maju. Bila negara maju tidak apa, tidak apa Tuan Yang di-Pertua, sebab itu Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua pergilah merata dunia. Saya tidak pergilah saya asyik melihat peta dunia sahaja, pergilah ke mana pun tidak ada hendak cari macam Malaysia. Pergilah..*[sambil bercakap bahasa cina]* Tengok pun tidak nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau Yang Berhormat tengok peta memang tidak nampak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, kalau kita tengok, tengok, dunia ini tidak ada macam Malaysia. Malaysia itu dia punya cara peta itu pun elok sahaja, di dalam peta itu, kita pun elok. Mana hendak cari Malaysia datang ke negara Malaysia hendak makan masakan cina ada, masakan India ada, masakan Melayu ada. Kalau tidak, hendak pergi ke cina boleh makan makanan cina. Hendak pergi India boleh makan masakan India...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Arab, Arab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Arab pun ada, semua ada di Malaysia. Tidak ada dalam dunia negara kita membangun, negara Amerika, maju ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak sesat kah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak sesat kan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sesat apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jauh keluar daripada tajuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, maksud saya kita terbang itu kena *cover* insurans...*[Dewan riuh dengan ketawa]* Perjalanan kita itu mesti di *cover* oleh insurans, insurans kemalangan, insurans nyawa Tuan Yang di-Pertua, jadi ada kait Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya apa sebab saya lama dan saya faham....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Pasir Puteh hendak tanya.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tambah sedikit Yang Berhormat Jerai dan Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sedikit sahaja boleh, sebab saya ada tiga minit lagi.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya setuju tadi, *cover* insurans untuk orang susah di hospital ini dia tidak mampu. Kalau boleh inilah peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat selain dari dia beli beras, dia beli gula itu, beri *cover* insurans kelompok pada dia. Yang kedua pula ialah Baitulmal, apa peranannya? Itulah dia, tolonglah beri, jadi saya rasa setuju atau tidak?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya setuju. Semua agensi-agensi yang diwujudkan oleh kerajaan untuk kebaikan rakyat. Cuma kadang-kadang cara itu *overlap* dan sebagainya. Matlamat kerajaan adalah baik, kerajaan kita jangan salahkan ia, kerajaan cukup baik, tidak adalah kerajaan dalam dunia ini macam Malaysia, mana ada? Pergi cari dan tengok dan boleh tunjuk pada saya tengok, kerajaan Amerika yang asyik membunuh orang sahaja, bukan dia selamatkan orang,

kita yang selamatkan orang, kita ini yang dugong mati pun dalam laut menangis semua rakyat Malaysia.

**Beberapa ahli:** Betul,.betul!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dugong mati, menangis dan dalam televisyen pun tunjuk hari-hari, dugong itu pun [*hub,hub*], kita ini [*hib,hib*] menangis, manusia di Malaysia ini cukup baik. Amerika asyik bunuh hari-hari dia seronok dia kata, *okey we kill today so many people, we are very happy, we are world power* dengan izin. Manusia tidak ada perasaan. Kita ini..... Allah, punya baik apatah lagi wakil rakyat ini cukup baik.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, Tangga Batu saya hendak berhenti lagi dua minit lagi Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sambung lagi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak sambung lagi tengah hari.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Dato' Jerai dan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak patah balik kepada Yang Berhormat kerana sudah lari. Saya teringat tentang ejen insurans di hospital swasta tadi itu. Oleh kerana ejen insurans ini sebenarnya adalah mereka yang boleh bersifat *take for granted* juga. Oleh sebab dalam masyarakat Melayu kita Yang Berhormat, kebanyakan daripada orang bapa-bapa kita ini dia kurang beri perhatian kepada insurans jika anak mereka terlibat dalam maut dan sebagainya, mereka kata tidak apalah, tidak ada tuhan dan sebagainya.

Apakah mekanisme, mungkin pihak Kementerian Kewangan ada mekanisme supaya pihak-pihak ini diberikan bantuan walaupun mereka kata tidak mengapalah sudah takdir dan qada' tuhan dan sebagainya, kita terima dan sebagainya? Bolehkah kah Yang Berhormat Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Memanglah takdir tetapi kita kena menjaga kadang-kadang kita biar anak kita pergi melintas jalan, kereta asyik lalu dan kita punya anak melintas dan kita pun biar dia pergilah, tidak boleh. Bermakna kata hari-hari kita mengatakan takdir. Tuhan suruh kita jaga dan melindungi kalau

benda itu hendak berlaku memang kerana kehendak Allah SWT tetapi yang hidup ini bertanggungjawab Yang Berhormat.

Kita sudah ada semua sistem pada hari ini, gunakan sistem itu sebaik mungkin supaya orang tidak teraniaya. Apabila kerajaan bagi orang buat insurans kerajaan fikir untuk menolong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, saya hendak habiskan Tuan Yang di-Pertua, memang saya hendak tutup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak sambung lagi petang ini?

**Beberapa ahli:** Eh, sambung, sambung, sambung, sambung!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Atas permintaan saya sambung, jadi...sambung sampai inilah sebab...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Bercakap bahasa cina* Sekejap, tidak apa kita beri, kita beri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hendak sambung kah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, saya tidak sambung sudah, saya hendak beri peluang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi boleh berhenti, boleh berhentilah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Okeylah saya sambung sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, saya sambung kepada keadaan yang terdesak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada banyak lagi hendak berucap ataupun hendak habiskan sekarang? Sebab masa sudah....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sekarang ini saya habiskan sekarang Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya hendak sambung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada lagi? Ada lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, saya sambung lagi, ada lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi Yang Berhormat perlu rehatlah, berehat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak rehat ambil angin sekejap lagi kemudian saya sambung balik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah saya beri peluang untuk Yang Berhormat rehat, duduklah, rehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat daripada Jerai untuk menyambung ucapannya.

**2.33 ptg.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Tuan Yang di-Pertua saya mengalu-alukan orang-orang daripada Terengganu bersama dengan kita di Dewan Rakyat. Pengerusi PTPTN dok ada bersama. Bolehlah bagi pinjaman banyak-banyak sedikit ya? Dan tolong beli insuranslah. Yang mai ini naik bas ekspres ada *cover* insurans atau tidak Yang Berhormat?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyambung masalah pindaan insurans kita ini. Pertama Tuan Yang di-Pertua kita kena ingat juga apabila berlaku

sesuatu kejadian setelah seseorang itu mengambil perlindungan insurans dia ada adjuster. Saya sempat berbincang dengan beberapa orang adjuster dan mereka mengatakan kadang-kadang ejen itu sendiri tidak memberi penjelasan yang sepenuhnya kepada orang yang mengambil perlindungan insurans itu. Kadang-kadang orang itu kata dia ada kencing manis tapi ejen ini kerana hendakkan mungkin komisen dan sebagainya dia kata tidak apa yang ini semua kita boleh buat.

Tetapi apabila berlaku sesuatu, apabila orang ini sakit dan sebagainya masuk hospital ataupun dia buat tuntutan maka apabila doktor mengesahkan bahawa dia ini daripada sakit kencing manis yang bertahun-tahun dan akhirnya dia akan tidak mendapat bayaran daripada insurans yang dibelinya itu.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Walau bagaimanapun ada, saya tidak nafikan bahawa sebelum seseorang itu mengambil insurans perubatan mereka ini akan di mestikan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila beri laluan

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini mamak... mamak dok cari dia.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih mamak Jerai. Saya hendak tanya dengan mamak Jerai adakah orang yang makan benda alah ini dilindungi oleh insurans atau tidak? Kas-kas ini yang dihebohkan dalam satu, dua hari yang lepas yang mana saya difahamkan bahawa kas-kas ini adalah biji kepada bunga poppi dan daripada pokok poppi ini adalah mereka-mereka mendapat heroin.

Saya difahamkan daripada mamak juga, sekiranya kas-kas ini di masuk dalam kari Tuan Yang di-Pertua, kalau lebih sedikit atau lebih dari sukatanya membuatkan seseorang itu mengantuk dan hari ini kita sudah tengok kemalangan jalan raya negara kita sudah meningkat, terus meningkat. Kalau dia lepas makan kedai mamak yang ada kas-kas ini kari dia taruk terlebih kas-kas dan dia mengantuk dan dia *accident*. Adakah insurans akan membayar ganti rugi kepada orang ini? Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Ini hendak cerita apa sebenarnya ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang saya hairan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin pun lebih kurang berwajah mamak juga. Serupa mamak. *[Ketawa]* Itu pun mamak marah dekat dia lagi kan? Jadi sebenarnya insurans ini dia akan bayar kepada seseorang itu mengikut perlindungan yang diambil. Kalau dia makan kaskas yang Yang Berhormat katakan tadi mungkin akan menyebabkan seseorang itu terlena dan sebagainya ataupun dia naik karan seronok itu, jadi yang ini terpulanglah daripada *post mortem* yang dibuat. Kalau didapati buah kaskas itu menyebabkan seseorang itu mengantuk dan sebagainya dan menyebabkan kemalangan saya ingat yang ini tidak tahulah sama ada di dalam perjanjian itu perkataan kaskas di masuk atau tidak. Kalau dimasukkan mungkin boleh dilindungi.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tetapi yang pentingnya ialah bahawa si pembeli insurans ini mesti diberi penjelasan, fahaman yang benar-benar supaya yang membeli insurans ini memahami bahawa yang melindungi diri dia dan ia menggunakan insurans ini untuk melindungi dia dan keluarga dia. Jadi insurans ini memang baik. Ya, ya silakan, silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya daripada Jerai tadi. Yang pertama saya ada dua soalan kalau boleh penjelasan daripada Yang Berhormat Jerai, yang pertama tadi disebut tentang *adjuster* ini. Memang banyak kita dengar *adjuster* yang melakukan kerja-kerja yang tidak senonoh dan memang bukan satu rahsia lagi mengenakan tuntutan yang tinggi dan kemudiannya pihak syarikat insurans pula mengenakan satu tuntutan yang tinggi pula kepada pihak pelanggan, jadi ini akan bertali-tali. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat tentang etika ataupun adab *adjuster* ini supaya tidak banyak berlaku penyelewengan-penyelewengan dan penipuan yang boleh menimbulkan dan terjejasnya aktiviti insurans ini.

Yang kedua Yang Berhormat ialah yang satu lagi yang disebut tadi itu ialah tentang kefahaman pelanggan-pelanggan kita tentang pelbagai syarat. Saya kadang-

kadang nampak tidak ada ketulusan apabila seseorang ejen insurans ini menjelaskan segala syarat-syarat. Kadang-kadang kita ini hanya turunkan pen dan terus tanda tangan tanpa memahami pengertian yang sebenarnya yang boleh menyebabkan kita kerugian besar kerana tidak teliti. Tetapi kadang-kadang ini sengaja dikelabui oleh pihak ejen-ejen insurans itu yang menyebabkan tidak ada kefahaman, tidak ada penjelasan, tidak diberi. Yang ini yang akan menimbulkan akibat-akibat yang buruk kepada pihak *policy holder*. Pandangan Yang Berhormat Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Memang tadi Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang *adjuster*, jadi *adjuster* ini Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu sepatutnya menjadi perantaraan di antara pemilik insurans ataupun pelanggan dengan pihak insurans. Jadi yang menjadi masalah ini ialah sebab ejen - yang menjual insurans ini ejen, yang mentafsirkan sesuatu selepas kemalangkankah ataupun sesuatu perkara tuntutan itu ialah *adjuster*. Jadi yang menjadi masalah apabila ejen ini tidak beretika, tidak memberi penjelasan. Kadang-kadang mak long, mak ngah kita di kampung dia tidak faham tapi bila kata insurans, insuranslah. Orang kampung kata insurans nyawa, *life insurance* ini, insurans nyawa orang kampung kita dok kata.

Jadi, dia kata cek sudah ambil insurans nyawa tetapi yang bawa mai cerita itu, dia kata, yang ini bagus makcik, bila meninggal anak cucu senang, harta dapat dan sebagainya, jadi dia pun belilah insurans ini. Tetapi bila dia meninggal, yang datang itu adalah *adjuster*. Dia akan buka buku dan inilah peraturan-peraturan yang boleh kita tuntutan dan sebagainya. Tetapi yang menjual dahulu tidak menjelaskan kepada yang membeli. Jadi *adjuster* mengikut peraturan dan ada juga, yang ini susah kita hendak buat. Kadang-kadang ada syarikat insurans yang gulung tikar disebabkan oleh permainan *adjuster* dan juga agen ini menyebabkan syarikat insurans rugi begitu banyak sekali dan terpaksa gulung tikar. Ini lumrah yang berlaku yang harus diperketatkan peraturan-peraturan dia.

Saya minta kerajaan melindungi pengguna daripada melindungi peniaga kerana syarikat insurans itu kita tahu, keuntungannya cukup berlipat ganda, sedangkan pengguna ini, kita membeli insurans dengan harapan supaya kalau kita beli insurans kereta, walaupun dimestikan kita beli kereta, kita ambil pinjaman, kita kena ada insurans.

Tetapi yang kita hendak ialah apa yang kita harapkan itu apabila berlaku sesuatu, kita mendapat tuntutan itu dengan mudah.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ayer Hitam? Silakan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat bagi Jerai menyatakan bahawa *adjuster* juga memainkan satu peranan penting dalam tuntutan insurans, tetapi setahu saya atau persepsi masyarakat, *adjuster* ini macam boleh dipengaruhi ataupun boleh dibeli dan kadangkala laporan yang dibuat itu berat sebelah, lebih memihak kepada syarikat insurans, itu yang pertama.

Yang kedua, satu lagi faktor yang mendorong kepada satu tuntutan itu adalah doktor yang melakukan pemeriksaan. Kadangkala kita melihat doktor yang menjadi panel kepada syarikat insurans ini sentiasa memberi perlindungan kepada syarikat, bukannya orang yang membeli insurans. Apabila berlakunya, misalnya seseorang itu ada kencing manis, dia sudah buat pemeriksaan, kemudian dia ditimpa kemalangan dan akhirnya menjadi cacat. Menurut laporan doktor ini, dia kata dia ini boleh jadi cacat disebabkan ada kencing manis dan faktor kemalangan yang menyebabkan dia ini menjadi cacat tidak menjadi satu faktor yang utama. Jadi tuntutan itu menjadi berkurangan. Saya rasa ini adalah satu yang tidak adil bagi mangsa di dalam kemalangan.

Yang ketiga, hospital juga memainkan peranan. Kita lihat dahulu – Sihat Malaysia, sekarang sudah dianggap tidak sihat sebab Sihat Malaysia sudah muflis, sudah tidak boleh. Dahulu dengan harga premium yang begitu rendah sekali dapat perlindungan yang amat selesa. Tetapi sekarang memang kalau kita sebut sahaja Sihat Malaysia, nampaknya kita terpaksa membayar premium yang terlalu tinggi. Jadi kenapa? Ini disebabkan syarikat insurans itu kata “saya tidak boleh untung, jadi saya terpaksa menaikkan premium.” Jadi tidak adalah perlindungan kepada pengguna. Apa yang diutamakan adalah keuntungan syarikat. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat yang menjadi bakal penasihat kewangan bagi syarikat insurans. [*Ketawa*]

Dan satu lagi perkara yang menjadi satu pertikaian masyarakat ialah kenapa orang yang berumur 50 tahun ke atas, syarikat insurans tidak berminat kerana dia kata kalau saya hendak bayar, saya tidak larat. Mereka cuma memberi perlindungan bagi orang yang sihat. Jadi orang yang tidak sihat, tidak payah. Orang yang tidak sihat ataupun orang yang sudah berumur dan menjadi warga tua itu, tidak seperti negara lain. Di negara lain mereka beri perlindungan walaupun premiumnya lebih tinggi. Di Malaysia, hendak beli pun langsung tidak boleh. Apa pandangan Yang Berhormat yang berjiwa rakyat, yang sentiasa menjaga kebajikan warga tua. Minta pandangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, jawapan pertama tadi sebagai Ahli Parlimen, bukan sebagai Menteri atau Timbalan Menteri. Kalau kita tidak memahami dan kita menghadapi masalah, rakyat boleh menghubungi Biro Bantuan Guaman untuk mendapat khidmat nasihat daripada Biro Bantuan Guaman ini supaya mereka tidak teraniaya dan tertipu oleh apa jenis perniagaan yang melibatkan rakyat dalam negara kita ini.

Yang ketiganya, Yang Berhormat tanya fasal warga. Ini tidak patut, tadi saya sudah kata. Contohnya kita ambil insurans kereta. Kalau orang muda beli insurans, bawa kereta, dia lain. Orang muda ini gelojoh. Tengok yang naik motor itu, kita buat motor tayar dua, dia bagi jadi tayar satu. Tayar depan dia angkat naik, dia pederas dengan tayar satu – itu kelaku orang muda, zaman dia, dia suka macam itu. Dia suka tidur atas motor, meniarap. Saya sudah biasa, saya tahu sebab saya balik dari Parlimen ke Alor Setar, sampai di Gurun, tahu-tahu motor potong saya, saya nampak orang tidak ada. Saya ingat kawasan itu berhantu, rupanya yang naik motor itu meniarap atas motor, kepala tidak nampak, apa tidak nampak, sama dengan *handle* motor. Itu yang sedar-sedar masuk wad. Dia sorong masuk bawah pungkur lori, hendak pergi tang mana lagi? Itu pun dia salahkan kerajaan, dia kata kerajaan buat lebuh raya tidak elok, tetapi yang dia naik motor tidak elok, macam mana?

Jadi, yang ini perlu diberi pertimbangan. Macam umur saya dan umur Tuan Yang di-Pertua, kita ini *steady*. Bawa kereta pun *steady*, kita tidak gelojoh, tidak kelam kabut. Jadi saya minta pihak insurans, kalau hendak *cover* insurans, kalaulah kereta saya beli, tengoklah pengalaman saya. Saya tidak pernah ada kemalangan, saya *drive* okay, ikut peraturan. Sekali-sekala pakai telefon dalam motokar, orang kawasan telefon

takkan tidak jawab, saya rasa tak apalah. *Cover* lah insurans dengan premium yang agak lumayan, janganlah tinggi sangat. Ini di negara lain dia buat, ini dia pukul rata. Mai hak yang jenis naik motor meniarap pun premium macam itu.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....hak naik motor tegak pun macam itu premium.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Jerai, Tuan Yang di-Pertua, dia bercakap dengan siapa? Tidak ada siapa di dalam. [*Ketawa*] Siapa hendak jawab. [*Ketawa*] Tidak ada siapa hendak jawab. Tuan Yang di-Pertua tidak boleh jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak apa, buat sementara saya jawab bagi pihaklah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Ketawa*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jangan ingat walaupun Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak ada, depa ini ada satu taklimat, tidak apa pegawai ada, pegawai tolong tulis nanti depa mai, depa gulung ya? Kalau depa tidak ada pun, saya tolong gulung pun tidak apa, saya tidak ada masalah. [*Ketawa*] Cuma yang kita bercakap ini semua *record*. Pegawai-pegawai pun semua dok angguk bila saya bercakap, maknanya depa faham apa yang saya cakap, walaupun loghat Kedah Tuan Yang di-Pertua, depa faham. Mai hak umur tua-tua ini, hak ini tidak patut Tuan Yang di-Pertua....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Pasir Puteh, hendak beri laluan?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya hendak tanya satu, hendak bela sedikit wanita ini. Kita perlu bela kaum wanita kerana wanita ini lemah, kita kena bela biar dia kuat. Setuju atau tidak, saya hendak tanya setuju atau tidak apabila *life insurance*, kita masukkan isteri-isteri, bukan satu isteri, walaupun masa kita kahwin itu kita masukkan satu sahaja, selepas itu ada isteri-isteri. Setuju tidak kita masukkan sama kerana insurans ini adalah pemberian, di segi hukum syaraknya tidak ada masalah, pemberian. Jadi setuju atau tidak?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita kena adil. Kalau kita tidak boleh berlaku adil, kita tidak digalakkan menambah tetapi kalau kita adil, dalam Islam kata dibolehkan. Jadi, kalaulah kita berasa isteri pertama, kita sudah bubuh nama *[Disampuk]* Tidak, bukan, ini cerita. Jadi isteri kedua pun apa salahnya? Bubuh pi-lah pasal bila kita mati, dua-dua teriak. Jadi, seorang teriak dapat, seorang teriak tidak dapat, macam mana? Jadi, kedua-dua menangis, maklumlah suami tidak ada. Siapa yang suaminya mati, isteri tidak teriak? Semua menangis Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita pun kadang-kadang isteri kita mati menangis, teriak, makan tidak lalu, tidur tidak lena, itu pun kadang-kadang sat sahaja, lepas itu dia mula. *[Ketawa]* Jadi, kena adillah. Ini dari segi keadilan, tetapi pihak insurans tidak ada masalah, dia boleh kalau la-ni Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ambil yang muda pula seorang lagi, kemudian hendak bubuh nama seorang lagi, Minah binti apa pun, bubuhlah. Jadi beritahu insurans, insurans akan isi yang itu. jadi, yang itu tidak ada masalah. Yang itu insurans di negara kita dibolehkan. Yang menjadi....

**Tuan Markiman bin Kobiran:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha, Bukit Mertajam, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam ya.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Kalau dikatakan menambah isteri lagi, dia mesti adil.

Tapi ada satu syarat lagi mesti mampu, jadi kalau sudah ada satu polisi yang namanya ialah isteri pertama, kalau hendak kahwin kedua, dia mesti beli polisi yang kedua, tambahlah. Baru beli polisi atas nama isteri kedua, kalau ketiga, belilah polisi lagi. Jadi dia mesti mampu, kalau mampu dan adil barulah boleh lakukan. Setuju tak Yang Berhormat Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang dalam Islam kalau tak salah saya Pasir Puteh, kalau kita nak menambah isteri itu, pertama dia kena adil, yang

kedua mampu. Adil dan mampu, kalau ada pun tapi tak mampu dok tidur saja, buat “semak kelambu” orang kata, pun tak boleh Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Maknanya dia mampu segala-galanya termasuk *life insurance*. Kalau dia mampu, lebih baik dia beli, kalau tidak di akhirat kelak Pasir Puteh, dia akan dituntut kerana menjadi suami yang tidak adil. Jadi dia kena boleh. [Bercakap bahasa Hokkien]

Boleh Tuan Yang di-Pertua, dengan izin kita belilah, tapi kalau kita nak syer tak apalah, ambillah, abang mati tak lama lagi, ambillah seorang sedikit yang ada ni, pun boleh, yang ini tak apa, insurans tak ada masalah.

Yang saya nak minta ni supaya jangan warga-warga tua yang berumur ini kita tak bagi dekat depa peluang. Tengok macam Terengganu mai yang dok ada ni, 50 lebih semua tu macam sayalah, saya dah 56 Tuan Yang di-Pertua tapi nampak muda macam tu lah. [Ketawa] Tapi bila mai umur macam ni Tuan Yang di-Pertua, premium tinggi, awat ingat orang muda tak mati ke? Orang tua ke saja yang meninggal, orang muda pun meninggal, jangan main-main. Jadi yang ini pihak Kementerian Kewangan dan Bank Negara ini, cuba bagi satu *guideline* macam mana yang kita dok minta ini, susun balik elok-elok, *this is a guideline*. Sila, sila Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Jerai. Saya nak minta pandangan Jerai tentang kemungkinan berlakunya sabotaj apabila orang tahu yang dia memiliki insurans yang besar sama ada dari segi harta benda ataupun *life insurance* dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat Jerai, apakah pihak kerajaan perlu melihat perkara ini supaya tidak berlaku orang yang menggunakan kesempatan untuk mendapatkan insurans orang lain. Minta sedikit pandangan, umpamanya katalah Jerai ada isteri dualah katakan, kemungkinan berlaku. Saya tak katalah, kalau kemungkinan berlaku atau harta banyak, minta sedikit pandangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ampun Tuanku, yang ini Raja Perak Tuan Yang di-Pertua. Ya, sebab itu dia ada *adjuster*, kalaulah seseorang itu ambil insurans, kalau dia bunuh diri ataupun dibunuh oleh orang yang dia penama tu, jadi pihak insurans itulah guna *adjuster* untuk buat siasatan, pastikan bahawa orang ini mati kerana sakit, kerana Allah Taala panggil dia, yang itu lain. Ataupun mati dibunuh oleh orang kerana alasan nak ambil insurans, yang ini pihak *adjuster* ada. Jadi yang ini tidak

menjadi masalah, yang menjadi masalah macam saya kata tadi, saya minta pihak kerajaan khususkan supaya dalam masa beberapa lama kalau *claim* kena bayar.

Kadang-kadang kereta daripada Padang Terap, Yang Berhormat Padang Terap, dia pun bagus Tuan Yang di-Pertua, esok dia terima hadiah Tokoh Belia Negeri Kedah walaupun umur 50 lebih dok belia lagi. *[Ketawa]* Tokoh Belia Negeri Kedah, tahniahlah. Saya pun belia tak dapat, dapat dekat dia, bagus, bagus, alhamdulillah saya bersyukur, esok bolehlah RM10 ribu ke RM15 ribu pula.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Hulu Langat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hulu Langat ya.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya ingin mendapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Jerai berkenaan dengan adanya amalan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat insurans apabila mereka mendapat tuntutan daripada pencarum atau pemegang polisi ini. Ada syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab dengan mengambil atau menggunakan segala isu teknikal ketika kita mengisi borang cadangan dan sebagainya untuk melepaskan diri daripada bertanggungjawab untuk membayar pampasan.

Dan ada juga yang sanggup membelanjakan wang berpuluh ribu malah beratus ribu melantik peguam yang bijak pandai untuk melepaskan diri daripada tanggungan untuk membayar pampasan yang telah dipersetujui di bawah polisi tersebut. Dan ini banyak berlaku terutama sekali dalam tuntutan-tuntutan insurans yang melibatkan kematian, yang melibatkan tuntutan yang besar. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Jerai berkenaan dengan perkara ini, itu yang pertama.

Yang kedua Yang Berhormat Jerai, saya masih ingat ketika lebih kurang 10 atau 8 tahun yang lalu peristiwa *cover note* terbang. Di mana *cover note-cover note* ini sebenarnya dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans melalui agen, agen ini biasanya penjual-penjual di kedai-kedai motosikal di kawasan-kawasan atau di kampung-kampung, di pekan yang kecil-kecil. Dan mereka mengeluarkan *cover note* ini semata-mata untuk membolehkan *road tax* atau cukai jalan dikeluarkan kepada pemilik-pemilik motosikal ini. Selepas daripada itu *cover note* ini dianggap tidak sah dan apabila

berlaku sahaja kemalangan barulah kita sedar bahawa *cover note* ini tidak laku atau *cover note* yang dikeluarkan itu telah tamat tempohnya dan ini menyebabkan banyak tuntutan terpaksa ditolak oleh mahkamah atau gagal separuh jalan. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Hulu Langat. Memang tadi saya dah kata dah Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kedua-dua pihak niat itu kena baguslah, kita nak berniaga jangan gunakan orang untuk kaut keuntungan. Kalau dah meniaga insurans, memang kerja dia ambil duit orang kemudian bila orang tuntutan kena bayar. Kadang-kadang makan masa bertahun nak ambil satu tuntutan, berzaman, menyusahkan. Cuba bayang, kita ambil insurans nak senang tapi bila nak tuntutan dia jadi susah. Depa guna *lawyer*, kita pula terpaksa cari peguam pakat lawan di mahkamah, jadi benda ini apa yang menjadi susah sangat.

Jadi yang ini saya haraplah kalau boleh penguatkuasaan atau peraturan-peraturan insurans ini yang mungkin dikeluarkan oleh....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, ampun Tuanku, sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sikit lagi saya nak tanya tentang insurans kesihatan yang nak diperkenalkan oleh kerajaan ke atas semua hospital. Apa pandangan Jerai kerana kebanyakan pesakit-pesakit di kampung ialah orang yang dah berumur sedangkan tadi Yang Berhormat mengatakan had umur ada.

Jadi apa pandangan Jerai dari segi baik dan buruk insurans kesihatan yang diperkenalkan di hospital-hospital, kebanyakan pesakit ini adalah terdiri daripada orang-orang kampung tidak termasuk Yang Berhormat Jerai, minta sedikit pandangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya nak jawab Hulu Langat tak habis tadi. Bermaknanya....

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Lipis. Lipis bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nak jawab sekali guskah? *[Ketawa]*.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Ini tadi mengenai dengan *cover note* terbang,

mungkin ada syarikat insurans yang tak mahu menginsuranskan kenderaan dan sebagainya.

Apa kita boleh buat, ini minta pandangan daripada Jerai, kerana apabila kita bayar cukai jalan, *road tax* bermakna cukai jalan tu tak termasuk dengan insurans sekali. Bila kita bayar cukai jalan ke JPJ, makna kita bayar dengan insurans, dengan cara ini tak adalah masalah *cover note* terbang dan sebagainya tadi. Macam mana pandangan Jerai?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jerai jawab Hulu Langat, Larut dan Lipis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, izinkan saya menjawab ketiga-tiga Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang mana saya tak boleh, saya bagi jawapan bertulis ya Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Dan yang mana saya tak jawab, saya minta notislah Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya kes insurans tu, hak yang *lawyer*, yang itu harus kita bertindak. Fasal orang yang mengambil tu dia bukan nak banyak, dia nak apa yang hak dia sahaja. Jadi kalau saya kata tadi hak dia RM150 ribu, bayarlah RM150 ribu, kenapa nak pertikaikan pula? Itu tak kena, ini tak kena, katalah *accident* patah tangan, sekian-sekian nak bagi, bagilah tu, jangan patah tangan berapa inci pendek pula, tang mana patah, kacaulah Tuan Yang di-Pertua.

Hendak pendekkah tangan itu, panjangkah tangan itu. Kalau sudah patah, sambung, dia pendeklah sikit Tan Sri. Orang dalam *agreement* tidak ada kata pendek, dia kata patah sahaja, sudah kelam-kabut kita. Jadi, yang ini kena *clear* dan mengikut Yang Berhormat bagi Larut, menjawab soalan Yang Berhormat bagi Larut tadi, memang kita setuju.

Tetapi insurans untuk kesihatan rakyat ini, bagi rakyat yang berpendapatan rendah. Yang miskin ini dikecualikan, dikecualikan. Tidak usahlah Mak Long, Mak Ngah dok jual cucur kodok, dok ramas tepung dengan pisang petang-petang dok jual cucur kodok sana sini dengan bahang api itu, sampai ranum orang tua itu, pun hendak kena bayar insurans hospital. Mana boleh, kasihanlah dekat dia. Yang dok jual pisang, dok jual cucur keria, dok jual karipap. "*Kais pagi makan pagi, kais petang makan*

*petang, kais malam makan malam.*” Yang ini pun kita hendak pergi buat insurans, kasihanlah dekat depa. Depa orang kampung. Saya ini pun wakil rakyat kampung.

Walaupun Tan Sri, kita ini Tan Sri. Tengok ini saya hendak cerita Tan Sri. Insurans kita ini Tan Sri, insurans wakil rakyat Tan Sri, insurans kemalangan. Masa kita menjalankan tugas Tan Sri, RM60,000 sahaja Tan Sri. Besok, takdirnya apa-apa terjadi, saya masuk mai kakikah, kurang dua, tiga inci berjalan senget Tan Sri, bolehlah RM60,000. Tan Sri sendiri sebagai Tuan Speaker Tan Sri.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak tahu berapa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tan Sri saya nak habaq pi Tan Sri, Tan Sri jangan sedih Tan Sri. Jangan sedih, sabar Tan Sri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jerai, boleh minta sikit, ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, tidak ini.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang hendak sambung yang tadi, yang kata. Saya setuju Yang Berhormat kata kita minta pengecualian. Tetapi pada waktu yang sama, kalau boleh sebelum dilaksanakan, pihak Kementerian Kesihatan terutamanya dapat maklum balas dahulu tentang hendak memperkenalkan Skim Insurans Kesihatan ini kerana yang mampu itu, biarlah diutamakan kepada pusat-pusat rawatan swasta. Yang tidak mampu ini, kecuali Yang Berhormat di hospital kerajaan. Setuju?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya macam ini. Saya hendak Menteri panggil wakil-wakil rakyat pasal kita mewakili rakyat. Jadi kita balik boleh cerita dekat rakyat. Jadi panggil wakil rakyat, dapat pandangan wakil rakyat, kemudian buat keputusan. Tetapi kita sebagai wakil rakyat, tentu kita kena jaga rakyat. Yang susah, yang marhaen, ibu tunggal anak 10 Tan Sri, siapa hendak jaga? Dok mai dekat saya itu, teriak meleleh air mata. Kita hendak tolong pun 10, anak ramai. Macam mana kita hendak tolong? Jadi kalau yang ini pula jadi beban, macam manalah depa hendak hidup?

Jadi, Tan Sri tengok macam kita ini, saya hendak habaq ini, wakil rakyat ini bukan banyak dapat. Tan Sri ini Speaker. Speaker ini cukup tinggilah. Level Tan Sri ini cukup tinggilah, Tan Sri. Seseengah negara, Speaker ini nombor dua. Selepas

Presiden, Speakerlah. Itu dia hendak habaq bagi. China, Speakerlah. Tetapi Speaker kita ini, apa-apa jadi dekat Tan Sri, RM250,000 sahaja, Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak baca lagi pun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak baca lagi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu, saya tolong baca Tan Sri. *[Ketawa]* Tan Sri dengan Timbalan Menteri ini level sama. Kalau Timbalan Menteri RM250,000, Tan Sri RM250,000. Ehh! yang ini Tan Sri. Bagi saya tidak apa lagi Ahli Parlimen tetapi Tan Sri tidak boleh. *[Bersorak]* Tan Sri ini Speaker. Saya ini tidak apa. Kami ini Ahli Parlimen sahaja. Wakil rakyat Tan Sri. Apalah ada pada kami ini, RM60,000. Kemudian Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri. Ini Perdana, Tan Sri, bukannya lekeh-lekeh, kepala negara, baru RM750,00. Ehh, tidak patut, bukan? Kemudian Menteri. Menteri RM500,000, Speaker RM250,000. Itu fikir ambillah. Tolonglah pegawai-pegawai, Setiausaha Parlimen apa semua. Menteri Kewangan bagus, dia ada Datuk Azmi.

Setiausaha Parlimen kalau kemalangan, RM150,000. Kemudian kalau Tan Sri terlucut tangankah apa Tan Sri, *[Ketawa]* Tan Sri dapat RM500,000. Minta maaf, minta simpanglah. Kot-kot ini hendak cerita ini. Kemudian kalau Perdana Menteri, RM1.5 juta. Ahli Parlimen RM120,000. Inilah nasib kita ini, bukanlah cerah mana. Tetapi bukan kita hendak harap duit ini. Takkan hendak pi, sudah modal tidak ada, duit tidak ada, suruh hentam kita, kemalangan *claim*, dapat RM60,000. Siapa mahu? Tidak ada siapa mahu. Tetapi biarlah Tan Sri macam Speaker ini, Timbalan Speaker ini bagilah satu kedudukan. Kalau dalam Dewan Rakyat, Tan Sri duduk tinggi sikit daripada kami Tan Sri, jadi kalau yang lain pun, kena tinggilah sama. Barulah kita nampak Speaker Malaysia itu dia. Barulah kita pun seronok.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Ayer Hitam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Tan Sri. Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Jerai sebagai pemimpin belia tualah ataupun belia ulamalah, usia lanjut masih aktif. Saya hendak tanya Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata Speaker ini

dia mendapat perlindungan RM250,000 setaraf dengan Timbalan Menteri. Apa perasaan Yang Berhormat?

Adakah ini satu tindakan menghormati institusi Parlimen? Ini kerana, saya hairan pula kenapa status itu disamatarafkan dengan Timbalan Menteri sedangkan kita kata, kita hendak memperkasakan Parlimen? Ini bukan kebajikan seorang. Ahli Parlimen sudah dipandang remeh, RM60,000 dan Speaker pula sebagai jawatan tertinggi dalam Parlimen hanya disamatarafkan dengan Timbalan Menteri. Apakah cadangan Yang Berhormat kepada pihak pentadbiran dan apakah rombakan yang sepatutnya dilakukan kerana kita masih lagi terkongkong dengan mentaliti pegawai? Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat sebut berbincang mengenai Ahli Parlimen cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, ya. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah sebut Speaker.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Semua ini cara, Tan Sri. Bila Tan Sri naik, kami pun naik Tan Sri. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*. Bila Tan Sri dok takuk itu, kami pun dok takuk itulah, Tan Sri. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tanya macam mana perasaan? Sayu, Tan Sri, kecil hati, jauh hati, merasa sedih. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]* Bukanlah kita hendak tuntutan apa sangat Tan Sri. Kita bukan hendak minta. Yang ini kalau tidak ada pun tidak apa fasal kita sudah berjanji, kita berkhidmat kerana Allah, berkhidmat untuk rakyat. Tetapi kalau apa-apa jadi Tan Sri, kita masuk hospital, orang hendak mai melawat kita Tan Sri? Habis sangat dua kali sahaja. Tidak, sungguh. Hari pertama dia bawa mai buah epal yang kita tidak boleh makan. Orang mai ambil makan pi. Sudah kita sakit, hendak tokak buah epal macam mana? Mai hari kedua, tanya khabar. Hari ketiga, yang dok ada di bahagian itu, siap siapa pula hendak jadi?

Jadi kita ini, orang politik ini Tan Sri, setakat itu orang hendak ini kita. Selepas itu, tidak adalah. Tetapi tinggallah kita dengan anak bini kita. Jadi, dapatlah RM60,000 itu, pakatlah dok 'nyok-nyok' makan. Kot-kot sedikit sebanyak. Jadi saya mencadangkanlah pegawai-pegawai yang ada, penaikkanlah yang Tan Sri kami ini.

Kalau Ahli Parlimen tidak naik pun tidak apa, Speaker kena bawa naik. *[Ketawa]* Tidak, sungguh Speaker, Timbalan Speaker bawa naik. Kemudian, kalau sudah Speaker, Timbalan Speaker sudah bawa naik, takkan Ahli Parlimen tidak boleh bawa naik sikit? *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Tidak banyak, sikit pun jadilah.

Kemudian bila semua sudah naik, takkan pegawai-pegawai kerajaan pun tidak naik? Naiklah juga. Tetapi yang orang kampung jangan susah hati. Kerajaan bagi yang lain pula dekat depa. Jadi yang dia dah, yang orang kampung pun ada, yang wakil rakyat pun ada, yang pemimpin pun ada. Kita pakat bagilah. Jadi janganlah berasa lekeh. Macam Tan Sri, saya hendak ambil *loan*, hendak beli kereta Tan Sri, *check-check* saya boleh beli kereta RM100,000 sahaja Tan Sri. RM100,000 Tan Sri hendak pakai kereta macam mana? Kereta *Perdana Executive* itu Tan Sri, yang V6 itu RM100,000 lebih.

Hendak pakai Wira, orang kampung dok tumpang sama. Kereta wakil rakyat ini Tan Sri Speaker, ikan depa dok bawa naik, buah depa bawa naik. Bukan bawa naik bagi dekat kita, bawa naik bubuh dekat depa. Macam saya mai, dalam perjalanan hendak pergi mesyuarat, jumpa rakyat, berhenti tepi jalan. Mak Long, Mak Ngah yang tua-tua dok tunggu bas ini, kita kasihan, bawa mereka. Dengan ikan depa bawa naik, bubuh dalam kereta kita, dengan durian depa, dua biji bawa naik bubuh dalam kereta kita. Kita bagi tumpang. Jadi kalau naik kereta kecil-kecil sempit. Tambahlah sikit *loan* ini. *Loan* kena tambah sikit. Kalau yang dalam kereta luar negara RM50,000. RM50,000 kereta macam mana Tan Sri? Takkanlah wakil rakyat Parlimen hendak naik Perodua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tumpukan ucapan kepada insurans, ya. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpukan ucapan kepada insurans, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak. Dia hendak pergi ke situ Tan Sri, pasal kita beli kereta kena beli insurans Tan Sri. *[Ketawa]* Jadi bila pinjaman itu dinaikkan Tan Sri, insurans pun naik. Itu cara dia Tan Sri. Jadi, ini saya hendak habaqlah. Jadi kita minta kalau boleh bagilah sikit untuk *loan* kita boleh besar sikit. Ini kereta saya sudah lama, sat *alignment* lari, sat kita tidak brek, dia brek sendiri, kereta

lama. Kereta lima, enam tahun dah. Tapi hendak buat macam mana? Gagah pakai pi lah Tan Sri. Hendak beli pun pinjaman tidak boleh beli. Jadi saya harap pihak insurans, tadi tanya saya pasal – Ha, pasal Yang Berhormat bagi Lipis tanya insurans sekali dengan *road tax*, yang itu pada pandangan sayalah tidak boleh. Fasal apa, *road tax* dia ikut CC kereta.

Insurans dia ikut *value* kereta itu, nilai kereta itu tahun pertama sekian, tahun kedua sekian, tahun ketiga sekian. Tetapi *road tax* dia sama. Kalau kerajaan kata 1,000 cc ini harga dia, harga itulah. Tetapi kereta *depreciation* dia, dia akan turun harga. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, hendak kait sedikit Tuan Yang di-Pertua fasal pemandu teksi pun dia ambil insurans juga Tuan Yang di-Pertua.

Jadi pemandu teksi dia kata kepada saya dia ‘Dato’ tolonglah khabarkan di Dewan Rakyat sekejap, harga minyak diesel naik, semua naik *spare part* pun naik. Jadi mereka hendak minta Tuan Yang di-Pertua, ini Kementerian Kewangan ada tolonglah, khabarkan sekejap, *road tax* itu potonglah 50%. Kadang-kadang kasihan Tuan Yang di-Pertua, ia bawa teksi kampung.... Allah!!!, tengah dok bawa bonet boleh terangkat naik, kereta model lama. Kadang-kadang tengah bawa Bush pula tembak ikut belakang [Ketawa], kereta lama.

Jenis Ford lama. Jadi *road tax* depa tinggi, harga minyak naik, harga *spare part* naik. Jadi mintalah, harga insurans pun kereta lama depa naik harga Tuan Yang di-Pertua. Fasal kereta teksi, harga insurans bertambah, fasal kereta itu lagi lama harga makin tinggi fasal dia hendak jaga orang-orang naik teksi itu. Jadi saya mintalah kerajaan tolonglah pertimbangkan sedikit. Saya selitlah, turutlah sedikit harga *road tax*. Pemandu-pemandu teksi kasihan orang kampung kita ini bawa teksi kampung ini .... kadang-kadang tiga *passenger* pun dia jalan. Kadang-kadang dua *passenger* pun dia jalan. Dia ikut trip Tuan Yang di-Pertua, dia ikut giliran dan sebagainya.

Jadi yang itu Yang Berhormat bagi Lipis minta maaf saya pun tidak bersetuju dan tidak boleh, susah kalau hendak buat macam itu. Hendak sekalikan dengan bayaran *road tax* dengan insurans. Tetapi yang penting di sini Tuan Yang di-Pertua, pihak insurans kena bertanggungjawab sebelum saya hendak duduk Tuan Yang di-Pertua, bertanggungjawab sepenuhnya. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, macam hotel Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Loh Seng Kok:** Belum lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kelana Jaya bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Contohnya Tuan Yang di-Pertua, macam hotel.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kelana Jaya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya? Hah, sila, sila, sila.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Jerai sebut tentang insurans untuk kereta. Hari ini kita apabila sebut tentang insurans kereta, bukan hanya untuk apabila menghadapi kemalangan, dapatkan ganti rugi untuk memperbaiki kereta.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu laporan dari Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) tentang kes kecurian kenderaan di negara kita telah meningkat sebanyak 33% sehingga di mana dalam tahun 2004, jumlah kes kehilangan kereta adalah 26,566 kes berbanding dengan tahun lepas. Saya bangkitkan perkara ini kerana, *adjuster* pun belum memberi penilaian ke atas kereta yang telah hilang itu dan apabila ada kereta hilang, maka perlu bayar ganti rugi kepada tuan punya kereta. Ini pun dalam *practice* dan juga tatatertib, tatacara *adjuster* dan sebagainya. Ini merupakan satu kerugian dalam industri insurans mungkin juga akan menggugat perkembangan industri insurans dan ekonomi negara kita kerana Tuan Yang di-Pertua, kejadian kes kecurian kereta ini telah menyebabkan kerugian sebanyak RM557 juta.

Ini menunjukkan bahawa hampir setiap hari pada tahun 2004 itu, ada kehilangan kereta sebanyak 73 buah kereta. Jumlah kes kecurian ini adalah sangat tinggi dan bukan sahaja membawa kerugian kepada rakyat, tetapi juga negara kita. Jadi, saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat bagi Jerai, bagaimanakah kita dapat mengurangkan kerugian ini dari segi kehilangan kenderaan. Kerugian kepada syarikat insurans dan kerugian kepada pembeli ataupun tuan punya kenderaan kerana kadang-kadang apabila kenderaan itu hilang dan minta *adjuster* membuat penilaian, kereta yang baru, misalnya kata harganya adalah RM130 ribu, selepas hilang syarikat insurans hanya bayar RM90 ribu sahaja. Maka tuan punya kenderaan itu mengalami kerugian RM40 ribu dalam masa dua bulan tiga bulan kerana kereta barunya yang dicuri. Maka

mintalah penjelasan dan pandangan bagaimanakah kita dapat memperbaiki keadaan ini dari segi kerugian insurans di pihak-pihak yang tertentu, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Tadi saya ada mengatakan Tuan Yang di-Pertua bahawa apabila kita *insured* katalah kereta baru, kita *insured* dalam RM150 ribu, jadi apabila kecurian bayarlah RM150 ribu. Yang itu telah dipersetujui, fasal apa kita setuju, kereta nilai saya, pihak insurans pun kata nilai kereta saya RM150 ribu. Saya pun *cover* insurans RM150. dalam jangka masa setahun, apabila kereta saya hilang, sebelum saya *renew* premium, saya patut dibayar ganti rugi sebanyak yang saya *insured*kan. Fasal apa saya hendak dibayar kurang ataupun diambil di atas penilaian waktu itu. Sedangkan saya bayar seperti yang saya minta. Saya *value* kereta saya RM150 ribu, agen bersetuju, insurans pun bersetuju.

Tetapi apabila hilang keesokan harinya fasal apa saya pula hendak dibayar kurang daripada RM150 ribu. Ini kadang-kadang kita hendak fikirkan fasal apa macam itu. Sudah setuju macam itu, bayarlah macam itu. Fasal apa hendak potong sana potong sini pula. Ini tidak adil Tuan Yang di-Pertua, fasal apa kita pegang kepada janji dan kita tandatangani itu, disain juga dan disetem kita punya perjanjian dan sebagainya. Tadi saya mencadangkan, kerana banyak kecurian kereta Tuan Yang di-Pertua, kita mencadangkan supaya pihak insurans bagi premium yang murah kurangkan premium pada kereta yang memasang *antithef security* untuk menjaga keselamatan. Kurangkan sedikit premium.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** [Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin :** Jadi dia... Ya, Yang Berhormat bagi Arau, hendak minta penjelasan?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Assalamu'alaikum.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Waalaikumsalam Warahmatullah. Jadi kurangkan sedikit premium itu. Fasal dia kena beli ini, lebih kurang dalam dua tiga ribu sistem supaya kereta ini boleh dikesan. Ada teknologi baru depa boleh kesan perjalanan kereta kita Tuan Yang di-Pertua. Dia ada *mapping* semua, dia boleh kesan jadi kereta kita pergi mana, kita boleh *notified* pihak syarikat ini, dan syarikat ini akan *notified* pada polis dan kita boleh tanggap oleh curi.

Kalau dia pasang, bagilah diskaun dekat sedikit dari segi premium. Jadi, kita jaga kereta kita, insurans pun tidak rugi teruk. Tahun sudah, betullah macam kerajaan kata RM500 lebih juta bukan sedikit, berapa banyak hilang. Bukan kerat besar Tuan Yang di-Pertua, proton saga boleh curi. Proton Iswara 34 biji pada bulan Januari tahun 2004, Kembara pun dia ambil Tuan Yang di-Pertua, Produa Rusa pun, Rusa pun boleh ambil Tuan Yang di-Pertua, Rusa dia ambil dua biji, Kancil minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Kancil pun tidak mahu nanti. Tidak padan kalau kena tangkap, masuk enam tahun harga kereta murah kita tidak mahu.

Jadi yang ini Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian tolonglah. Yang saya cakap daripada pagi tadi Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang saya hendak berhenti sudah, fasal ada kawan-kawan lagi hendak bercakap. Saya hendak minta....

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat bagi Arau Tuan Yang di-Pertua. Ini kalau tidak bagi mesti kacau.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jerai ini, adakah cadangan yang elok macam itu Yang Berhormat bagi Jerai ada *sharekah* dalam *company* itu? Kalau ada *share* pun saya setuju fasal benda itu memang bagus. Saya hendak penjelasan yang itu sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kawan-kawan hendak cari rezeki apa salah, tidak salah rezeki. Kereta sekarang ini negeri, buka pun dia bunyi siren, tetapi yang itu biasalah Tuan Yang di-Pertua, kalau orang curi buka dia punya siren itu, orang anggap biasalah. Jadi, dia ada teknologi-teknologi orang tidak peduli. Dia ada teknologi-teknologi baru. Zaman baru ini.

Walaupun penyangak akan cari teknologi depa untuk cara hendak curi, jadi kadang-kadang orang buat cara baru, penyangak buat cara lain pula, pencuri depa sama naiklah pencuri dengan ini. Depa ada cara depa. Saya faham saya memahami kadang-kadang insurans pun menghadapi delima macam-macam ini. macam curi kereta sampai RM500 juta, memang berat insurans hendak tanggung. Tetapi, cuba kita cari satu kaedah yang orang kata dalam Bahasa Inggeris dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *win, win*. Makna kita menaruh harapan kepada insurans, insurans jangan

menghampakan harapan kita, ini penting. Barulah rakyat mempunyai *confident* kepada syarikat-syarikat insurans ini. Kalau tidak rakyat akan merasa kecewa dan tidak fasal-fasal kita kena bertengkar dengan *company* insurans hendak ambil duit yang depa janji hendak bagi dekat kita.

**Tuan Haji Fadillah bin [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Petrajaya bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya sila.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jerai. Lanjutan pada soalan yang dibangkitkan atau ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Ada juga senario kalau kita baca dalam akhbar-akhbar yang lalu di mana berlaku kes-kes terutamanya kereta *second hand* dengan izin. Apabila beli kereta *second hand*, didaftar dan diluluskan di JPJ tetapi tidak lama kemudian apabila ada operasi polis ditangkap, rupa-rupanya kereta tersebut kereta curi yang sudah *dimodify*, *chassisnya* ditukar dan sebagainya.

Lepas itu baru dapat diketahui rupa-rupanya kereta-kereta tersebut adalah kereta curi. Jadi timbul persoalan di manakah silapnya kereta curi boleh didaftarkan dan permasalahan yang timbul ialah perlindungan kepada pembeli tadi kalau berlaku kes-kes begini rupa, mereka hendak *claim* insurans, timbul permasalahan. Jadi bagaimana kita hendak melindungi pembeli yang sememangnya tidak mengetahui sebenarnya kereta tersebut kereta curi.

Juga terdapat timbulnya keadaan di mana pernah berlaku kereta-kereta yang di"*double registered*", dengan izin. Sebuah kereta ada dua kad hak milik. Jadi apa yang berlaku, macam mana keadaan ini boleh berlaku dan bagaimana kita hendak menyelesaikan persoalan-persoalan perlindungan kepada pengguna ini dalam konteks insurans itu tadi. Minta pandangan Yang Berhormat bagi Jerai. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Sebenarnya pengguna tidak salah, Tuan Yang di-Pertua, pengguna tidak tahu. Contoh, kadang-kadang kereta yang diimport yang cukainya tidak dibayar, kita pergi beli di kedai kereta, di *showroom*, dia jual kereta kita. Kita bayar ambil *hire purchase* ikut harga pasaran tetapi tengah dok bawa elok-elok, tahu-tahu kastam mari ambil, dia kata tidak bayar cukai. Pasal apa mai kita tidak bayar

cukai pula? Yang tidak bayar cukai adalah orang yang bawa masuk itu. Kita sudah beli, sudah bayar. Ini kita sudah beli, beratus ribu kita sudah beli. Yang tidak bayar cukai adalah mungkin pengimport dan juga penjual kereta itu, tetapi bukan pembeli.

Pembeli mana tahu. Macam saya pergi beli kereta, beli di *second hand shop*, kita sudah beli kereta itu, macam mana kita hendak tahu itu kereta curi atau tidak curi. Takkan saya pula hendak kena pergi ke balai polis, suruh *check* kereta ini kereta curi atau tidak curi, hendak tengok itu, tengok ini. Jadi kita menaruh kepercayaan kepada kedai yang menjual. Jadi yang patut bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua, ialah orang yang jual itu. Orang yang jual itu bertanggungjawab.

Jadi maknanya wajib orang kedai itu yang jual kereta kepada kita itu, dia kena bagi ganti rugi kepada kita kerana dia menipu. Dia menipu kita. *Insurance company* pula kena siasat betul-betul pasal kita, Tuan Yang di-Pertua, macam orang-orang dia bukanlah faham sangat. Pergi ke kedai *second hand*, dia tengok ditepi untuk ada tulis harga, dia belilah kereta itu. Mana dia hendak tahu kereta itu sambungkan, kereta itu kereta curikah, kereta itu tidak bayar cukai, kita tidak tahu, Yang Berhormat bagi Beluran. Sila.

**Datuk Ronald Kiandee:** Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee:** Kita sudah lama cakap pasal LIAM. Saya hendak berbalik sedikit kepada LIAM - *life assurance*. Dalam insurans nyawa ini dia ada *clause* yang boleh memerangkap pembeli insurans yang dipanggil sebagai *non disclosure of fact* atau butiran yang tidak dilaporkan. Umpamanya kalau Yang Berhormat bagi Jerai dan keluarga dia mempunyai *history of high blood pressure* punya *problem* dan ini tidak dilaporkan dalam borang insurans nyawa yang diisi itu, itu boleh digunakan oleh syarikat insurans untuk tidak membayar insurans *in the event of that, in the event* yang Yang Berhormat bagi Jerai memohon atau menuntut insurans itu.

Jadi *non disclosure of fact* ini kadang-kadang disengajakan, kadang-kadang kita tidak disengajakan oleh insurans kerana ada isteri keluarga yang kita tidak tahu ada *history* isteri tidak tahu, itu boleh dijadikan memerangkap kita daripada dibayar pampasan polisi yang kita beli. Ada syarikat yang mempunyai *provision* dalam polisi itu. *Time frame*, katakan dua tahun setelah insurans nyawa itu dibeli, polisi itu berjalan

efektif dua tahun berturut-turut, *non disclosure of fact* ini tidak lagi digunakan. Bererti ia boleh mengetepikan *non disclosure of fact* itu dan insurans itu tidak boleh dipertikaikan oleh syarikat insurans, bererti pada masa tuntutan dibuat, pampasan mengikut polisi itu akan diberi tanpa sebarang rujukan kepada *non disclosure of fact*.

Ada syarikat yang ada *time frame* dua tahun, ada syarikat yang tiga tahun, tetapi ada syarikat yang tidak ada *time frame* ini, tidak menyentuh tentang *non disclosure of fact* ini. Saya melihat ini harus di"standardize", bererti setiap syarikat insurans ini dalam menjual polisi insurans, yang *non disclosure of fact* itu mesti ada had waktunya, katakan dua tahun. Jadi bererti kalau mati selepas dua tahun, boleh dibayar tanpa sebarang pertikaian terhadap butiran yang tidak dilaporkan. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Jerai? Adakah ini perlu untuk melindungi pembeli insurans yang betul-betul tidak tahu tentang butiran yang tidak dilaporkan itu?

Kalau ada *time frame* ini bererti setiap polisi yang dituntut selepas tempoh tertentu itu tidak boleh dipertikaikan oleh syarikat insurans. Bagaimana Yang Berhormat bagi Jerai, adakah ini perlu untuk melindungi pemegang polisi insurans? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini saya ingin menyampuk sedikit. Apabila seseorang Ahli Yang Berhormat berucap dan seorang Ahli Yang Berhormat lain bangun untuk mendapat penjelasan, maka sebenarnya penjelasan yang harus diberi oleh yang sedang berucap berkaitan penjelasan tentang apa yang telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sedang berucap. Sebenarnya dia tidak hendakkan menjawab. Kalau dia hendakkan jawapan daripada Ahli Yang Berhormat, sebenarnya jawapan itu adalah harus ditujukan kepada menteri, cuma penjelasan.

Tetapi di sini kebetulan Ahli Yang Berhormat yang berucap adalah juga saya rasa mahir dalam insurans, jadi dia boleh jawab. Dia boleh jawablah ya, tidak ada halangan untuk dia menjawab dari segi saya dan juga kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berucap mempunyai kemahiran, dia juga boleh menjawab. Tetapi kalau tidak boleh menjawab, maka jawapan itu hendaklah dijawab oleh menteri. Dia hanya memberi penjelasan apa yang telah dia cakapkan. Sekian, sila Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya bukan pakar insurans, saya belajar, Tuan Yang di-Pertua. Jadi orang dok beritahu pada saya, hang pi Parlimen bercakap sat, saya bercakap.

Tetapi kita, Ahli Parlimen ini kena faham semua, Tuan Yang di-Pertua. Dia kena faham. Kalau dia tidak faham, susah, dia kena belajar hari-hari. Kita kena tahu masalah negara, masalah bercakap pasal insurans kita tahu, cakap pasal macam-macam kita tahulah, baru kita jadi seorang Ahli Parlimen yang baik, Tuan Yang di-Pertua macam Tuan Yang di-Pertua yang berpengalaman cukup banyak. Saya menghormati sungguh Tuan Yang di-Pertua ini.

Jadi saya bersetuju, Yang Berhormat bagi Beluran. Ini pandangan yang cukup baik. Kadang-kadang *time frame* pun tidak apalah, dua tahun, tiga tahun, Yang Berhormat bagi Arau kan, tetapi sebenarnya ejen itulah kena jaga kita. Macam kita, Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kita mana ada masa. Kadang-kadang insurans *expire* kita tidak teringat. Kadang-kadang *driving license* kita *expire*, kita tidak teringat. Sedar-sedar sudah *expired* Macam mana hendak teringat, Tuan Yang di-Pertua, ini masalah rakyat ini macam-macam. Macam-macam masalah rakyat yang hendak kita fikir, hendak kita selesaikan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Menyampuk*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah banyak bercakap pasal insurans, tentang kereta curi, tentang isteri dua, tiga, kepentingan Yang Berhormat sendiri sebagai pengedar, tidak tahulah saya. Yang Berhormat bersetuju atau tidak supaya diperluaskan lagi insurans ini kepada atlet. Hari ini kita bercakap soal atlet untuk menggalakkan mereka mencebur dalam bidang sukan. Tidak kiralah, katakan Yang Berhormat bagi Arau terlibat dalam ragbi, sebab bila ada insurans, menggalakkan mereka melibatkan diri dalam sukan sebab ada perlindungan.

Sekarang tidak ada. Yang ada cuma atlet yang terpilih. Yang Berhormat perhatilah saya, Yang Berhormat. Yang terpilih untuk negara. Negeri tidak ada, masing-masing beli ataupun persatuan, bola sepak memang ada. Tetapi kalau kerajaan kita boleh galakkan pembelian insurans ke atas pelajar sekolah yang terlibat dalam kegiatan sukan daerah, kita dapat mengembangkan lagi, menggalakkan lagi

pembangunan sukan. Apakah Yang Berhormat setuju supaya perkara ini dapat kita lakukan bagi menggalakkan kemajuan sukan? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Larut ini sungguhpun kelam-kabut tetapi dia okey. Dia kelam-kabut Tuan Yang di-Pertua. Bola kalah pun dia kata menang lagi, tetapi tak apalah. Sukan ini Tuan Yang di-Pertua, patut. Golf ini golongan orang-orang yang lemah fikiranlah.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Ligat, ligat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha, ligat? Oh ligat fikiran. Ia ada insurans Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita pukul bola, bola tu hinggap kat kawan, kawan tu boleh tuntutan insurans, boleh. Kalau kita pukul bola tu kena pagar rumah orang, kena cermin rumah orang pecah dia boleh tuntutan insurans. Golf ada. Bola pun Yang Berhormat Larut kata ada. Jadi yang lain pun kena ada. Kadang-kadang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mati pun ada akibat pukulan golf.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mati pun ada akibat pukulan golf.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ada, ada Tuan Yang di-Pertua. Bola pukul di kepala. Dia pukul kepala pecah pun ada.

**Dato' Sri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Benjol pun ada.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Benjol kepala, Tuan Yang di-Pertua. Yang main golf kena bola bodoh pun ada. Lepas kena bola golf bodoh sebulan. Yang ini insurans kena *cover*. Kesukanan, pasal kadang-kadang anak orang kampung pergi main bola, budak ini main bola kerana galakan daripada FM dan sebagainya.

Yang Berhormat Larut dok tulis dalam surat khabar bola bagus, bola bagus maka anak Pak Long Mat ni yang dok buat bendang dua relung ni pergilah main bola. Main-main 'prak' patah kaki, kalau main ragbi 'prak' patah pinggang, siapa hendak bela budak ini? Pak dia buat bendang dua relung hendak jaga budak ni macam mana? Jadi minta, ini adalah sedikit pengorbanan daripada insurans *cover*lah benda-benda macam ini, bukan banyak. Dalam Islam kalau kita murah rezeki kita tolong orang insya-Allah kita berniaga ....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi Yang Berhormat setujuah?

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya setuju.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi tidak jadi kelam-kabutlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dengan Yang Berhormat saya setuju selalu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi Yang Berhormat tidak kelam-kabut sangatlah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, tidak. Tidak kelam-kabut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini pun bukan boleh main nanti kepala angin. *[Ketawa]*. Jadi kita bertolak ansurlah. Insurans *cover* sikit, sukan negara kita ini hendak maju. Kita hendakkan pemain kita pemain yang profesional. Macam Presiden Ragbi se Malaysia adalah Yang Berhormat dari Arau, Tan Sri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukan Tan Sri.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya? Ya, ya, Datuk. Pasal uban lebih kurang macam Tan Sri, tak apalah masin mulut Jerai ni mana tahu Datuk dapat Tan Sri. Yang Berhormat Arau ialah Presiden Ragbi dululah, la tak boleh mainlah, badan besar ni hendak lari pun tak larat hendak bawa bola macam mana. Jadi main ragbi cuba Tuan Yang di-Pertua fikir jenis pergi tangkap orang, jenis pelari pergi lari tangkap bola duduk dalam badan orang. Bukan perkara yang mudah. Baik tak baik patah tengkuk. Anak saya pun main ragbi, berapa kali dah *collar bone* dia terlucut. Kita marah jangan main nanti terlucut tetapi dia main juga. Ragbi ini satu permainan bukan macam bola.

Ragbi ini satu permainan pakatan, *comradeship* dia akan jadi satu *team*, bola hang sama hang pun dia *'dedeh'*. Kalau tidak percaya tanya Larut. Kawan sama kawan

pun hari ini main di Kedah besok pergi main di Kelantan. Yang Kedah dan Kelantan dahulu main satu *team* pun berliga, dia macam itu. Jadi kita kena *cover* insurans supaya mereka yang dapat kemalangan ada *cover*. Ini mustahak dan Yang Berhormat Larut, Arau pun setuju dengan saya supaya insurans ini merangkumi keseluruhannya. Yang pentingnya sebelum saya duduk.....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Sekarang sudah masuk Timbalan Yang di-Pertua dan saya semak tadi lindungan bagi Timbalan Speaker hanya RM60,000 sama dengan Ahli Parlimen biasa. Apa sudah jadi dengan jawatan ini sebab dahulu bukan *full time*, tetapi sekarang *full time*. Apa pandangan dan pendirian Yang Berhormat? Minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tulah, mintalah pihak kerajaan. Datuk sebagai Timbalan Speaker, Timbalan Speaker ni tinggi ia bawah sedikit daripada Speaker. *Full time* dan wakil rakyat pula ni. Hendak beritahu terang-terang ni. Boleh rehat sikit wakil rakyat ni bila datang ke Parlimen ini pun telefon dekat dah berapa *miss call* dah ketika saya duduk di sini. Tu dia dekat sepuluh dah, 10 *miss call*. Tadi kemalangan orang dalam kawasan telefon saya. Telefon beritahu kata si anu si anu meninggal tolonglah telefon hospital Yan, percepat sikit bawa keluar jenazah mereka hendak simpan. Kita kena telefon hospital beritahu tolong kita ada di Kuala Lumpur buat kerja bukan duduk sahaja.

Sungguh dan pegawai pun sama kita buat kerja. Tidak mengapalah pegawai bolehlah 5 hari seminggu, tetapi kami ini tidak ada cuti. Kadang-kadang harap-haraplah menteri sayang dia bawa ke luar negeri, itu pun haram tidak pernah rasa lagi pun. Sekalipun tidak merasa lagi. Bawalah kot-kot kita ikut keluar mana ke ikut menteri pergi keluar negeri. Tidak berupayalah kalau harap wang ringgit ini tak cukuplah Datuk. Mana hendak cukup naik 10% pun sampai sekarang pun tidak boleh lagi. Baru kelmarin dapat *pay slip* tidak ada pun lagi elaun, ingat ada, tak ada juga lagi. Bukan apa Tuan Yang di-Pertua, kita tidak apalah bagi kita bila berkorban untuk jadi orang politik ini, kita berkorban apa sahaja, harta dan nyawa kita sendiri berkorban untuk kesejahteraan rakyat. Kadang-kadang rakyat susah kita tumpang menangis.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Jerai, Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Beluran?

**Datuk Ronald Kiandee:** RM60,000 yang dibagi *coverage* untuk Ahli Parlimen dan Timbalan Speaker itu cuma *personal accident*. Cuma boleh dapat RM60,000 jika mati itu disebabkan oleh kemalangan, tetapi kalau Timbalan Speaker duduk di kerusi tidak ada kemalangan jatuh tidak ada RM60,000 itu. Jadi apa cadangan Yang Berhormat Jerai, adakah perlu kerajaan melihat ini bukan sahaja untuk *personal accident* tetapi bagi *life insurance coverage* untuk Ahli Parlimen. Apa pandangan Yang Berhormat Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Beluran pandangannya cukup jauh sebab itu cerah kepala berfikir. Dia tahu dah. Ini betul Tuan Yang di-Pertua sebab kita buat kerja bukan ada masa. Macam Tuan Yang di-Pertua kerja bukannya ada masa, datang ke Dewan jaga Dewan lepas itu balik ke kawasan. Makan di majlis kenduri kadang-kadang sampai 10 jemputan, makan apa sampai 10 kali ni? Risiko juga tu, penyakit, dengan daging bubuh kas-kas dan macam-macam dalam tu, dengan lemak dan sebagainya. Tidak makan orang 'jauh hati', mereka pengundi, gagahkan juga makan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ledang bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha, Ledang pula gagah makan, bila makan sakit, terkejut lalu mati tidak ada insurans, buat kerja tu. Wakil rakyat makan tu pun tugas, ya sungguh. Hendak laluan, sila.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sebab Yang Berhormat Jerai cepat sangat keluar daripada tajuk tentang perlindungan untuk Datuk Timbalan Speaker. Saya semak tadi telefon saya memang dah kena *block* sementara telefon Yang Berhormat Jerai ada *miss call*, maknanya di sebelah sana *line okey*, di sebelah sini *line* tidak *okey* sebab ada satu sistem lain gelombang, di mana gelombang lain mematikan gelombang, gelombang telefon dimatikan oleh gelombang lain. Makna Tuan Yang di-Pertua, yang sebelah sini lagi lebih bahaya [*sebelah kerusi Ahli-ahli Parlimen pembangkang*] sedangkan gelombang telefon yang ada ni pun sekarang ini katanya boleh menyebabkan *cancer*

otak dan sebagainya, kemudian ada gelombang lain yang lebih bahaya iaitu gelombang atas gelombang. Yang sebelah sini lebih bahaya [*sebelah kerusi Ahli-ahli Parlimen pembangkang*] dan yang sebelah kiri saya kurang bahaya. Jadi saya berpendapat di sebelah sini insurans kena lebih [*sebelah kanan*] dan di sebelah sana [*sebelah kiri*] kurang termasuklah Tuan Yang di-Pertua kena terlebih insurans, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, kita ni kena berhati baik, hati kena mulia, mulut kena baik, senyuman ni hari-hari kita bagi. Senyuman itu rezeki. Orang tanya saya Dato' umur 56 kenapa nampak muda. [*Ketawa*] Orang tanya bukan saya kata, nanti kata saya karang sendiri, tidak. Yang Berhormat Arau pun tanya, Yang Berhormat Papar pun tanya saya 'mengapa Dato' ni umur 56 dok *steady* lagi? Senyuman kita kena bagi kepada orang, senyuman itu adalah *exercise* kepada wajah kita dan senyuman itu adalah rezeki, tidakkah begitu Yang Berhormat Pasir Mas? Assalamualaikum ustaz. Senyuman itu adalah rezeki jadi senyumlah selalu tidak mengapa, macam saya nak buat macam mana kawasan saya dapat .....

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Pasir Mas pula bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum ustaz.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Assalamualaikum warahmatullah. Hendak tambah sikit sahaja. Bukan hendak perbetul tetapi hendak tambah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Jerai yang telah menyebut bahawa senyum itu rezeki.

Sebenarnya ada satu hadis Rasulullah s.a.w. yang disebut kepada seorang sahabat datang kepada Rasulullah s.a.w. dengan katanya, "Bahawa saya tidak ada apa-apa maka Rasulullah s.a.w. beritahu [*membaca hadis dalam bahasa Arab*] yang bermakna "*senyum kepada saudara kamu itu sedekah*". Bukan setakat itu sahaja, tetapi sedekah boleh dapat pahala dan ada insurans insyaAllah selepas mati. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, kalau di kawasan senyum-senyum, kalau tidak undi susah sedikit hendak dapat.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak apa. Senyum kepada orang tadi Yang Berhormat kata, kalau senyum seorang-seorang ini janganlah, sat lagi

keluar Dewan dok senyum seorang dia lain pula, Pasir Mas. Tadi Pasir Mas kata, Rasulullah kata sedekah kalau kita senyum kepada orang, itu sedekah. Ini bagus kita dapat. Itu satu pandangan. Bukit Mertajam, *[Bercakap dalam bahasa Cina]* . *[Ketawa]* Saya suruh dia jalan perlahan-lahan pasal tidak ada insurans itu. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada pegawai-pegawailah, tolonglah sedikit pasal kami ini sebagai Ahli-ahli Parlimen, macam Timbalan Speaker. Macam Timbalan Speaker ini balik pi Sabah nu terbang, terbang...Saya pula kot darat, ni dia Alor Setar-Kuala Lumpur, Alor Setar-Kuala Lumpur, Yan-Kuala Lumpur, bertolak lah, kadang-kadang lepas Subuh bertolak dah Tuan Yang di-Pertua, ni nak mai tangkap Parlimen pukul 10.00. Lepas Subuh pederas dah, tekan minyak sorang-sorang, *speed trap* tu tidak kira, polis bukan kira kereta wakil rakyat atau tidak wakil rakyat. Yang di Sarawak naik belon mai, terbang dengan belon. Depa panggil belon, tak panggil kapal terbang Tuan Yang di-Pertua. Orang Sabah pun kata belon - mai. Tetapi kalau apa-apa jadi macam mana? Kesianlah kat kami ini kerana kami juga mengasihani orang lain. Jadi siapa yang kasih mengasihani, Pasir Mas, Tuhan akan bagi pahala, jadi kita kena kasihan mengasihani di antara satu sama lain. Tolong di antara satu sama lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pensiangan Bangun, Pensiangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sila. Ini orang baik ini.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Sekali-sekali bagi peluang ya. Terima kasih Datuk Speaker dan juga terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya kembali kepada isu mengenai dengan *anti-theft security system* iaitu *alarm system*. Saya melihat semua insurans yang ada ini berbeza-beza iaitu banyak AIA tidak menggalakkan untuk memasang *security system* kepada kereta-kereta dan ada juga beberapa kompeni yang mempunyai pendapat bahawa pemasangan *security system* dibolehkan. Adakah Yang Berhormat Jerai bersetuju supaya pemasangan *security system* ini pada kereta-kereta *luxury* ataupun kereta mewah ini ataupun kereta-kereta yang kita anggapkan yang berharga, diselaraskan ke seluruh peringkat ini. Jangan dibeza-bezakan iaitu di mana satu kompeni kata boleh, yang satu kompeni pula kata tidak boleh. Setuju tidak kalau kita selaraskan semua ini di peringkat yang lebih sesuai? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Yang Berhormat, dan memang saya bersetuju yang diiktirafkan oleh PIAM dan juga oleh polis kerana sekarang ini semua polis hendak kena buat. Kereta kita hilang polis hendak kena tolong, penagih dadah polis hendak kena tangkap, sampai polis saya kesian, saya kata "awatlah tak tangkap penagih dadah ini," dia kata "hendak tangkap macam mana?" Sungguhpun depa kadang terhuyung-hayang, lembik, dia dok pegang jarum itu, polis mana berani pergi tangkap. Dia tercucuk jarum itu dekat polis itu pula tidak pasal-pasal kawan itu dapat HIV. Kadang-kadang kasihan polis ini.

Jadi kereta orang kaya-kaya, kereta besar-besar, tetapi pencuri ini macam saya kata tadi, Wira pun dia ambil, Kembara dia ambil, Perodua, Rusa, semua dia ambil, dia bukan kira. Habis besi karat tepi jalan pun depa ambil la-ni. Besi karat dok depan rumah kita pun dia pergi ambil, yang tahi penyakit dadah ini. Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya selaraskan, kemudian insurans kompeni bagilah sedikit premium. *Reduce the premium* pasal kita hendak menolong insurans kompeni.

Pengguna hendak menolong. Kalau rumah kita pun ada *security system*, rumah orang yang beradalah kan, rumah orang kampung *security* apa, apa hendak diambil kan, nak bawa turun apa ada rumah kawan itu, orang susah, tetapi orang yang berada duit ini rumah dia ada *security system* dan sebagainya sampai kucing lompat pun bunyi Tuan Yang di-Pertua, punya dia ada *security system* yang cukup *high-tech*. Kucing lintas pagar rumah dia pun sistem dia bunyi. Yang itu yang kata *security system*, dan saya juga hendak tanya ini, tidak tahulah kita duduk dalam Parlimen ini dilindungi oleh insurans atau tidak ini, kalau runtuh terjun mai apa-apa nanti. Dulu dia bocor, kalaulah jadi apa-apa, dia turun mai apa-apa, jadikita ni *covered* atau tidak, pegawai-pegawai ini *covered* atau tidak? Kita *covered* dengan hak ini lah Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu macam di hotel-hotel ini kadang-kadang pengguna tidak tahu, bila kita jatuh, kadang-kadang orang dok tengah cuci lantai di hotel itu, dia tidak tulis kawasan ini *wet area*, kita jalan kita *slip*, jatuh patah pinggang ke apa ke, hotel itu dia ada *covered* dah insurans. Tetapi syarikat insurans dia bukan bayar pada orang yang kena itu, orang yang patah pinggang, orang patah kaki, dia bayar dekat hotel, hotel itu pula baru bayar dekat kita. Pasal apa macam itu? Kena bayar dekat kitalah, kita yang jadi mangsa. Jadi insurans

ini dia kena kaji balik dari segi masa berubah, zaman berubah, rakyat sudah makin pandai. Jadi pihak insurans kena memahami, anggap kalau diri depa ini sebagai pengguna, dan apa akan jadi kalau kita *insured* tahu-tahu kita tidak dapat tuntutan. Apa akan jadi kerana kita mengharapkan, keluarga kita mengharapkan yang itu sahaja tetapi kita tidak dapat tuntutan.

Ada satu syarikat insurans, dia bagus. Insurans ini kalau gunakan sistem keselamatan dia, sistem keselamatan yang dia setuju, *difference*, kalau harga kereta itu RM150,000.00 kalau orang curi, cover insurans bayar nilai hanya katalah RM110,000.00, RM40,000.00 itu syarikat insurans *cover* balik. Itu pun ada bukan tidak ada. Bukan kata semua syarikat insurans itu tidak bagus. Ada yang bagus.

Dan yang penghujungnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta bahawa syarikat-syarikat insurans yang ada ini juga ikut cara bank diadakan kaunter Islamic Insurance. Insurans secara Islam. Yang ini kalau boleh kita wujudkan cuba lebih banyak dan juga sistem khairat kematian ini harus diperkembangkan, sistem khairat kematian ini. La-ini sistem khairat kematian yang dok ada di belah kampung kita yang kita dok ada, yang kita dok buat supaya menolong meringankan yang meninggal itu ialah dibaharui setiap tahun, tetapi mereka pula buat sistem tahun depan kena naik sedikit lagi pasai umur sudah meningkat. Tahun hadap naik pula lagi premium kerana umur dia meningkat, sedangkan masa dia ambil katalah umur 50 setiap tahun ditingkatkan bayaran khairat kematian, jadi minta yang tu jangan dok naiklah. Dia dah ambil umur 50 tahun, takkanlah tahun depan pula nak bayar nak tambah, nak tambah lagi, kekallah yang itu macam kita ambil premium insurans yang lain-lain. Jadi ini harus dipertimbangkan oleh pihak-pihak insurans dan yang lain-lain itu saya nampak sudah habis Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak cerita pun, dan semua saya harap apa yang kita kemukakan ini akan diambil kira oleh pihak kerajaan, oleh pegawai-pegawai yang ada pada hari ini.

Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang ada bersama dengan kita. Dia pun bagus, kawasan Yang Berhormat pun durian jadi elok tahun ini. Saya teringat durian ini, pun masalah ini. Orang mati kerana timpa durian pun ada. Tidak tahu lah ada insurans ke tidak ada insurans. Yang ini pun kena ambil kira

juga. Kita dok pi langut tengok-tengok bawah ..pruuuup dia luruh mai...ada yang mati, bukan melawak. Ada yang berlubang kepala Tuan Yang di-Pertua.,

Jadi itulah pandangan saya dan saya berharap pihak kementerian boleh jawab, hak mana yang tidak masuk dalam bil ini pun jawab habislah, dah kita tanya, yang mana sesuai diambil kira, yang mana tidak sesuai itu dibubuh sebelah tetapi bagi pandangan saya hak banyak saya cerita ini sesuai belaka, yang harus diambil kiralah oleh pegawai-pegawai, terutama sekali tentang insurans cover ahli-ahli Parlimen ini. Itu cukup sesuailah kalau Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau pegawai-pegawai hendak balik pertimbanglah, termasuklah Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri dan terutama sekali kepada Timbalan speaker. Yang ini pertimbanglah dan tidak lupa juga kepada YAB Perdana Menteri penaiklah dia punya insurans itu, takkanlah dok terbang pi merata dunia RM1.5 juta sahaja. Malu dekat orang eh. Kalau Presiden Bush tengok skim insurans cover Perdana Menteri kita, makna kata *chicken feed very small peanut so..* sedikit sangat dia kata RM1.5 juta, dia RM1.5 billion, Bush itu. Dia kata kacang tanah sahaja, *peanut*. Jadi kita tidak mahulah Perdana Menteri kita diperlekeh-lekehkan, benda ini orang kaji, orang kaji ini, saya pun dah dapat ini, saya balik saya kaji lepas masa saya makan, saya makan bihin sahaja tadi Tuan Yang di-Pertua, makan mee saja, pasal hendak tambah hujah-hujah ini. Jadi yang inilah saya harap pihak kementerian tolong ambil kiralah noo atas rintihan rakyat-rakyat ini. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan Akta Insurans 1996, Akta 553 yang berhasrat untuk mengawal selia dan melesenkan perniagaan nasihat kewangan dan beberapa fasal-fasal yang akan dipinda sebenarnya pindaan ini adalah merupakan satu pindaan yang wajar dan sepatutnya telah pun dilaksanakan begitu lama memandangkan industri insurans ini adalah merupakan suatu industri yang telah pun wujud begitu lama di negara kita setanding dengan kewujudan sistem kewangan negara kita seperti sistem perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini ialah bermaksud untuk memberikan integriti yang tinggi kepada industri penasihat kewangan iaitu industri insurans kita kerana

seperti yang kita tahu bahawa industri ini adalah merupakan industri yang telah dan merupakan satu sumber bagi dana dan bagi menjana ekonomi negara kita. Kalau kita lihat statistik di dalam industri insurans ini kita dapat melihat bahawa industri ini, misalnya seperti yang telah dilaporkan oleh laporan Bank Negara pada tahun 2004, industri ini telah menginsurekan, ataupun *sum insured* bagi *end* Jun tahun 2004 ialah bernilai RM562,436,438 juta. Demikian juga premium yang telah dipungut ialah bernilai RM10.6 bilion dan ini adalah merupakan satu industri yang berkembang maju sebab itu kerajaan haruslah menilai dan telah pun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memberikan suatu kedudukan yang penting kepada industri ini. Walaupun ianya dan pindaan ini agak terlambat tetapi seperti kata pepatah, *is better late than never*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat apa yang berlaku di dalam industri insurans kita, seperti mana yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan tadi bahawa jelas terdapat banyak kepincangan-kepincangan yang berlaku di dalam industri ini, khususnya berpunca daripada industri ini sendiri. Ia dilaksanakan melalui sistem, khususnya industri insurans nyawa, diasaskan kepada konsep *direct selling* dan ini telah menyebabkan setiap orang yang dilantik sebagai ejen untuk menjadi pemasar kepada insurans ini, maka ianya dibayar berdasarkan kepada keuntungan premium ataupun diberikan komisen berdasarkan kepada premium yang telah ditetapkan sehingga melibatkan suatu ketika dahulu sebanyak 60 peratus daripada bulanan yang dibayar itu diberikan kepada ejen-ejen itu. Tetapi pada hari ini, saya difahamkan telah pun diturunkan kepada tahap maksimum 45 peratus.

Disebabkan keadaan ini telah mewujudkan sesiapa juga *Tom, Dick and Harry* boleh menjadi ejen insurans sehingga kalau kita lihat banyak ejen-ejen insurans ini kebanyakannya terdiri mereka yang tidak mempunyai pengetahuan tentang industri itu sendiri. Ada daripada mereka yang terdiri daripada pemandu teksi, ada juga guru-guru dan ramai juga daripada mereka yang telah pun dibuang kerja dan mereka mengambil profesion ini sebagai satu profesion alternatif. Mereka menjadi insurans ejen semata-mata kerana menunggu sesuatu pekerjaan lain dan ini telah menyebabkan industri ini tidak mempunyai kredibiliti.

Sedangkan kalau kita melihat sebenarnya integriti adalah merupakan satu asas penting di dalam industri insurans ini kerana apa yang kita lihat insurans ini ialah

berasaskan kepada kita hanya menjual sekeping kertas dan daripada sekeping kertas itu kita membayar dan memberikan kepercayaan bahawa satu hari nanti sekiranya ada risiko yang berlaku terhadap diri kita, sama ada berlaku kemalangan atau pun berlaku kematian, maka industri ataupun pihak-pihak insurans ini akan membayar terhadap apa juga janji-janji yang telah dijanjikan di dalam polisi-polisi insurans itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak mendengar kes-kes *miss selling*, *miss representation* dan *execution* terhadap faedah-faedah polisi insurans yang dilakukan oleh mereka-mereka yang tidak terlatih ini. Ini akan menyebabkan industri ini menjadi kelam-kabut, berlaku bermacam-macam tuntutan di mahkamah dan berlaku juga tuntutan yang telah dibuat oleh persatuan-persatuan pengguna terhadap industri ini dan memberikan satu gambaran yang tidak begitu sihat terhadap industri ini dan telah menghakis sedikit sebanyak keyakinan rakyat dan juga pengguna-pengguna terhadap industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dijelaskan juga oleh rakan-rakan yang lain bahawa polisi insurans yang kita berikan kepada rakyat ataupun kepada pembeli-pembeli ini yang kita lihat tadi sudah melibatkan sehingga pelanggan hampir 10 juta di Malaysia ini haruslah diberikan dengan sesuatu polisi yang benar-benar telus, *transparent*. Yang benar-benar difahami oleh orang mereka yang membeli. Kita tidak mahu mereka, tidak tahu apa-apa, *they just pay what*, apa yang telah diberikan kepada mereka. Ini menyebabkan perasaan tidak puas hati dan timbul masalah-masalah yang telah disebutkan oleh rakan-rakan tadi berkaitan dengan sekiranya berlaku tuntutan-tuntutan yang tidak dibayar dan janji-janji yang telah diberikan di dalam polisi insurans itu tidak ditunaikan dan ini menyebabkan bukan sahaja memberikan reputasi yang tidak baik kepada industri ini tetapi juga memberikan satu kegelisahan kepada rakyat.

Sebab itu kita meminta semua polisi-polisi insurans ini haruslah dikaji semula, Kementerian Kewangan melalui Bank Negara dan juga melalui pihak-pihak agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam soal ini, haruslah mengkaji semula polisi-polisi insurans ini. Walaupun kita tahu bahawa kebanyakan polisi-polisi insurans ini adalah dijual oleh syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di negara kita seperti ING, Great Eastern dan sebagainya. Industri insurans ini sebenarnya dikuasai juga banyak

oleh syarikat-syarikat asing, John Hank Cock dan banyak lagi insurans-insurans yang kita dapat lihat dan sentiasa kita dapat lihat di negara kita.

Tetapi yang kita perlukan sebagai *regulator* kerajaan, Kementerian Kewangan, Bank Negara sebagai *regulator* di dalam industri ini, kita haruslah menekankan kepada penjual-penjual polisi ini, mereka haruslah menyediakan satu kontrak ataupun suatu polisi yang boleh difahami dengan begitu mudah oleh rakyat dan juga pihak-pihak yang membelinya. Kita tidak harus walaupun misalnya kalau kita lihat kontrak-kontrak yang terdapat di dalam polisi-polisi insurans ia diberikan dengan perkataan ataupun dengan *clauses* yang begitu teknikal dan legalistik ...

**Seorang Ahli:** Berbelit-belit.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Berbelit-belit dan sukar untuk difahami oleh rakyat *layman, man in the street*, orang seperti saya sendiri pun, saya pernah menghadapi masalah yang sama kerana apa yang dijanjikan di dalam polisi insurans yang seharusnya kepada saya tidak diberikan. Ini merupakan satu tindakan yang menipu, kalau saya boleh katakan begitu, satu tindakan yang mempergunakan kelemahan orang lain untuk mendapatkan keuntungan dan ini sesuatu yang seharusnya tidak dibenarkan di dalam industri ini.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran. Yang Berhormat bagi Kudat, Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Yang Berhormat Tuaran.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kudat. Saya tertarik dengan persoalan kontrak yang berbelit-belit ini, yang sukar difahami oleh *policy holder*. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa salah satu faktornya ialah kerana insurans ini khususnya insurans hayat adalah sebahagian besar daripadanya adalah dipunyai oleh syarikat-syarikat antarabangsa yang bukan orang dari Malaysia, dan tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa di Malaysia ini insurans nyawa di kontrol *more than 70 percent* adalah daripada syarikat-syarikat antarabangsa bukan syarikat-syarikat Malaysia apatah lagi syarikat

bumiputera dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini adalah satu perkara yang penting untuk kerajaan mengambil tindakan selanjutnya, terima kasih.

**Datuk Abdul rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Tuaran, Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju dengan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Tuaran kerana apa yang kita lihat di negara kita, kalau kita lihat imbangan pembayaran negara kita misalnya. Antara sebab-sebab yang menyebabkan imbangan pembayaran negara kita sentiasa mengalami defisit ialah berpunca daripada pembayaran negara terhadap khidmat-khidmat insurans dan *shipping* khususnya bagi aktiviti import dan eksport dan ini adalah merupakan satu realiti yang begitu.

Sepatutnya kita ambil perhatian serius kerana industri insurans ini memang sememangnya dikawal oleh industri-industri dan syarikat-syarikat antarabangsa dan seperti mana yang telah diberitahu tadi bahawa 70 peratus daripada industri insurans ini adalah dikuasai oleh syarikat-syarikat asing. Walau bagaimanapun ini tidaklah menjadi satu alasan kepada pihak kerajaan khususnya Bank Negara dan juga Kementerian Kewangan untuk mengawal industri-industri ini kerana lesen-lesen yang diberikan untuk mereka beroperasi di negara ini adalah dikeluarkan oleh kerajaan kita. Sebab itu apabila kita mengeluarkan sesuatu lesen kepada syarikat-syarikat insurans ini kita haruslah mengenakan syarat-syarat tertentu supaya segala peraturan-peraturan yang dikehendaki oleh rakyat kita.

**Tuan Haji Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Kerajaan kita adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat sebab itu apabila kerajaan itu dipilih oleh rakyat mereka bertanggungjawab terhadap rakyat dan rakyat memberikan segala keyakinan kepada kerajaan untuk memastikan segala kepentingan rakyat dapat dijaga melalui tindakan-tindakan untuk mengawal industri ini supaya ianya tidak memudaratkan kepentingan rakyat negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Sila.

**Tuan Haji Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Yang Berhormat bagi Kudat saya ingin mendapat sedikit penjelasan berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan

peruntukan-peruntukan atau terma-terma dalam perjanjian insurans itu tadi atau polisi insurans yang berbelit-belit.

Sedarkah Yang Berhormat bahawa Akta Insurans yang terpakai di negara kita ini peruntukan-peruntutannya hanyalah mengenai perkara-perkara kawalan industri insurans, kawalan berkenaan dengan pengurusan syarikat, kawalan berkenaan dengan kekukuhan syarikat-syarikat insurans, kawalan berkenaan dengan perkara-perkara yang harus dipatuhi oleh syarikat-syarikat tersebut dan untuk penjelasan Yang Berhormat saya ingin menyatakan juga bahawa bukan sahaja polisi insurans ini berbelit-belit termanya tetapi cetakan perkataan-perkataan atau *font* yang digunakan dalam polisi insurans itu kadang-kadang terlalu kecil, terlalu halus.

Baru kita baca dua baris atau tiga baris, walaupun dia seorang peguam, walaupun dia seorang pakar dalam bidang insurans, baris yang ketiga, baris yang keempat mata dia pun makin kecil dia pun boleh tertidur lena dan ia boleh dijadikan sebagai ubat untuk tidur kepada orang yang tidak boleh tidur. Akta Insurans kita ini tidak seperti Akta Kontrak tahun 1950 misalnya yang menyatakan tentang apakah syarat supaya kontrak insurans itu sah, penerimaannya bagaimana, balasannya bagaimana dan segala syaratnya dan kita dapati bahawa undang-undang insurans yang terpakai di Malaysia ini setakat ini adalah melebihi penggunaan kepada undang-undang Inggeris yang terpakai pada tahun yang kebelakangan ini. Silakan Yang Berhormat Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat, sebagai seorang peguam beliau mengetahui banyak mengenai masalah-masalah yang wujud. Sebab itu sebenarnya kita mahu minta kepada kerajaan sekiranya berlaku masalah atau *loopholes* di dalam industri ini kalau inilah yang menjadi masalah mengapakah kerajaan tidak mengambil tindakan untuk meminda mana perkara-perkara yang boleh menghalang terhadap kepentingan pengguna dan juga rakyat Malaysia.

Kita meminta supaya apa juga permasalahan misalnya apa yang telah disebutkan tadi masalah percetakan dari segi polisi dan juga kontrak-kontrak yang telah disediakan di situ seharusnya menjadi tanggungjawab kepada Kementerian Kewangan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab yang telah diberikan tanggungjawab oleh Kementerian Kewangan supaya memberikan suatu *reform* ataupun menyediakan satu perubahan, mengkaji masalah ini.

**Tuan Haji Idris bin haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Kita perlu menyediakan satu jawatankuasa misalnya sama ada jawatankuasa di peringkat Kementerian Kewangan ataupun mana-mana jawatankuasa yang perlu untuk melihat perkara ini supaya masalah ini dapat diselesaikan. Supaya masalah penipuan, masalah *misrepresentation*, masalah *misselling* dan sebagainya dapat diselesaikan dan perkara ini telah pun dibangkitkan oleh berkali-kali bukan sahaja oleh kita sebagai ahli politik, sebagai Ahli Parlimen tetapi telah dibangkitkan oleh persatuan-persatuan pengguna, persatuan-persatuan pengguna sering membawa masalah ini kerana banyak dan ramai daripada rakyat kita yang datang berjumpa kepada kita sebagai Ahli Parlimen dan juga kepada persatuan pengguna dan menyatakan bahawa mereka telah tertipu. Sebab itu kerajaan harus menyediakan satu *frame work* undang-undang yang komprehensif yang dapat mengatasi masalah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu sila.

**Tuan Haji Idris bin haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya hendak mencelah di bahagian pencarum-pencarum insurans ini merasa tertipu ataupun merasa ditipu oleh pihak-pihak insurans gergasi ini. Ketika wakil mereka datang untuk menjual idea insurans ini kepada pencarum-pencarum lazimnya mereka tidak menceritakan tentang apakah ganjaran yang diterima oleh pencarum-pencarum ini apabila mereka mengalami sakit-sakit yang ringan yang lazimnya dihidapi oleh masyarakat kita.

Umpamanya Tuan Yang di-Pertua ialah jika seseorang pencarum itu menghidapi penyakit seperti batuk, selesema dan demam jadi mereka mengharapkan syarikat insurans ini membayar ganjaran apabila mereka dikenakan oleh klinik-klinik swasta yang mereka lawati dengan *charge-charge* yang tertentu. Jadi apabila ditanya kepada pihak insurans, pihak insurans kata "Oh, ini kita tidak *cover*, kita cuma *cover* 36 penyakit kronik yang besar-besar" yang tidak terfikir pun akan dialami oleh pencarum-pencarum tersebut. Di sini ada elemen rasa tertipu oleh pencarum-pencarum.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Kudat, Tuan Yang di-Pertua ini satu keadaan di mana pencarum rasa tertipu dan ada juga beberapa keadaan lain yang pencarum menipu syarikat besar. Jadi *loophole* ini jawatankuasa yang melihat perkara-perkara

yang harus dikaji secara terperinci ini perlu melihat bagaimana pula pencarum menipu syarikat-syarikat insurans ini.

Umpamanya jika kita ingin melakukan tara *check up, medical check up* di mana *charge* yang dikenakan lazimnya menjangkau ribuan, satu ribu, dua ribu ringgit dan sebagainya. Jadi dengan sedikit pakatan pegawai-pegawai hospital swasta pencarum boleh menipu syarikat untuk melakukan satu pemeriksaan yang besar. Syaratnya mudah. Oleh kerana syarikat gergasi ini kata kita akan membayar ganjaran kepada pencarum ini apabila mereka hanya dimasukkan ke dalam wad dengan kenyataan oleh seorang doktor pegawai perubatan biasa. Jadi ini berlaku jika kita ingin melakukan tara *check up, full check up* dengan kos katakan RM1,500 kita masuk ke wad satu hari kemudian doktor akan melakukan *check up* dan akan *dichargekan* kepada pihak syarikat gergasi insurans tadi. Jadi ini berlaku dan ini merupakan satu penyakit yang mungkin saya kira tidak sihat sama ada di kalangan pencarum ataupun syarikat-syarikat insurans gergasi ini.

Yang Berhormat bagi Kudat boleh faham apa yang saya maksudkan tadi ya? Jadi, bila ini berlaku, maknanya sistem kawalan, sistem pemantauan dan sistem pengurusan yang ada di peringkat Kementerian Kewangan ini perlu dikaji semula secara terperinci supaya tidak menggalakkan penyakit-penyakit penipuan ini berlaku di kalangan masyarakat kita. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Seperti mana yang telah saya jelaskan tadi bahawa satu *comprehensive review* terhadap industri insurans ini haruslah dilakukan dan ini melibatkan perkara-perkara yang telah beliau bangkitkan tadi kerana kita mahu industri ini menjadi satu industri yang mendapat kepercayaan dan akan berkembang dan akan membantu ekonomi negara kita. Sebab itu kita mengharapkan bahawa pihak kementerian mengambil tindakan-tindakan perlu misalnya seperti mana mana yang telah saya jelaskan tadi, bukan sahaja premium ataupun polisi-polisi insurans ini ditulis dengan cara yang begitu teknikal, legalistik dan sukar untuk dibaca tetapi juga tidak ada *translation*. Saya fikir kawan saya Yang Berhormat bagi Santubong kelmarin telah pun menjelaskan perkara ini bahawa sepatutnya di dalam negara kita, sebagai rakyat Malaysia yang menjadi bahasa rasmi di negara ini ialah bahasa Malaysia.

Jadi, apakah sebabnya kerajaan dan kementerian tidak mengenakan syarat kerana bahasa Malaysia ini adalah bahasa yang difahami oleh seluruh rakyat Malaysia. Kenapakah kita tidak mengenakan syarat kepada syarikat-syarikat insurans ini sama ada syarikat global ataupun syarikat antarabangsa ataupun syarikat tempatan untuk menyediakan polisi insurans yang ditulis dalam bahasa Malaysia. Bukan sahaja ditulis dalam bahasa Malaysia tetapi juga seharusnya diperjelaskan dalam bahasa Malaysia yang mudah difahami (*lay-man's term*) yang tidak mengelirukan. Sebab itu kalau kita tidak melakukannya, maka akan timbullah masalah-masalah seperti mana yang telah berlaku. Masalah yang telah berlaku ini sudah tentu akan menjejaskan kredibiliti bagi industri ini.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan *medical insurance*. Di dalam *medical insurance* ini kita lihat ada masalah *bundling*. Perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan insurans itu sendiri telah dimasukkan di dalam polisi insurans. Misalnya, *bundling* yang saya maksudkan di sini ialah seperti *wellness program*, ujian darah, *annual check up and medical history data* yang tidak berkaitan, *non insurance related*, yang sering dimasukkan di dalam *medical and health insurance* dan ini telah menyebabkan polisi ini menjadi lebih mahal. Sesuatu yang tidak diperlukan dimasukkan di dalam *medical insurance* ini dan selebihnya apabila seperti mana yang telah dibawa oleh rakan-rakan tadi, apabila kita pergi ke klinik-klinik ataupun hospital-hospital, maka banyakkah perkara-perkara yang dipersoalkan sehingga menyebabkan mereka yang sakit akan bertambah sakit kerana apabila mereka membeli insurans ini, mereka mengharapkan bahawa apabila mereka sakit, masalah untuk mendapatkan wang untuk membayar dari segi bayaran-bayaran bil perubatan ini sudah tidak menjadi masalah.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sabak Bernam bangun.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** [*Memberi isyarat supaya menunggu*] Tetapi apabila mereka ke hospital dan mereka serahkan kad insurans ini kepada hospital-hospital, khususnya hospital-hospital swasta, maka timbullah bermacam-macam

persoalan yang menyebabkan pesakit-pesakit ini semakin bertambah sakit. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kudat. Saya hendak kembali sedikit sebab perkara ini sudah disentuh banyak kali iaitu berkaitan dengan memperkasakan bahasa Malaysia dalam perjanjian, *terms and conditions* insurans ini dalam bahasa Malaysia. Sebenarnya kalau dilihat penduduk luar bandar, salah satu yang jelas - ini cerita benarlah, di mana-mana pun berlaku bahawa salah satu daripada sebab mereka pun tidak mahu memahami perjanjian dan syarat-syarat ini ialah kerana masalah bahasa itu sendiri. Selain daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Hulu Langat menyatakan tulisan yang begitu kecil. Ini harus diberikan perhatian supaya diambil tindakan.

Apakah pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kudat supaya ada satu tempoh khusus supaya membahasamalaysiakan syarat-syarat dalam perjanjian ini diberi tempoh. Mungkin dalam tempoh dua tahun daripada sekarang, ia harus direalisasikan. Kalau perlu dibentuk satu jawatankuasa khas peristilahan, kita bentuk. Kita ada Dewan Bahasa. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini supaya tempoh tertentu diberikan supaya syarat dan perjanjian ini diletakkan dalam bahasa Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat, sebenarnya saya pun hairan juga kenapa kerajaan tidak bertindak untuk melihat perkara ini sedangkan perkara ini adalah merupakan sesuatu perkara yang penting, yang melibatkan kepentingan lebih kurang 10 juta pihak yang telah membeli polisi-polisi insurans ini sama ada polisi insurans awam dan polisi insurans nyawa. Saya tidak ada apa-apa alasan mengapa kerajaan tidak boleh melakukannya. Kalau satu ketika dahulu, semasa awal kemerdekaan, Parlimen kita sendiri pun sebenarnya dibenarkan untuk menggunakan bahasa Inggeris di dalam apa jua perbahasan. Di mahkamah-mahkamah kita juga prosiding di mahkamah adalah dibuat di dalam bahasa Inggeris. Tetapi setelah 40 tahun kita merdeka, apakah kerajaan tidak melihat aspek-aspek yang lain khususnya melibatkan kepentingan awam dan saya melihat bukan sahaja industri insurans, industri perbankan juga walaupun kita ingin memperkasakan bahasa Inggeris ini tetapi kalau sekiranya ia melibatkan sesuatu yang awam, yang boleh menjejaskan kepentingan

awam, yang boleh *mislead*, maka adalah menjadi satu tanggungjawab kepada kerajaan untuk melihat perkara ini supaya perkara ini akan dapat diselesaikan dan boleh membantu rakyat supaya tidak menghadapi masalah yang telah pun disebutkan tadi.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Ini cadangan daripada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi amat menarik. Masa untuk industri mencapai satu tahap di mana perjanjian ataupun kontrak itu boleh dibuat dalam bahasa Malaysia. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada tahun 2001, Bank Negara telah melancarkan apa yang dikatakan *financial sector plan*. Dalam *master plan* tersebut, Bank Negara – kerajaan cuba mencapai dalam masa sepuluh tahun satu pelan di mana akhirnya industri ini akan di liberalisasikan ekoran daripada liberalisasi ekonomi, globalisasi, Perjanjian WTO dan sebagainya. Ini bererti bahawa lebih banyak syarikat asing dalam industri insurans ini.

Apabila lebih banyak syarikat asing, maka soal bahasa ini akan lebih mencabar sebab di dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, cabaran yang paling hebat ialah bagaimanakah syarikat-syarikat insurans ini dapat bekerjasama, dapat lebih proaktif bersama dengan *regulator* iaitu Bank Negara untuk menyelesaikan perkara ini. Dalam *master plan* ini, ini persoalannya, dan Yang Berhormat pun bersetuju supaya jika sekiranya pihak kerajaan belum lagi memasukkan di dalam *master plan* ini sebab sekarang ini sudah tahun 2005. Seharusnya dalam *master plan* ini tahun 2010, ia sudah selesai, tinggal lebih kurang lima tahun. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan juga meletakkan soal perjanjian tadi itu bukan sahaja dari segi bahasa Malaysia tetapi seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi iaitu soal *font*, juga amat penting.

Kalau perkataan yang digunakan itu, *font* itu terlalu kecil, mata pun sakit, kita pun tidak boleh membaca. Kita kena lihat sama ada senang dibaca atau tidak. Jika tidak, soal-soal kontrak ini siapa yang hendak baca? Adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat Tuaran, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana walaupun liberalisasi kewangan

adalah sesuatu perkara yang mungkin kita tidak dapat elakkan akibat daripada gelombang dan juga permintaan globalisasi, di mana kita telah diberikan satu *time frame* bahawa sistem kewangan negara akan diliberalisasikan. Kita tidak boleh lagi menghalang syarikat-syarikat insurans, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank untuk beroperasi di negara kita, kerana ini adalah merupakan obligasi yang terpaksa kita patuhi di dalam perjanjian WTO, tetapi ini tidak bererti bahawa kerajaan tidak boleh *meregulate* industri ini khususnya di dalam soal yang melibatkan kepentingan rakyat.

Apa salahnya? Apakah sesuatu yang begitu susah bagi kerajaan untuk meminta syarikat-syarikat ini *translate*kan segala polisi-polisi dan juga terma-terma insurans ini di dalam bahasa Malaysia, dalam bahasa yang mudah difahami.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Penjelasan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee:** Ya, Tuan Yang di-Pertua saya tertarik dengan isu bahasa dalam polisi insurans dan juga borang permohonan untuk membeli insurans ini.

Saya baru menelefon sahabat saya yang sudah 20 tahun menjual insurans dan seorang sahabat lagi yang menjual insurans daripada syarikat yang lain. Saya diberitahu bahawa adalah menjadi praktis syarikat insurans sekarang ini, dalam borang *application* itu, borang permohonan untuk membeli insurans, ada dua bahasa, English dan bahasa Malaysia. Dalam polisi insurans sekarang yang dikeluarkan oleh syarikat insurans ada bahasa Malaysia, ada Bahasa Inggeris. Saya kena *check* dengan Kudat, ada menyemak tak polisi insurans yang beliau miliki, ada tak dua bahasa dalam polisi insurans sedemikian.

Saya difahamkan sekarang menjadi praktis, ada dua bahasa di sana. Jadi soal pertikaman lidah kita mengenai bahasa bukan menjadi isu yang sebenarnya dan telah menjadi praktis syarikat insurans. Saya ingin penjelasan Kudat mengenai perkara ini.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Beluran, barangkali *finding* yang diperolehi oleh Yang Berhormat Beluran, kita mempunyai banyak syarikat insurans di negara kita Malaysia. Dan tidak mustahil sekiranya ada syarikat-syarikat yang mempunyai *translation*, tetapi ada juga syarikat yang tidak mempunyai *translation* dan ini saya sendiri ada memiliki insurans ini dan tidak ada *translation*. Sebab itu kita minta supaya kerajaan membuat satu standard *instruction* kepada syarikat-syarikat ini.

Kepada semua syarikat supaya memberikan setiap polisi kepada rakyat, polisi yang dijual kepada pelanggan-pelanggan ini haruslah ditulis dalam bahasa Inggeris, khususnya syarikat-syarikat asing dan di*translate*kan di dalam bahasa yang boleh difahami oleh rakyat Malaysia iaitu bahasa Malaysia.

Kalau sekiranya ada syarikat yang ingin membuat *translation* dalam bahasa Mandarin misalnya atau dalam bahasa Tamil di dalam negara kita ini, ini adalah merupakan satu tindakan yang proaktif. Kerana apa yang kita mahu ialah apabila kita menyediakan satu kontrak insurans yang bukan sahaja boleh di*translate*kan dalam bahasa yang boleh diketahui oleh pengguna-pengguna rakyat Malaysia, tetapi juga ia menggunakan bahasa-bahasa yang mudah difahami, itu yang penting, mudah difahami dan tidak memberikan suatu *misleading* yang menyebabkan rakyat ataupun pengguna-pengguna ditipu Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Muar sila.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Muar.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Kudat, saya seronok apabila disebut tentang bahasa ini. Kerana ia penting, kita perlu faham dan saya rasa kerajaan akan buat, kerajaan boleh buat kalau nak dikenakan satu peraturan. Tapi pada saya, saya lebih berminat untuk Yang Berhormat jelaskan, sebagai pengguna insurans ini jaminan maknanya satu perkara yang kita laburkan untuk pulangan masa akan datang jika berlaku sebarang masalah. Dan saya rasa tak ramai orang baca insurans ini tetapi yang lebih penting ialah bagi saya bagaimana kita nak tahu, saya minta pandangan Yang Berhormat Kudat, bagaimana kita nakkan satu jaminan sebagai contoh kalau kita beli insurans kereta.

Walaupun kita tidak baca, kita tandatangan mudahnya untuk dapatkan selepas satu kemalangan berlaku itu tidak seperti insurans peribadi, insurans hayat, insurans nyawa, kesihatan dan sebagainya. Walaupun tidak diperincikan dengan jelas tetapi perkara itu mudah berlaku, tuntutan mudah kita perolehi kerana kereta yang kita beli itu dicagarkan kepada satu syarikat kewangan. Sebab syarikat kewangan ini memberi satu permohonan pinjaman, dia nak jaminannya ataupun pelaburannya terjamin, maka

insurans-insurans atau perjanjian insurans ini begitu jelas, tersusun, orang langgar belakang, orang langgar depan, semua orang tahu. Tetapi apabila telah dijadikan insurans hayat, insurans kesihatan, insurans lain-lain yang melibatkan kita secara peribadi, maka kita tidak jelas apa yang boleh, dan apa yang tidak boleh.

Saya rasa ini yang perlu Yang Berhormat jelaskan supaya keyakinan masyarakat kepada syarikat insurans ini lebih baik daripada yang ada pada hari ini.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Muar mengenai perkara ini kerana apa yang kita lihat misalnya kalau melibatkan insurans kereta sebenarnya mungkin tidak begitu banyak masalah, khususnya mereka yang membeli komprehensif insurans. Komprehensif insurans ini adalah disyaratkan bagi syarikat-syarikat kewangan terhadap pembeli-pembeli kereta dan mereka ini haruslah membeli komprehensif insurans, dan biasanya syarikat-syarikat kewangan ini akan rekomen ataupun merekomenkan syarikat-syarikat insurans yang ada kaitan ataupun *they are familiar with*.

Syarikat-syarikat kewangan ini mencadangkan kepada pembeli *higher purchaser* kepada syarikat-syarikat yang di mana mereka *familiar*, contoh kalau syarikat *Malayan Banking, Mayban Finance* satu ketika dahulu, mereka meminta membeli insurans-insurans daripada *Maybank Insurance* dan ini adalah merupakan sesuatu yang tidak begitu banyak masalah, mungkin ada masalah-masalah lain, tetapi biasanya tidak begitu bermasalah kerana apabila berlaku kemalangan ataupun berlaku masalah-masalah tuntutan, maka bank mempunyai satu tanggungjawab untuk mendapatkan balik pinjaman sekira berlaku kehilangan misalnya.

Maka bank adalah juga terlibat di dalam usaha untuk mendapatkan tuntutan insurans. Walaupun tidak semua bank - mungkin.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hulu Langat bangun Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kudat. Yang Berhormat, berkenaan dengan industri insurans di negara kita, ia sudah berkembang begitu lama dan industri insurans di

negara ini bukan sahaja boleh kita kelaskan sebagai industri insurans yang *conventional*, yang tradisi, insurans hayat misalnya, kenderaan bermotor, insurans harta, pembinaan, kesihatan, insurans laut dan sebagainya, tetapi sejak akhir-akhir ini ada satu konsep atau kaedah yang diperkenalkan oleh syarikat insurans yang dikenali sebagai '*one payment policy*', iaitu bayaran polisi itu dikenakan hanya sekali dengan jumlah yang cukup besar untuk satu tempoh yang panjang. Dan sebelum tempoh matang ini, syarikat insurans itu akan membayar dividen atau bonus kepada pencarum atau pemegang polisi dan apabila tarikh matang itu tiba, misalnya 10 tahun atau 20 tahun, syarikat insurans menjanjikan akan membayar jumlah tertentu kepada pemegang polisi. Kelihatannya, konsep ini menyerupai simpanan dalam bank di mana dividen atau *interest* yang dibayar kepada pendeposit. Soalan saya Yang Berhormat bagi Kudat, adakah kaedah ini melanggar syarat asas lesen syarikat insurans yang ditetapkan atau diluluskan oleh pihak kerajaan, kerana seolah-olahnya, insurans jenis ini memasuki bidang kuasa atau amalan yang dilakukan oleh bank-bank perniagaan di negara ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat bagi Hulu Langat, berkaitan sama ada ianya melanggar atau tidak, saya fikir biarlah saya serahkan kepada Setiausaha Parlimen untuk menjawabnya selepas ini. Tetapi, kalau kita melihat misalnya, industri *investment link and endowment products* adalah merupakan satu kaedah insurans yang semakin popular dan ini telah merupakan suatu *investment instrument* yang semakin popular, khususnya bagi industri insurans kerana ramai daripada pelanggan-pelanggan ini merasakan bahawa apabila mereka membeli satu *life policy, in order to get the benefit, they have to die first*. Mereka kena mati dulu, *then the family will get the benefit*. Ini adalah merupakan suatu polisi yang agak *outdated* ataupun hanya wujud beberapa dekad yang lalu. Tetapi, pada masa-masa kebelakangan ini.....

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ketereh.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** .....maka wujudlah banyak produk baru yang melibatkan tentang *investment link* dan *endowment policy* iaitu membolehkan seseorang untuk mendapat balik *benefit* walaupun tidak berlaku kematian. Misalnya, kalau sekiranya 20 tahun polisi itu dilaksanakan, sekiranya tidak berlaku kematian, maka seseorang itu boleh mendapatkan semula atau meminta daripada penginsurans untuk mendapatkan semula simpanan dan *benefit-benefit* lain seperti *interest accumulated* daripada *endowment policy* ini. Jadi, ya Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kudat. Saya ambil masa lama hendak bangun tadi. Saya datang lambat hari ini. Saya datang pukul 3.45. Yang Berhormat bercakap fasal insurans, saya pun hendak masuk sikit. Sebenarnya saya ada kemalangan tadi. Tetapi bukan kemalangan fasal insurans. Saya hendak minta beberapa penjelasanlah daripada Yang Berhormat. Yang pertama, Yang Berhormat sebut tadi mengenai komprehensif insurans. Pagi tadi saya pagi-pagi bertolak daripada rumah hendak pergi ke Kuantan, hendak hantar anak masuk Universiti Islam Antarabangsa. Saya bawa kereta saya, kereta diesel Land Cruiser. Ianya masih komprehensif insurans. Sampai lepas Tol Karak, tidak tahu macam mana kereta saya mati. Kereta mati saya tidak boleh hendak buat apa, sebab kereta ini ia elektronik, ninja, kereta ninja. Saya kena telefon.

Kebetulan ada saya bawa fail kereta, dalam itu ada insurans. Insurans itu saya tidak ingat, AXA kah. Dalam itu ia kata, dalam polisi insurans ini kalau kereta *break down*, kita boleh telefon nombor ini, dia datang tarik. Saya telefonlah nombor ini. Nombor itu dia kata, kita tidak boleh tarik sebab dalam kawasan lebuhraya. Datang *MTD Prime* lebuhraya situ, peronda. Panjang sikit cerita tidak apa, Yang Berhormat. Ini fasal insurans, pengalaman saya hari ini. Saya masih mendidih, marah lagi sebenarnya. *MTD Prime* beritahu saya, saya kata, sekarang bolehkah tidak tarik saya keluar daripada kawasan lebuhraya ini kerana insurans ini tidak boleh tarik dalam kawasan lebuhraya.

*MTD Prime* ini beritahu kita tidak boleh tarik sampai tol. Kita boleh tarik tempat selamat. Saya kata, tempat selamat itu macam mana? Tempat selamat itu tempat tidak cornerlah. Saya kata sudah selamat sekarang, bolehkah tarik? Tidak boleh. Dia tinggal sahajalah saya. Saya kata, "kalau tidak boleh tarik, kena tinggallah saya, buat apa

datang, pergi sahajalah.” Saya pun duduk daripada pukul lapan sampai pukul 2.30 tengah hari tadi, duduklah di situ. Mujurlah kot tidak pakai, tai tidak pakai, sebab hendak pergi hantar anak. Saya pun telefon pula insurans ini lagi sekali. Insurans ini kata, “you member AAM?”

Saya kata saya member. Telefon AAM. AAM pun jawab yang sama, bahawasanya dia tidak boleh masuk dalam kawasan lebuhraya. Saya sudah tidak tahu hendak buat apa. Kalau saya ada ilmu Aladdin, saya sudah cuit lampu saya, saya sudah angkat kereta itu balik. Tetapi tidak ada ilmu Aladdin. Marah pun tidak guna. Akhirnya saya terpaksa cari nombor, telefon satu, tidak tahu macam mana kawan ada beritahu. Kawan-kawan saya ada beritahu satu nombor. Dari Petaling Jaya, motor yang tarik. Dia pun datang tarik. Dia kata, saya boleh tarik tetapi kena bayarlah tol. Saya kata, bayar bukan jadi masalah. Insurans ini patut *cover*. Tetapi bila saya balik *check* insurans, rupanya tidak *cover* benda yang sedemikian. Tetapi, dalam perjanjian dia kata dia *cover*. Ertinya saya sendiri sudah, saya hendak kata tipu, payahlah. Tetapi saya sudah terpukau dengan janji-janji. Perkara ini saya rasa, bukan kepada saya seorang akan berlaku, ini kepada saya. Banyak kereta wakil rakyat ini, tahu sahajalah bukannya kereta baru semua. Kita pendapat bagi hari-hari. Pendapatan kita orang tidak tanya pun. Jadi kita kadang-kadang beli ikut kemampuan kita sahajalah. Kita beli mati tengah jalan, insurans tidak tarik. So, apakah boleh Yang Berhormat jelaskan kalaulah dalam perjanjian itu ada disebut kena tarik kereta, sepatutnya insurans ini kena pastikan panelnya dan sebagainya dan *action* itu mesti segera, itu yang pertama.

Yang keduanya, keluar sikit. Apakah kontraktor lebuhraya ini tidak bertanggungjawab kepada kereta-kereta yang terletak dalam kawasan lebuhraya? Kalau begitu jadinya, tidak guna kita bagi lebuhraya sampai beratus juta ini kepada *MTD Prime but they can't even take care of a break down car*. Tidak kiralah *break down car* itu MPs ke bukan MP ke. Tetapi *everybody sometime, break down* in lebuhraya, *they should take responsibility* dengan izin, untuk sekurang-kurangnya menarik keluar supaya insurans kita boleh tarik di luar. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat bagi Ketereh, apabila saya mendengar rintihan Yang Berhormat bagi Ketereh tadi, inilah antara bukti-bukti yang menunjukkan bahawa berlakunya kepincangan di dalam industri insurans kita. Sebab

itu kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan segala kepincangan, segala masalah yang timbul di dalam industri ini dapat dibersihkan dan dapat diperbaiki supaya ianya akan meningkatkan keyakinan rakyat dan rakyat khususnya pengguna-pengguna di dalam polisi ini tidak akan merasa tertipu. Sebab itu, kita mengharapkan suatu tindakan segera. Kalau sekiranya perlu sesuatu undang-undang dipinda, maka kita harus melakukannya dengan segera supaya apa juga masalah-masalah yang timbul, bayangkan seorang wakil rakyat juga menghadapi masalah serupa ini. Apatah lagi orang yang di luar sana, orang kampung ataupun mereka yang tidak mempunyai pengetahuan.

Memanglah suatu masalah yang besar kalau sekiranya berlaku perkara-perkara serupa ini, *misrepresentation*. Ini kes *misrepresentation* yang sentiasa berlaku. Mereka seolah-olah bertindak sebagai pakar untuk menasihatkan kita tentang khususnya perancangan kewangan dan sebagainya, tentang polisi-polisi insurans harta dan juga harta benda dan juga nyawa kita sendiri. Tetapi, banyak perkara yang terselindung, *it is not transparent*, yang tidak *transparent*, yang tidak telus yang menyebabkan kegelisahan dan masalah kepada pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai *travel insurance*. *Travel insurance* ini sepatutnya diperluaskan kerana kalau kita lihat, sebagai sebuah negara yang agak luas juga dan kita terpaksa.....

**Tuan Baharum bin Mohamed:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sekijang.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum sahabat saya dari Kudat masuk ke *travel insurance*, saya hendak *reverse* sikit ke belakang tentang insurans kenderaan ini. Jadi, saya hendak minta pendapat Yang Berhormat bagi Kudat ini, bahawa insurans kenderaan ini juga di mana apabila berlakunya sesuatu kemalangan, terutamanya yang melibatkan harta awam ataupun harta kerajaan seperti tiang lampu, pokok, longkang dan sebagainya pecah dan apabila pihak *adjuster* ataupun sekarang ini hendak diganti dengan pengurus kewangan,

Tuntutannya tidak dibuat, tidak dimasukkan tentang perkara-perkara tersebut, pada hal kerugian yang berlaku kepada kerajaan ataupun kepada awam ini melibatkan benda-benda tersebut. Jadi, saya percaya benda-benda ini juga harus diambil kira dan

dimasukkan di dalam insurans-insurans ini terutama apabila *adjuster* membuat tuntutan ini kerana saya tidak pernah lihat, tidak tahulah kalau ada yang dituntut di luar daripada pengetahuan yang memegang polisi insurans ini. Tetapi sepatutnya polisi insurans diberi tahu bahawa tuntutan untuk perkara-perkara yang telah dilanggar ini ataupun yang telah menerima kemalangan seperti tiang lampu, parit, longkang, *divider* dan sebagainya juga dimasukkan dalam *list* supaya kita di pihak kerajaan tidak mengalami kerugian yang banyak. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sekijang. Cadangan itu adalah satu cadangan yang baik dan saya memasukkan cadangan beliau itu di dalam ucapan saya untuk menjadi perhatian Kementerian Kewangan sekiranya perkara itu adalah *releven* untuk dipertimbangkan di dalam undang-undang untuk memastikan bahawa harta-harta kerajaan yang terlibat di dalam kemalangan dapat diberikan pampasan kepada kerajaan.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Muar bangun.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Sedikit sahaja Yang Berhormat bagi Kudat. Saya tadi apabila dikatakan hendak masuk dalam cadangan Yang Berhormat bagi Kudat, saya ada satu lagi cadangan, tetapi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Kudat. Kalau boleh terima masukkan sekali, kalau tidak tolonglah bagi pandangan. Saya hendak tanya, kita bayar insurans. Saya hendak tanya apa masalah syarikat insurans untuk mendahulukan pembayaran kepada pemegang polisi apabila satu-satu tuntutan dibuat. Tidak perlulah hendak hantar *adjuster* tunggu sampai dua tiga bulan, bayar dahulu. Lepas itu kalau terlebih kira, pulanglah balik atau mintalah tambah. Kerana ini salah satu cara yang boleh memberikan *services*. Kita bayar, setiap tahun ataupun yang bayar *quarterly* dia bayarlah *quarterly*, siapa yang bayar bulan-bulan.

Bayar bulan-bulan *without* fail dengan izin.

Tidak ada masalah. Tiba masa kita bayar. Tetapi apabila kita sebagai contoh, contoh mudah, bawa kereta tengah malam, cermin pecah. Besok kita terpaksa ambil gambar apa semua, kita bayar dahulu. Tidak bolehkah dia bayar kita dahulu lepas itu buatlah kira-kira sama ada pemegang polisi terpaksa membayar lebih ataupun dia

pulangkan balik duit dan sebagainya. Yang penting kereta itu diganti dahulu. Sebab ada syarikat buat macam itu. Tidak bolehkah kita cadangkan perkara ini supaya duit yang kita bayar setiap bulan selama 30 tahun, mungkin tahun yang 30 baru kemalangan berlaku, berbaloi. Tidak perlulah 30 tahun bayar, berlaku tahun ke 30 pun kita kena tunggu tiga empat bulan untuk mendapat tuntutan kepada polisi. Ini saya minta pandangan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat bagi Muar, saya bersetuju. Tetapi di dalam insurans awam, khususnya tuntutan-tuntutan, misalnya tuntutan bagi kerosakan kereta, *accident* dan sebagainya, saya fikir ini adalah merupakan satu cadangan yang patut dipertimbangkan. Tetapi, di dalam insurans nyawa, saya fikir, misalnya khidmat *adjuster* ini adalah merupakan satu khidmat yang penting kerana prosedur-prosedur untuk seseorang mendapat pengesahan bahawa seseorang itu mati adalah disebabkan perkara-perkara tertentu yang membolehkan dia untuk mendapatkan tuntutan, saya fikir khidmat *adjuster* adalah merupakan satu khidmat yang masih diperlukan kerana berlaku juga kes-kes di mana pembunuhan ataupun tindakan-tindakan membunuh diri dan sebagainya ini dilakukan yang telah menyebabkan kerugian dan juga menyebabkan penipuan kepada syarikat-syarikat insurans dan ini berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya di dalam bidang *travel insurance*.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [*Bangun*]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Silakan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Kudat. Sebelum dia beredar, saya hendak sentuh sedikit. Minta penjelasan daripada sahabat saya dari Kudat. Tentang kepincangan tadi. Sebab kita lihat kepincangan berlaku adalah kerana sesuatu akta, kemudian peraturan dibuat tanpa kita, dengan izin, *anticipate* perkara yang akan berlaku pada masa akan datang. Saya berpendapat ini adalah salah di peringkat draf, di mana mungkin kementerian, saya berhenti sekejap Tuan Yang di-Pertua, sebab depan saya tidak ada oranglah. Tidak ada yang mendengar.

Di peringkat kementerian, mungkin gagal, dengan izin, untuk *anticipate* perkara-perkara yang berlaku pada masa akan datang. Misalnya akta yang kata polisi, termasuk

juga sesuatu terma-terma di dalam insurans yang diluluskan oleh kerajaan. Akhirnya, dia dengan izin, bumerang, akan berpatah balik pada kita, menyusahkan kita. Sedangkan apabila kita membeli insurans misalnya, kita mengharapkan suatu pembelaan yang maksimum, yang memudahkan kita pada masa akan datang apabila kita berdepan dengan sesuatu masalah.

Tetapi akhirnya insurans kita beli, bukan memudahkan kita, malah menyusahkan kita dalam semua aspek, daripada soal kemalangan jalan raya, soal kenderaan hilang, insurans nyawa, sakit dan sebagainya. Oleh yang demikian, adakah Yang Berhormat bagi Kudat setuju kalaulah pihak kementerian, terutamanya pegawai-pegawai. Saya banyak bercakap tentang pegawai, dahulu pun saya pegawai kerajaan, supaya kita lebih, dengan izin, *anticipate*, supaya kita lebih proaktif, supaya kita lebih sensitif. Mungkin kita susah untuk *anticipate*.

Kita mungkin perlu bayangkan kalaulah kita berada dalam situasi kita memerlukan, misalnya kita harus *anticipate*, dengan izin, kita berdepan dengan sesuatu masalah, adakah terma-terma yang kita luluskan tadi, akta yang kita draf itu memudahkan kita ataupun menyusahkan kita. Ataupun ada beberapa perkara tertinggal. Sebagai contoh, saya terkeluar sedikit, CITOS, sebab kita ini bawah Kementerian Kewangan, CITOS. CITOS, Tuan Yang di-Pertua, banyak menyusahkan kita. CITOS lebih berkuasa daripada bank-bank. CITOS juga seolah-olah lebih berkuasa, CITOS tahukan, Yang Berhormat bagi Kudat. CITOS juga seolah-olah lebih berkuasa daripada Bank Negara. Saya dengar CITOS ini, C-I-T-O-S ini adalah sebuah syarikat yang diberikan kebenaran, bukannya kuasa pun oleh kerajaan untuk memudahkan bank-bank memeriksa atau mengenal pasti peminjam-peminjam yang bermasalah. Tetapi apa yang berlaku sekarang bank, apabila kita berurusan dengan bank, saya rasa insurans *company* pun juga akan berurusan dengan CITOS.

Mereka seolah-olah terikat dengan CITOS. Apa yang CITOS kata A, Alah. Kalau CITOS kata, Yang Berhormat bagi Kudat termasuk dalam senarai hitam, maka gagallah permohonan pinjaman ke, insurans ke, terhadap beliau. Jadi, maksud saya tadi, sesuatu terma yang kita luluskan ataupun akta, mestilah kita fikir betul-betul, kita semak supaya jangan berurusan dengan kita. Adakah Yang Berhormat bagi Kudat setuju?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat bagi Ledang, saya bersetuju dengan pandangan beliau mengenai perkara ini kerana seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa apa juga perkara yang boleh memberikan kebaikan, yang boleh memberikan perlindungan yang maksimum kepada masyarakat adalah merupakan suatu perkara yang perlu diberikan perhatian. Pegawai-pegawai kerajaan, khususnya pihak-pihak yang diberikan tanggungjawab untuk menyemak undang-undang ini haruslah melihat perkara-perkara ini supaya apa juga tindakan yang diambil akan memberikan faedah dan memberikan kemudahan kepada rakyat.

Kita ingin memberikan kemudahan kepada rakyat supaya rakyat akan dapat keselesaan dan tidak berasa tertipu dan tidak merasa diperdaya oleh sesiapa juga. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk terus kepada perkara seterusnya, iaitu *Travel Insurance*. Kalau kita misalnya pergi melancong ke negara-negara luar, maka biasanya syarikat-syarikat *travel agent* akan mengenakan kita, akan memberikan kita satu cadangan untuk mengambil *term insurance* untuk perjalanan. Ini saya percaya adalah merupakan satu kemudahan yang baik, yang sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak dingini, misalnya berlaku kemalangan di udara, *air crash* dan sebagainya akan membolehkan orang-orang yang kita tinggalkan, yang kita sayangi akan mendapat sekurang-kurangnya pampasan daripada kehilangan orang-orang yang mereka sayangi, yang telah melancong ataupun berjalan ke luar negara.

Ini penting bagi kita semua. Tetapi bagi mereka yang bergerak dalam domestik, *domestic flight*, kita dapat melihat apabila kita membeli tiket-tiket kapal terbang Malaysia Airlines ataupun pihak-pihak *airlines* tertentu tidak pun misalnya mengenakan ataupun menyediakan satu *term insurance* kepada penumpang-penumpang dan saya tidak tahu, saya fikir ini adalah merupakan satu inisiatif. Apa salahnya kita bersikap proaktif dan mengambil inisiatif, misalnya untuk memberikan satu *coverage* yang sesuai bagi tiap-tiap penumpang yang menaiki kapal terbang.

Misalnya kalau mereka yang tinggal di Sabah dan Sarawak, perjalanan ke Sabah dan Sarawak juga adalah merupakan satu perjalanan yang panjang walaupun ianya melibatkan *domestic flight* tetapi perjalanan ke Sabah dan Sarawak, kalau mereka yang harus terbang ke Tawau misalnya, *they have to take flights* yang akhirnya mereka sampai ke destinasi sekurang-kurangnya 3 hingga 4 jam dan ini adalah satu perjalanan

yang panjang dan sekiranya berlaku apa-apa *air crash* atau *accident*, ini akan menyebabkan suatu perkara yang tragedi khususnya kepada ahli-ahli keluarga yang terlibat kerana saya ingin membangkitkan perkara ini satu kejadian yang berlaku kepada satu keluarga yang saya kenali iaitu mereka terlibat di dalam satu kejadian yang begitu menyayat hati iaitu *air crash* yang berlaku di Tawau lebih kurang sedekad yang lalu.

Satu keluarga, suami isteri dan seorang anak lelaki yang saya kenali telah terkorban di dalam *air crash* ini yang berlaku di Airport Tawau dan apa yang saya difahamkan daripada ahli keluarga ini bahawa mereka tidak pun mendapat pampasan yang sewajarnya. Saya tidak tahu sehingga saya pernah menghubungi mereka, mereka tidak mendapat apa-apa pampasan daripada syarikat-syarikat penerbangan dan ini adalah merupakan satu tragedi kerana kehilangan ini adalah satu kehilangan yang besar kepada keluarga itu. Kebetulan pula keluarga itu bukanlah daripada keluarga yang mewah.

Sebab itu saya mencadangkan kalau sekiranya misalnya kerajaan boleh mencadangkan kepada syarikat-syarikat penerbangan ini supaya menyediakan satu *term* insurans yang sesuai supaya setiap mereka yang terlibat di dalam perjalanan ataupun yang menggunakan khidmat penerbangan ini akan mendapat satu insurans. Memang bagi mereka yang menggunakan kad kredit, misalnya, kad kredit ada menyediakan perlindungan-perlindungan insurans terhadap mereka yang membeli tiket dalam menggunakan kad-kad kredit ini tetapi itu pun saya belum ada pengalaman dan saya tidak tahu sama adakah *what is the level of efficiency* di dalam soal tuntutan-tuntutan terhadap mereka yang menghadapi kemalangan yang menggunakan khidmat-khidmat insurans yang disediakan oleh kad-kad kredit yang disediakan sama ada *Visa*, *Mastercard* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, yang seterusnya saya juga ingin menambah apa yang telah dicadangkan oleh rakan saya kelmarin bahawa sekiranya bagi ejen-ejen seperti yang saya jelaskan tadi bahawa pembelian polisi-polisi insurans hayat ini ialah mereka yang menjual insurans hayat ini akan diberikan komisen yang begitu memadai dan yang memuaskan sehingga *45% of the premium* adalah diberikan untuk membayar kepada pihak-pihak yang menjadi penjual kepada polisi-polisi insurans ini.

Tetapi disebabkan zaman sudah berubah, rakyat semakin, *the literacy rate is increasing a lot*, dengan izin, dan rakyat semakin sedar tentang keperluan untuk mendapatkan perlindungan di dalam insurans ini, maka seharusnya bagi mereka yang mendapat perlindungan insurans atas inisiatif mereka sendiri, mereka datang ke syarikat-syarikat insurans, "Saya ingin membeli insurans *life policy* untuk diri saya dan anak-anak saya dan isteri saya, keluarga saya." Maka mereka yang datang sendiri ke syarikat-syarikat insurans ini seharusnya mendapat rebat daripada premium ini. Mereka tidak harus disamakan...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kudat. Saya ingin penjelasan. Baru-baru ini dalam industri saham, peranan *remisier* tidak begitu penting kerana belian saham itu *online*. Dengan itu, satu, *remisier* sendiri sudah kurang dan pembeli-pembeli saham juga beruntung kerana tidak payah bayar *fees* kepada *remisier*. Bolehkah industri insurans mengubah cara penjualan mereka dalam bentuk penjualan saham sekarang kerana sekarang kalau kita lihat dalam industri insurans ini, mula-mula kita ada ejen, selepas itu kita ada agensi unit *manager*, selepas itu kita ada pegawai yang lebih tinggi lagi daripada agensi *manager*, selepas itu kita ada dia punya syarikat sendiri.

So banyak lapisan macam *multi level marketing*. Dia satu bentuk *multi level marketing* dan saya diberitahu bahawa dua tahun punya duit premium yang dibayar digunakan untuk bayar balik komisen kepada semua pegawai-pegawai ini. Secara tidak langsung si pembeli insurans ini akan kerugian kerana wang yang digunakan untuk melabur dan bagi pulangan datangnya daripada tahun ketiga, keempat atau kelima yang diijamatkan dan dibayar kepada syarikat insurans. Maka, bolehkah proses ini menjadi satu realiti di mana kerajaan ataupun Bank Negara ataupun syarikat-syarikat membuat satu propaganda secara besar-besaran bagaimana polisi-polisi ini dijual dan kita minta *public*, dengan izin, membeli *direct* daripada syarikat berkenaan dengan potong habis semua komisen-komisen ini.

Satu lagi masalah penipuan tidak akan berlaku. Sekarang rata-rata terjadi penipuan, macam-macam manis bibirnya, menanam tebu sahaja di merata-rata. Ha, inilah, tetapi bila datang hendak *claim* macam tadi, tidak dapat kerana dokumen tidak

betul, tidak sampai kepada syarikat berkenaan dan kejahilan orang pula. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kudat?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, saya bersetuju benar dengan apa yang dikatakan oleh beliau kerana pada pendapat saya, akhirnya apabila perkembangan di dalam *e-insurance*, *electronic insurance* dan perkembangan dari segi multimedia dan sebagainya, perkara-perkara serupa ini sudah tidak diperlukan lagi seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tadi. Apakah wajar bagi sesuatu polisi perlindungan kewangan yang diberikan kepada seseorang pembeli itu, mereka tidak dapat menikmatinya kerana wang ini diberikan kepada penjual-penjual ataupun ejen-ejen insurans.

Mereka sepatutnya dapat menggunakan wang ini untuk dilaburkan dan mendapat faedah daripadanya. Tetapi apa yang berlaku sekarang, ianya lebih kepada kepada *multi level marketing* dan kita pun sedar apa yang berlaku di dalam industri *multi level marketing* ini. Industri *multi level marketing* ini walaupun satu industri yang agak berkembang maju tetapi juga telah menghadapi banyak masalah-masalah dan tuduhan-tuduhan terhadap ketiadaan *transparency* dan juga masalah-masalah yang seolah-olah menekan kepada pelanggan-pelanggan.

Kita mahu supaya apabila berlakunya satu revolusi elektronik ataupun multimedia *revolution* di negara kita yang kita harapkan melalui usaha-usaha kerajaan dengan menubuhkan *Multimedia Development Corporation* dan sebagainya yang membolehkan semua rakyat mendapat *access* terhadap apa juga kemudahan tanpa caj yang begitu banyak. Ini adalah merupakan satu langkah ke hadapan, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Saya bersetuju kerana kita mahu menyingkatkan proses ini kerana dengan penjimatan, proses ini akan membolehkan rakyat mendapat faedah yang maksimum dan tidak perlu membawa ataupun membayar dengan harga yang lebih. Sebab itu kita bersetuju supaya ada suatu rebet. Sekarang ini kita berikan rebet kepada mereka yang mendapat polisi insurans nyawa daripada agen-agen. Itu, *is up to their choice*, dengan izin. Tetapi bagi mereka, bagi saya, bagi Yang Berhormat Cameron Highlands dan Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau Dato' Speaker misalnya berminat untuk mendapatkan satu polisi insurans, maka terus pergi ke institusi-institusi insurans dan

mendapatkan polisi insurans itu *direct* daripada syarikat-syarikat insurans, maka adalah wajar bahawa syarikat-syarikat insurans ini tidak akan memberikan satu rebet yang banyak supaya sekurang-kurangnya suatu keadilan kepada pembeli-pembeli insurans ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang ingin saya bangkitkan di sini ialah ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kelana Jaya.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kudat. Setelah mendengar hujah-hujah yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands dan juga penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Kudat, saya kurang setuju sedikitlah dalam hal ini kerana pembelian saham adalah berlainan dengan pembelian insurans hayat khususnya. Dalam insurans hayat itu terdapat berbagai-bagai jenis polisi yang perlu diberi penjelasan ataupun penerangan oleh agen-agen insurans, dan sekarang kita naik tarafkan mereka ini sebagai penasihat kewangan ataupun perancang kewangan untuk pengguna. Dari segi proses pembelian insurans itu melibatkan banyak perkara termasuklah *medical check-up*, termasuklah polisi-polisi yang lain, maka banyak *complication* dalam hal ini.

Semalam dan hari ini kita ada bincang hal penggunaan bahasa dalam polisi insurans. Walaupun sekarang ini kebanyakan syarikat insurans ada memperkenalkan polisi itu dalam pelbagai bahasa, bahasa Inggeris, bahasa Malaysia dan ada juga sesetengah polisi ditulis dalam bahasa Cina. Maka sudah jelas masih ramai yang tidak begitu faham tentang insurans perlu diberi penjelasan. Maka saya rasa tidak berapa betul kalau kita hanya dapat membeli insurans melalui *electronic transaction* sahaja kerana banyak perkara yang perlu dijelaskan lagi. Maka itu saya harap dapat pandangan daripada Yang Berhormat Kudat. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Kelana Jaya, seperti mana yang kita maklum bahawa kita mempunyai beberapa strata *level of society*. Di dalam masyarakat yang mereka tidak mempunyai pengetahuan banyak, bukan semua orang faham tentang insurans khususnya *life policy*. Ada unit *persuasion, persistent persuasion*, dengan izin daripada agen-agen ini dan mereka akan memberi nasihat

kewangan ataupun terma-terma yang ada di dalamnya dan memberikan *benefit* atau faedah-faedah yang terkandung di dalam sesuatu polisi yang dijual terhadap seseorang pembeli itu. Tetapi kita juga mempunyai satu strata masyarakat yang kelas menengah atas, yang mempunyai kebolehan dan kemampuan yang mungkin setanding dengan penasihat-penasihat kewangan berlesen ini.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya minta penjelasan berkaitan dengan penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat daripada Kelana Jaya. Yang Berhormat berkata tidak bersetuju dengan pandangan saya dan juga Yang Berhormat Kudat. Saya tambah sikit dan saya minta penjelasan. Yang pertama ada banyak syarikat insurans di Malaysia yang dikuasai oleh orang-orang Barat, orang asing iaitu duit kita ni banyak dibawa keluar daripada negara ini dalam syarikat insurans kerana kemampuan mereka begitu besar sekali. Mereka sanggup untuk *under write*, dengan izin.

Polisi-polisi insurans yang besar-besaran kerana insurans ini bukan sahaja insurans hayat, insurans *endowment*, insurans kesihatan, insurans bangunan dan insurans perkapalan. Insurans besar-besaran pun dilakukan oleh syarikat-syarikat ini. Maka banyak duit kita disalurkan ke luar negara. Kalau rakyat Malaysia dapat dididik dalam konsep ini, contohnya syarikat MAA dikuasai oleh rakyat Malaysia sendiri di mana kita pemilik sepenuhnya. Ada syarikat-syarikat seperti ini memutar balik duit itu dalam negara.

Sekiranya ada segelintir golongan yang mempunyai semangat nasionalisme negara dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, ada kelas menengah atasan dan ada juga yang terdidik yang memahami konsep insurans, maka saya rasa perkara ini boleh diperluaskan kepada mereka, di mana mereka boleh diajar untuk membeli insurans secara *direct* melalui *e-commerce*, dan saya tidak mempertikaikan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, bahawa sekarang status insurans ini adalah *financial planners* dengan izin. Mereka bukan sekadar menjual insurans sahaja tetapi mereka boleh jual *investment*, *links* dan sebagainya. Itu saya setuju tetapi saya rasa industri ini banyak diperalatkan dan diperkotak-katikkan dalam soal sensasi di mana golongan-golongan yang menjual itu banyak diberi untung. Dia

beri parti di hotellah, dia bagi penerbangan sanalah, *holiday* sana, *holiday* sini kalau dia jual. Maka semua ini boleh dipulangkan balik kepada si pemegang polisi ini.

Saya rasa *e-commerce*, *e-insurans* ini adalah sesuatu yang perlu diperluaskan secara agresif di atas pegawai itu, dan dalam masa yang sama kepada golongan yang di bawah itu yang tidak ada didikan itu perlu juga ada golongan-golongan yang berperanan sebagai *financial planner*. Itu saya setuju. Apa pandangan?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Cameron Highlands, saya masukkanlah ucapan beliau itu di dalam ucapan saya, kerana saya anggap ucapan itu agak bernas dan mempunyai relevan di dalam usaha kita untuk mengajak masyarakat kita supaya menggunakan multimedia, menggunakan elektronik untuk .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuaran pun ada soalan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya, Yang Berhormat Tuaran.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kudat. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa cadangan pendapat Cameron Highlands itu sebenarnya sudah pun sebahagian daripada *master plan* Bank Negara, iaitu untuk mempertingkatkan insurans *penetration* kepada masyarakat. Salah satu strateginya ialah menggunakan ICT, menggunakan IT dan yang satu lagi yang kita buat bill sekarang iaitu mewujudkan *financial planners*.

Pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Kudat ialah apa-apa juga persoalan sahabat saya Yang Berhormat Kelana Jaya mengenai kesangsiannya terhadap penggunaan *internet* dalam pembelian insurans ini dan sebagainya. Pertanyaan saya ialah, apakah Yang Berhormat ada cadangan bagaimana kita boleh melaksanakan ini untuk mengurangkan kesangsian-kesangsiannya terhadap penggunaan *internet*, sebagai contoh untuk menjual pelbagai produk insurans sebab memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa banyak kesangsiannya, banyak yang perlu diperjelaskan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa ini adalah salah satu cara kita untuk menjual apa sahaja produk termasuklah insurans. Tetapi bagaimana dan apa cadangan untuk membantu Bank Negara dalam hal ini. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Tuaran, sebenarnya di dalam dunia yang begini *advance* dan *sophisticated*, dunia tanpa sempadan kita boleh membeli apa sahaja barang melalui *internet*. Kita boleh order baju, kita boleh *order spare parts*, kita boleh *order* macam-macam daripada *internet* dan ini tidak terkecuali kepada *e-insurance*. *E-insurance* ini adalah merupakan suatu revolusi di dalam industri insurans dan juga industri multimedia elektronik. Dan perkara ini merupakan satu perkara biasa. Di mana-mana negara yang telah maju, yang telah mempunyai sistem telekomunikasi ICT yang canggih ianya merupakan satu perkara yang biasa, satu perkara yang telah pun berkembang dengan begitu pesat. Sebab itu kalau sekiranya mereka yang mempunyai pengetahuan seperti yang saya jelaskan tadi sebahagian daripada kita mempunyai pengetahuan yang mendalam di dalam aspek-aspek perancangan kewangan.

Mereka tidak mempunyai masalah untuk terus ke internet ataupun terus ke kaunter-kaunter untuk mendapatkan insurans ataupun perlindungan tanpa mendapatkan khidmat daripada sesiapa pun. Mereka hanya perlu mendapatkan maklumat mereka, bersetuju dengan maklumat itu dan mereka yakin dengan maklumat itu dan mereka boleh membeli maklumat itu dengan seperti yang saya jelaskan tadi dengan premium yang lebih rendah kerana kita tidak memerlukan khidmat nasihat. Kita hanya perlukan maklumat. Kalau kita hanya perlukan maklumat bermakna kita faham, misalnya Yang Berhormat Muar adalah seorang peguam yang faham tentang insurans kontrak, yang tahu tentang terma-terma yang ada dalam insurans, tahu tentang risiko dan sebagainya. Mereka ini boleh terus kepada syarikat-syarikat insurans yang *establish* dan saya juga ingin menjelaskan tentang beberapa syarikat-syarikat antarabangsa seperti yang saya jelaskan mungkin banyak syarikat-syarikat ini yang telah menyediakan polisi-polisi insuransnya yang telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi seperti yang saya jelaskan, bagi mereka yang tidak ada keupayaan untuk memahami dan tidak ada keupayaan kepakaran seperti Yang Berhormat Muar, misalnya untuk memahami terma-terma insurans yang begitu berbelit-belit, mereka haruslah diberikan terma-terma insurans yang mudah difahami.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** [Bangun]

**Tuan Razali bin Ibrahim:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua ahli Yang Berhormat bangun.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Okey, Yang Berhormat Kelana Jaya selepas itu baru Yang Berhormat Muar.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Yang Berhormat Kudat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju penggunaan ICT itu memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian kita pada masa sekarang. ICT dapat membantu memberi maklumat yang secepat mungkin tetapi bagaimanakah penggunaan ICT itu di dalam hal insurans itu dapat memberi nasihat secara interaktif dengan serta-merta, itu persoalannya. Maklumat boleh diberikan tetapi nasihat, berapa premium yang dibayar, bagaimana pengiraannya, ansurannya dan banyak soal yang timbul dalam hal insurans maka maklumat boleh diberi dan bagaimana penggunaan ICT itu dapat memberi nasihat kepada pakar-pakar yang hendak membeli insurans, ini persoalannya. Bagaimanakah kaedah perlaksanaannya? Terima kasih Yang Berhormat Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Saya fikir Yang Berhormat Kelana Jaya, apa yang penting sekarang di sini ialah apabila kita membeli suatu barang itu kita telah mendapat maklumat dan kalau kita *comfortable* dengan maklumat itu kita boleh membelinya. Apabila seseorang itu menjual sesuatu barangan di dalam internet sama ada insurans ataupun produk-produk yang lain sudah tentu segala perkara-perkara yang berkaitan dengan produk itu adalah tersedia, kalau tidak saya fikir biasanya kita boleh mendapatkan apabila kita masuk kepada internet kita akan dapatkan semua maklumat itu. Kita dapat maklumat itu dan kalau kita bersetuju dengan maklumat itu dan kita mahu membelinya kita boleh menggunakan kredit kad atau sebagainya dan ini sudah tentu transaksi sudah boleh dilakukan.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Saya sebenarnya tidak tahu mana satu saya hendak setuju. *[Ketawa]* Sebabnya begini, insurans ini ada yang gunakan atau memiliki insurans sebab untuk masa susah, untuk masa kepayahan. Ada yang ingin satu jaminan sebagai contoh di Barat membeli polisi insurans untuk suara pun ada sebab suara ini merupakan punca pendapatannya. Ini

hendak digunakan dalam internetkah, insuranskah, pakailah, maknanya dia pilih mana satu yang sesuai, dia hendak insurans yang punggungnya pun, ini semua orang tahu.

Bermakna insurans ini yang boleh kita jadikan satu barang komersial, maknanya saingan dan orang yang menawarkan insurans ini kaya, naik kapal bercuti pun saya tidak berapa hendak kisah sangat sebab ini pemasaran (marketing), cara mana dia dapat menarik minat pemegang polisi tetapi yang saya maksudkan tadi ada setengah, tidak boleh. Anak sakit tengah malam yang mendapat perlindungan insurans, masuk hospital kita tidak boleh hendak cari orang kalau kita daftar secara internet, kita kena ada ejen. Walaupun tengah malam....duit tidak ada orang susah, beli sebab takut anak sakit, masuklah dalam hospital. Kita hendak dapatkan *clearance* maknanya pengecualian masuk dahulu daftar, sebab kalau tidak ada insurans jumpa wakil rakyat pun kita suruh, masuk dahulu, duit kemudian.

Kita hendak insurans buat macam itu supaya pemegang polisi tahu saya sudah beli insurans tiap-tiap tahun. Anak saya sakit, tidak perlulah saya bayar dahulu sebab saya ambil insurans takut saya tidak ada duit - benda-benda macam ini. Bab mati pun saya tidak risau, saya ada tiga insurans. Saya mati orang lain dapat bukan saya dapat. Tetapi waktu kesusahan, bagaimana kita hendak menggunakan polisi yang telah kita berikan, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Muar, sebenarnya apa yang telah Yang Berhormat Muar cakapkan itu saya bersetuju 100 peratus. Saya katakan di sini bahawa tidak semua orang memerlukan *financial planners*, ada orang yang memerlukannya, ada orang yang tidak memerlukannya. Contohnya kalau kita membeli satu insurans yang dikirim kepada kita melalui kredit kad. Kita hanya menulis, kalau kita bersetuju kita *sign, then we got the policy, that's all*. Itu sahaja. Ini bagi orang seperti kita, bagi orang yang tidak ada kemahiran di dalam dan juga pengetahuan di dalam bidang *financial planners* ini mereka memerlukan kemahiran-kemahiran yang serupa ini dan saya bersetuju kalau misalnya Jenifer Lopez, dia hendak *insured* dia punya punggung kah dan sebagainya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, itu memang berlaku di negara Barat. Ada orang yang menginsuranskan kaki bagi seorang pemain bola sepak...

**Seorang ahli:** Apa lagi?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ada yang menginsuranskan....

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Payu dara!

*[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Ya, seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Tuaran. Ini adalah satu realiti dalam dunia hari ini tetapi tidak semua strata masyarakat itu memerlukan *financial planners*, ada di antara mereka yang seperti yang saya jelaskan tadi, kita boleh membeli insurans melalui kredit kad, kita setuju dan kita *sign*. Kita bayar premium *every month* dan kita dapat *policy*. Sekiranya berlaku apa-apa kemalangan ataupun perkara-perkara yang dipersetujui maka kita harap kita akan mendapat faedah daripada perlindungan-perindungan seperti mana yang kita persetujui di dalam kontrak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya rasa penting di dalam akta insurans pindaan ini ialah bagi mereka yang telah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas di dalam industri ini iaitu pengurus kewangan ataupun *financial advisor*, penasihat kewangan yang berdaftar ini mereka ini haruslah menghadapi satu proses *screening* kerana mereka akan menjadi seorang penasihat kewangan yang sepatutnya mempunyai integriti yang tinggi yang boleh diyakini oleh pelanggan-pelanggan dan tidak melakukan penipuan-penipuan terhadap mereka.

Sebab itu misalnya di dalam apa juga industri kalau kita menjadi pegawai bank (*bankers*) misalnya, kita harus mempunyai satu standard tertentu dan mereka yang menjadi *financial planners* ini seharusnya mempunyai integriti yang tinggi dan tidak memiliki rekod-rekod jenayah sama ada jenayah kolar biru dan kolar putih. Tidak mempunyai rekod-rekod pecah amanah, penipuan dan rekod jenayah,....

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri :** Yang telah direkodkan oleh polis dan mempunyai karakter-karakter yang buruk dan dipercayai sebagai seorang penipu. Sebab itu kita mahukan sekurang-kurangnya satu *regulator*, satu perkara yang boleh dan menapis mereka yang memohon untuk menjadi *financial planners* yang berdaftar ini. Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih kepada laluan yang diberi oleh Kudat. Kata kunci yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Kudat tadi ialah tentang integriti, ertinya dari segi kod etika *financial advisor* ataupun tadi dia sebut sebagai perniagaan penasihat kewangan ini. Ini adalah merupakan kata kunci yang penting sekali. Integritinya sebab saya perhatikan sekarang ini setengah *financial advisor* ini meski pun disyaratkan memiliki lesen-lesen tertentu, sesetengahnya beroperasi tanpa lesen. Di sini juga saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Kewangan memikirkan cara yang *stringent* yang ketat untuk mengawal operasi perniagaan nasihat kewangan ini supaya mereka benar-benar dapat di lentur supaya identiti, integriti, sepadan, sesuai dengan PIN yang sedang dilaksanakan sekarang ini dengan rukun adabnya sekali gus, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Kuala Terengganu saya fikir apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu adalah menepati dengan pindaan Akta Insurans 1996 yang kita lakukan hari ini yang bertujuan sebenarnya untuk mengawal selia jawatan ataupun kedudukan sebagai penasihat kewangan ini. Kita meminda fasa-fasa ini adalah untuk melihat bahawa setiap mereka yang diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini haruslah mereka yang mempunyai integriti yang tinggi.

Tetapi tidak cukup dengan itu, seperti yang saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua ialah seseorang yang dilantik menjadi, saya tidak tahu saya tidak terbaca di dalam pindaan ini, ialah mereka-mereka yang dilantik ataupun yang memegang jawatan sebagai *financial planners* ini seharusnya mereka yang melalui proses *screening*. Mungkin kerajaan harus menubuhkan satu lembaga ataupun satu badan yang misalnya, kalau kita menjadi seorang doktor kita ada MMA, *Malaysian Medical Association*. Kita memang dalam insurans ini ada PIAM dan LIAM. Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dengan *Life Insurance Association of Malaysia* (LIAM).

Tetapi seperti mana yang saya jelaskan tadi mereka yang duduk di dalam lembaga ataupun persatuan-persatuan yang bertanggungjawab untuk regulate industri insurans ini haruslah mendapat input daripada kerajaan, polis, screening, haruslah dibuat bagi setiap mereka yang terlibat di dalam insurans ini. Kita tidak mahu misalnya apabila kita sudah adakan pindaan akta ini kita melesenkan mereka tetapi lesen itu tidak

membawa apa-apa makna kalau sekiranya masih lagi berlaku tindakan-tindakan penipuan ataupun misleading, misrepresentation ataupun perkara-perkara yang buruk di dalam industri ini.

Sebab itu kita mahu satu pengawalan yang *stringent*, kita mahu satu lembaga ataupun satu kumpulan yang diberi tanggungjawab untuk menapis rekod-rekod mereka yang akan dilesenkan ini. Mereka harus bebas.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih, sebenarnya saya hendak bagi sokongan yang sepenuhnya dalam konteks kita benar-benar mengoperasikan, melaksanakan pindaan ini iaitu perniagaan nasihat kewangan ini yang di antara lain seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kudat tadi ialah menganalisis keperluan perancangan kewangan seseorang yang berhubung dengan produk insurans.

Kadang-kadang yang kita dapati dari segi realitinya, analisis yang dibuat, analisis keperluan yang dibuat itu kadang-kadang di awang-awangan, tidak spesifik, kabur yang menyebabkan ramai yang tertipu. Kemudian mengesyorkan produk insurans yang sesuai, kadang-kadang tidak berlaku transpirasi di sini, tidak telus untuk memberitahu segala syarat-syarat, segala peraturan, segala prosedur yang ada maka saya sokong sepenuhnya agar pihak Bank Negara Malaysia terutamanya mengadakan satu jenis macam badan yang disebut tadi itu sebagai *regulator*, sebagai mengawal selia dalam bentuk etikanya, dalam bentuk tatacara dan prosedur yang ketat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Kuala Terengganu terima kasih di atas sokongan itu kerana saya fikir di dalam apa juga industri yang terlibat apa yang menjadi realiti di dalam industri ini ialah sebenarnya apabila kita menyerahkan wang kita kepada seseorang untuk dilaburkan sama ada ianya diserahkan kepada bank, diserahkan kepada agensi-agensi atau syarikat-syarikat unit amanah. Adalah menjadi tanggungjawab bagi syarikat-syarikat ini yang telah diberikan kepercayaan oleh *public* ataupun orang ramai untuk mengurus kewangan mereka, mereka haruslah memiliki satu integriti yang *unquestionable* integriti dan inilah perkara-perkara yang dituntut. Misalnya saya sebagai seorang yang pernah berkhidmat sebagai pegawai bank lebih kurang

hampir satu dekad. Segala tingkah laku saya sebagai pegawai bank adalah dikawal satu akta yang dipanggil BAFIA, *Banking And Financial Institution Act*.....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** dan *disclosure-disclosure* yang saya terpaksa buat dan banyak perkara lain dan ini adalah membolehkan industri kewangan kita dapat bertahan dengan begitu mantap sehingga hari ini. Sebab itu di dalam industri insurans ini apa yang berlaku di masa-masa yang lalu bahawa wujudnya seolah-olah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan berkaitan dengan integriti *financial planner* ini dalam sistem sekarang yang sedia ada kita ada dua jenis cara seorang itu boleh jadi ejen insurans. Satu, dia duduk peperiksaan ejen insurans, dia soalan objektif, semuanya soalan objektif dan soalan objektif ini kalau kita ambil lima tahun objektif sepatutnya soalan itu dikembalikan, tetapi ejen-ejen ini boleh dapat soalan objektif ini kalau dia dilatih bertubi-tubi kali dia boleh lulus, dia boleh lulus dengan senang dan lepas itu badan ejen LIAM dan juga PIAM itu telah memperkenalkan dengan Bank Negara kursus *financial planner* yang merupakan 18 bulan dengan penawaran diploma.

Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita mansuhkan sahaja sistem peperiksaan objektif ini? OK? Mungkin Yang Berhormat bagi Kelana Jaya tidak setuju tapi saya minta sahaja pandangan dan kita hanya memperkenalkan orang-orang yang memegang diploma ini untuk menjual polisi-polisi insurans seperti guru-guru. Sekarang dasar pelajaran adalah supaya semua graduan sahaja akan ke persatuan menjadi guru. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita memantapkan profesion agensi insurans dengan cara macam ini?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat Cameron Highlands saya bukan sahaja bersetuju, malah saya ingin mencadangkan kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan bahawa kita harus memberikan satu martabat yang tinggi terhadap industri ini dengan hanya membenarkan orang-orang yang mempunyai kelulusan-kelulusan tertentu. Mereka yang belajar dalam *actuarial sciences*, mereka yang belajar dalam *insurance management* yang sebenarnya bidang-bidang kursus ini

telah pun ditawarkan di kebanyakan universiti kita, ada anak-anak kita yang belajar di luar negara yang kembali dengan *Bachelor of Insurance*, ada yang *Masters of Insurance*.

Ada juga yang sebenarnya mengikuti kursus-kursus profesional di dalam bidang insurans, jadi apakah sebabnya kita tidak berikan keutamaan kepada mereka ini. Kenapakah kita menjadikan industri ini sebagai suatu industri *multi-level marketing* iaitu menjual sabun, menjual bermacam-macam barangan *consumer products* disamakan dengan satu industri yang begitu penting yang rakyat memberikan kepercayaan untuk menyerahkan wang ringgit mereka kepada syarikat-syarikat insurans ini bertujuan untuk supaya wang mereka ini dapat dilaburkan dengan sempurna dan mereka mendapat pulangan yang sewajarnya. Setiap yang menyerahkan wang ringgit mereka, mereka mengharapkan bahawa mereka mendapat pulangan yang menguntungkan dan bukan sahaja menguntungkan tetapi segala pelaburan mereka itu akan selamat.

Sebab itu adalah sesuatu yang dangkal apabila kita melihat bahawa industri insurans selama ini adalah satu industri yang boleh disertai oleh *Tom Dick and Harry*. Seperti yang saya jelaskan tadi guru pencen, bukanlah saya hendak memperendah-rendahkan mereka ataupun teksi *driver* dan saya juga tidak bermaksud untuk merendah-rendahkan mereka tetapi mereka tidak mempunyai pengetahuan di dalam insurans dan mereka kadang-kadang industri insurans ini pun bijak mereka melantik orang-orang yang mempunyai personaliti, yang *convincing*, *persistent* kadang-kadang mereka melantik gadis-gadis jelita untuk menjadi ejen-ejen. Gadis-gadis jelita ini direkrut oleh syarikat-syarikat insurans ini untuk menjual insurans ini dan sehingga sebahagian pelanggan *clouded*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung hari esok?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Bolehlah sikit. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya sambung besok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah sampai masa jam 5.30, saya terpaksa tangguhkan Mesyuarat ini untuk usul penangguhan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

**USUL**  
**MENANGGUHKAN MESYUARAT**  
**DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**5.30 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**UCAPAN PENANGGUHAN**

**PROJEK MESRA ALAM DAN TAMAN PENDIDIKAN DI PADANG MEHA  
PARKLANDS, KULIM, KEDAH - STATUS TERKINI**

**5.31 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tajuk ucapan – Apakah terjadi dengan Projek Mesra Alam dan Taman Pendidikan yang menelan belanja RM3 bilion di Padang Meha Parklands, Kulim, Kedah. Pada tahun 1997, MBF Country Homes and Resort Sendirian Berhad dengan kumpulan pendidikan MBF telah melancarkan Projek Mesra Alam dan Taman Pendidikan di Kulim, Kedah.

Taman pendidikan itu dikatakan dapat menarik pelbagai institut yang menawarkan kurikulum Malaysia dan antarabangsa dari peringkat tadika hingga ke atas. Di samping itu, Padang Meha Parklands, yang diperkenalkan sebagai Projek Mesra

Alam yang menelan pelaburan sebanyak RM3 bilion akan melibatkan pembinaan banglo Country Homes, Golf Coast Villas, rumah kos rendah dan sederhana, unit industri SMI, hartanah komersial dan pejabat, sebuah padang golf dan kemudahan sukan menunggang kuda.

Atas tarikan dan potensi projek ini, Encik Teoh Inn Seng dan isterinya telah menandatangani perjanjian dengan MBF Country Homes and Resort Sdn Bhd – No. 61145 K untuk membeli Plot nombor ObH/1-26 Orchard Bungalow Homestead yang dipegang atas lot 50 geran 20214 dan sebahagian lot 1150 geran 12684 Mukim Padang Meha, Daerah Kulim, Kedah yang berharga RM661 ribu. Pada keseluruhannya, sebanyak 150 plot ditawarkan dan membabitkan nilai RM100 juta.

Walau bagaimanapun, sehingga hari ini, projek ini tidak siap lagi dan pemindahan milikan masih belum dimeterai juga guna tanah bagi projek ini masih belum ditukarkan daripada pertanian kepada bangunan. Usaha untuk mendapat pemaju untuk mematuhi syarat-syarat perjanjian tidak berhasil dan nama syarikat pun ditukarkan kepada Alamanda Development Sdn Bhd. Apakah kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kepentingan para pembeli terlindung dan apakah status projek ini yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang pada masa pelancaran itu? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek RM3 bilion di Padang Meha Parklands, Kulim Kedah merupakan satu projek pembangunan bercampur ataupun *mix development* yang terdiri daripada projek perumahan, taman buah-buahan, taman rekreasi, tapak institusi, kompleks komersial, taman dagangan serta kemudahan awam yang lain. Projek ini pernah dikeluarkan lesen pemaju untuk sebahagian Lot 1523, lot lama 46 Mukim Padang Meha pada 18 Jun 1998 dan Lot 1015 Mukim Padang Meha pada 4 Mei 1998 kepada MBF Country Homes and Resort Sdn. Bhd.

Mengikut rekod Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pemaju melaporkan bahawa wang deposit telah dipulangkan kepada pihak pembeli bagi Lot 1523, manakala bagi Lot 1015, tiada penjualan dibuat. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh Majlis Perbandaran Kulim, sehingga kini tiada sebarang kerja pembangunan dan penjualan dilakukan bagi pembangunan perumahan, taman rekreasi, tapak institusi, kompleks komersial, taman perdagangan serta kemudahan awam yang lain. Beberapa unit rumah yang terdapat di tapak projek adalah rumah contoh yang dibina oleh pemaju pada masa pelancaran dahulu. Kementerian juga telah dimaklumkan oleh pihak Majlis Perbandaran Kulim bahawa terdapat penjualan lot tanah bagi skim taman buah-buahan seluas satu ekar setiap lot. Penjualan dan permohonan bagi lot untuk taman buah-buahan tersebut adalah di luar kawalan dan bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak MBF Country Homes and Resort Sdn Bhd telah memaklumkan kepada kementerian berhubung dengan pertukaran nama kepada Alamanda Development Sdn Bhd. Pihak kementerian bercadang untuk memanggil pihak pemaju tidak lama lagi bagi mendapatkan status sebenar kemajuan Lot 1150 dan Lot 50, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat oleh kerana sehingga kini tidak terdapat sebarang rekod permohonan lesen kemajuan yang dikemukakan kepada kementerian bagi lot-lot tersebut. Terima kasih.

## **ISU PENDIDIKAN DAN PERKHIDMATAN PERGURUAN**

### **5.36 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Isu berkaitan pendidikan dan perkhidmatan guru.

Pemeriksaan skrip calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia - Format pemeriksaan mata pelajaran pendidikan moral SPM menyatakan pelajar dikehendaki menjawab dua daripada tiga soalan esei. Jika seseorang calon menjawab ketiga-tiga soalan esei, maka Lembaga Peperiksaan mengarahkan pemeriksaan hanya perlu memeriksa jawapan bagi dua soalan esei mengikut urutan nombor soalan yang teratas.

Oleh yang demikian, pemeriksa tidak perlu memeriksa jawapan bagi soalan yang ketiga yang dijawab oleh pelajar. Mengapakah kriteria lain yang digunakan bagi mata

pelajaran Sejarah iaitu pemeriksa diwajibkan memeriksa kesemua jawapan esei yang dijawab oleh calon yang tidak mengikut arahan dalam kertas soalan kemudian memilih jawapan yang mempunyai markah tertinggi di antara soalan-soalan bagi penjumlahan markah. Mengapakah wujud ketidakseragaman dalam pemeriksaan skrip jawapan calon di antara mata pelajaran. Tindakan sedemikian seolah-olah menghukum pelajar bukan Melayu yang wajib mengambil mata pelajaran pendidikan moral sebagai mata pelajaran teras.

Kurikulum mata pelajaran sejarah KBSM tahun 2003 - Sebanyak sepuluh topik di tingkatan empat dan sembilan topik di tingkatan lima bagi mata pelajaran Sejarah telah disusun dalam kurikulum mata pelajaran sejarah, semakan tahun 2003. ini bermakna seorang pelajar perlu menguasai 19 topik untuk membolehkannya menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Rata-rata kebanyakan sekolah terutamanya yang mempunyai bilangan pelajar bukan Melayu yang terlalu ramai sukar menghabiskan sukatan. Ini disebabkan elemen sejarah Islam yang diajar di tingkatan empat melibatkan lima daripada sepuluh topik dan ini merupakan satu aspek pembelajaran yang baru bagi seseorang pelajar bukan Melayu.

Oleh yang demikian, guru-guru yang mengajar di sekolah yang mempunyai bilangan pelajar bukan Melayu yang ramai, mengambil masa yang agak lama untuk menerangkan sesuatu konsep dan isu kandungan elemen Sejarah Islam berbanding dengan guru-guru yang mengajar di sekolah yang mempunyai bilangan pelajar Islam yang ramai. Kesannya, penguasaan pelajar bukan Melayu dalam mata pelajaran sejarah pada tahap yang rendah berbanding dengan pelajar Melayu.

- (i) adakah Kementerian Pelajaran telah membuat sebarang kajian mengenai prestasi pencapaian pelajar bukan Melayu dalam mata pelajaran sejarah?
- (ii) adakah Kementerian Pelajaran akan menyusun semula kurikulum mata pelajaran Sejarah bagi tingkatan empat dan lima atau mengurangkan bilangan topik dalam tingkatan empat dan lima supaya tahap penguasaan pelajar bukan Melayu bertambah baik dan guru-guru dapat menghabiskan semua topik sebelum peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bermula;

- (iii) mengapakah isi kandungan elemen Sejarah Islam dalam kurikulum tingkatan empat sangat mendalam padahal peringkat tingkatan empat adalah peringkat pendedahan sahaja berbanding dengan peringkat tingkatan enam?

Perkhidmatan perguruan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) - Sistem Saraan Malaysia mula dilaksanakan pada 1 November 2002, bertujuan meningkatkan tahap kompetensi anggota perkhidmatan awam. Peluang kenaikan pangkat kepada guru-guru diperluaskan apabila gred jawatan baru diperkenalkan seperti DG44. Berapakah bilangan guru yang terlibat dalam kenaikan pangkat ke Gred DG44 pada tahun 2003 dan 2004.

Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) kepada anggota perkhidmatan perguruan - Peperiksaan PTK merupakan satu daripada syarat anjakan gaji dan kenaikan pangkat di bawah Sistem Saraan Malaysia. Anggota perkhidmatan guru dikehendaki menduduki peperiksaan tahap satu dan tahap dua. Peperiksaan bagi kedua-dua tahap telah dijalankan pada penghujung bulan Disember 2004, di mana guru dikehendaki menjawab 40 soalan objektif bahagian satu kompetensi umum dan 40 soalan objektif bahagian dua kompetensi kursus fungsi.

- (i) berapakah bilangan guru siswa dan bukan siswa menduduki peperiksaan PTK pada tahun 2003 dan 2004;
- (ii) berapakah peratus anggota perkhidmatan perguruan lulus dalam kedua-dua bahagian secara serentak iaitu bahagian satu dan bahagian dua kompetensi kursus fungsi pada tahun 2003;
- (iii) mengapakah Kementerian Pelajaran mengambil masa yang agak lama untuk mengemukakan keputusan peperiksaan, misalnya keputusan peperiksaan PTK pada tahun 2003 diumumkan pada penghujung bulan April 2004, manakala keputusan peperiksaan PTK bagi tahun 2004 sehingga hari ini 20 Jun belum diumumkan lagi. Amalan ini berlainan dengan pengumuman keputusan peperiksaan, iaitu antara satu hingga tiga bulan contohnya Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Pelajaran

Malaysia (STPM) yang melibatkan jumlah calon yang agak ramai berbanding dengan bilangan guru yang menduduki peperiksaan PTK. Mengapakah wujudnya kelewatan dalam mengemukakan keputusan peperiksaan PTK bagi anggota perkhidmatan perguruan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**5.42 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat kerana keprihatinan beliau terhadap isu-isu pendidikan. Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara mengenai sistem pemarkahan dalam peperiksaan, kurikulum dan perkhidmatan perguruan. Izinkan saya memberi penjelasan terhadap isu-isu yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kertas peperiksaan yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai arahan tertentu sebelum dijawab. Calon-calon adalah diingatkan agar mematuhi arahan setiap kertas soalan kerana ini penting untuk mendidik mereka mematuhi peraturan dan arahan yang telah ditetapkan. Arahan-arahan tersebut termasuklah memastikan calon menjawab jumlah soalan yang dikehendaki. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak memahami arahan yang disediakan. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi dasar KPM bagi semua kertas peperiksaan berbentuk subjektif termasuk mata pelajaran Pendidikan Moral, pemeriksa dikehendaki memeriksa kesemua jawapan yang dijawab oleh calon serta memilih markah tertinggi untuk diambil kira sebagai markah akhir, seperti arahan yang telah ditetapkan.

Kementerian sentiasa mengutamakan keadilan kepada semua calon dengan mengamalkan pendekatan *benefit to the candidates*, dengan izin dalam melaksanakan tugas-tugas peperiksaan dan tidak akan menghukum calon seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan mata pelajaran Sejarah, KPM telah menjalankan kajian tentang Isu Kurang Minat Murid Terhadap Mata Pelajaran Sejarah.

Kajian tersebut telah dijalankan pada tahun 2003 di sekolah yang berprestasi rendah bagi SPM 2002. Kajian yang dijalankan adalah secara menyeluruh iaitu ke atas semua murid Tingkatan 4 dan 5 tanpa mengira kaum di beberapa buah sekolah yang menunjukkan prestasi rendah mata pelajaran tersebut pada tahun 2002.

Hasil daripada kajian tersebut telah digunakan oleh kementerian untuk menjalankan beberapa siri kursus intervensi bermula tahun 2003, 2004 dan 2005 juga yang melibatkan guru-guru Sejarah. Kesan daripada beberapa siri kursus dan penumpuan kepada mata pelajaran tersebut mendapati prestasi mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah khususnya yang berprestasi rendah menunjukkan peningkatan prestasi pelajar. Di samping itu, prestasi mata pelajaran Sejarah SPM peringkat kebangsaan turut menunjukkan peningkatan peratus lulus yang baik di mana pada tahun 2004, peratus lulus ialah 73.9% berbanding tahun 2003 iaitu hanya 65.4%. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukatan peperiksaan SPM 2004 adalah tahun peperiksaan yang berdasarkan kurikulum mata pelajaran Sejarah yang telah disemak.

Kementerian Pelajaran Malaysia baru melaksanakan penyemakan semula kurikulum persekolahan. Tahun 2003 adalah tahun pertama murid-murid mengikuti kurikulum Sejarah (Semakan). Matlamat penyemakan semua kurikulum ketika itu adalah berbentuk penyesuaian (*curriculum adjustment*) dan bukan rombakan kurikulum (*curriculum revamping*). Semasa penyemakan semula kurikulum, komen/pandangan ke atas kurikulum termasuk bebanan kandungan, keseimbangan akademik, keberkesanan kaedah penyampaian dan jurang perbezaan antara kehendak kurikulum dengan keperluan peperiksaan turut diambil kira. Beberapa aspek dalam kurikulum Sejarah telah diubahsuai dalam Sukatan Pelajaran (SP), Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) termasuklah organisasi kandungan, isi kandungan dan proses pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Kurikulum Sejarah Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5) sebelum disemak semula dibahagikan kepada 2 komponen iaitu Dunia dan Negara Malaysia. Komponen Dunia diajar di Tingkatan 4 manakala Komponen Negara Malaysia diajar di Tingkatan 5. Kandungan Komponen Dunia meliputi 6 tema dan Komponen Negara Malaysia meliputi 7 tema. Murid menengah atas mempelajari kesemuanya 13 tema sebelum SPM. Kurikulum Sejarah Semakan di struktur semula dengan

menyepadukan Komponen Dunia dan Negara Malaysia. Penyepaduan dibuat berdasarkan perkaitan isi kandungan yang terdapat dalam kedua-dua komponen tersebut.

Selaras dengan itu, 13 tema sebelum ini telah disepadukan menjadi 6 tema sahaja dalam kurikulum Sejarah Semakan. 3 tema dipelajari di Tingkatan 4 dan 3 tema lagi di Tingkatan 5. Organisasi kandungan kurikulum tersebut adalah penyepaduan antara ilmu (pengetahuan), kemahiran (kemahiran pemikiran sejarah) dan nilai (patriotisme). Pendekatan ini bertujuan untuk memberi gambaran menyeluruh tentang evolusi peradaban manusia dalam menangani cabaran demi meningkatkan martabat bangsa dan negara Malaysia.

Elemen Sejarah Islam dalam Sukatan Pelajaran (SP) Sejarah Tingkatan 4 ialah dalam Tema 2, iaitu Tamadun Islam dan Perkembangan. Memandangkan Tamadun Islam adalah aspek Sejarah Dunia yang belum pernah dikaji dalam kurikulum persekolahan menengah rendah maka dalam buku teks, tema ini dijelaskan dalam bab 5 yang bertujuan untuk memudahkan pengajaran guru dan pemahaman murid. Bab-bab tersebut membincangkan setiap kandungan secara ringkas dan berfokus. Sejarah Tamadun Islam yang dikaji dalam mata pelajaran Sejarah adalah di peringkat mengenali tamadun Islam sahaja dan kandungannya berbeza dengan pendidikan Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus kandungannya adalah hanya kepada aspek sejarah sahaja tanpa menekankan ajaran Islam secara khusus dan terperinci di samping memberi peluang kepada murid untuk memahami Islam sebagai agama Persekutuan mengikut Perlembagaan Malaysia (1957).

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkhidmatan perguruan pula, di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM), seramai 1,600 orang guru siswazah Gred DG41 telah dinaikkan pangkat Gred DG44 pada tahun 2003, iaitu gred baru kenaikan pangkat di bawah Sistem Saraan Malaysia.

Bilangan yang dinaikkan pangkat ke gred DG44 pada tahun 2004 pula ialah seramai 8,208 orang, menjadikan jumlah keseluruhan yang dinaikkan pangkat pada tahun 2003 dan 2004 seramai 9,808 orang. Kesemua mereka dinaikkan pangkat secara *time based* dengan dikecualikan daripada syarat lulus PTK tahap 1 dan 2 di atas gred DG41. Bilangan guru siswazah dan bukan siswazah yang menduduki PTK pada tahun

2003 dan 2004 adalah guru siswazah tahun 2003 seramai 71,511, tahun 2004 seramai 64,837.

Untuk guru bukan siswazah tahun 2003 bilangannya adalah seramai 154,343. Tahun 2004 seramai 1222,872. Peratus anggota perkhidmatan perguruan yang lulus dalam kedua-dua bahagian iaitu Kompetensi Umum dan Kompetensi Khusus pada tahun 2003 ialah 13.87% yang meliputi seramai 31,331 calon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan dalam mengumumkan keputusan peperiksaan PTK tahun 2004 bagi anggota perguruan adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) kerajaan telah melaksanakan pemantapan PTK mulai tahun 2005 iaitu tahun ini dan proses pemantapan ini baru disahkan oleh agensi pusat iaitu JPA pada akhir bulan Mac 2005. Di antara aktiviti yang terlibat dalam proses tersebut ialah semakan semula sukatan soalan dan jawapan yang telah diproses;
- (ii) Pihak kementerian juga perlu membuat penyelarasan keputusan peperiksaan PTK tahun 2003 dengan keputusan PTK tahun 2004 dengan menggunakan format baru yang telah ditetapkan dalam pemantapan PTK. Dua faktor inilah yang menyebabkan pengumuman keputusan peperiksaan PTK bagi anggota guru lewat dikemukakan pada tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat bagi Ipoh Barat berpuas hati dengan penjelasan tadi terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran:** Tidak puas, boleh jumpakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekian Yang Berhormat. Selesailah ucapan-ucapan penangguhan. Dengan ini Dewan yang mulia ini, ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

***Dewan ditempohkan pada pukul 6.00 petang.***